

Bil. 41

**Rabu
27 Ogos 2008**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Makluman SPR Mengenai Wakil Rakyat Sah Permatang Pauh (Halaman 1)
- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Identifikasi Asid Deoksiribonukleik 2008 (Halaman 21)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Pandikar Amin Haji Mulia, P.G.D.K., P.S.M., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1(Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
4. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Syed Hamid Albar, S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
5. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, S.P.M.P., S.P.M.J., P.S.M., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
7. ” Menteri Pelajaran, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO
9. “ Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (Tasek Gelugor) – UMNO
10. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
11. ” Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
12. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO
13. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) – UMNO
14. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
15. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina binti Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Sri Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO
17. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) –PBB
18. “ Menteri Pengangkutan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
19. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
20. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO
21. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
22. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
23. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P. (Tampin) – UMNO
24. “ Menteri Kesihatan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) – MCA
25. ” Menteri Penerangan, Dato' Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
26. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam (Segamat) – MIC
27. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) –UMNO
28. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib – *Senator*
29. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid bin Ibrahim – *Senator*
31. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Amirsham A. Aziz – *Senator*
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS
2. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, P.G.B.K., J.B.S. (Sibu) – SUPP
6. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
7. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) – MCA

8. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
9. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Wira Abu Seman Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
11. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*
12. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB
14. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Noriah Kasnon, S.M.S., P.J.K. (Sungai Besar) – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) – MCA
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato’ Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
17. “ Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
18. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) – MCA
19. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) – PBB
21. “ Timbalan Menteri Pelajaran II, Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
23. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M. (Tangga Batu) – UMNO
24. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan S.K. Devamany, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
25. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC
26. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato’ Wan Ahmad Farid bin Dato’ Wan Salleh – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
28. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
29. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
30. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA

31. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan, Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
32. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II, Dato’ Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Saifuddin bin Abdullah, D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO
34. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Panglima Lajim Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Maznah Mazlan – *Senator*
38. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan T. Murugiah – *Senator*

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Tuan Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato’ Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Prof. Dato’ Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan bin Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
7. “ Datuk Abdul Wahab bin Dolah (Igan) – PBB
8. “ Dato’ Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
9. “ Datuk Wira Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
10. “ Tuan Ahmad Maslan (Pontian) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) – UMNO
14. “ Dato’ Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. “ Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP

19. Yang Berhormat Tuan Chua Tee Yong (Labis) – MCA
20. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
21. “ Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah, P.G.D.K. (Batu Sapi) – PBS
22. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP
23. “ Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
24. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
25. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
26. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
27. “ Tuan Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
28. “ Dato’ Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
29. “ Dato’ Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
30. “ Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
31. “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
32. “ Dato Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
33. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
34. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
35. “ Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Rembau) – UMNO
36. “ Dato Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
37. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
38. “ Dato’ Haji Lilah Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
39. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
40. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
41. “ Tuan Matulidi bin Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
42. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
43. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
44. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrums Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
45. “ Dato’ Haji Mohd. Jidin bin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
46. “ Dato’ Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
47. “ Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
48. “ Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
49. “ Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
50. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO

51. Yang Berhormat Dato' Sri Muhd. Leo M. Toyad, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
52. “ Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir (Jerlun) – UMNO
53. “ Puan Hajah Nancy binti Shukri (Batang Sadong) – PBB
54. “ Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman (Tanjong Manis) – PBB
55. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed (Pulai) – UMNO
56. “ Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
57. “ Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
58. “ Tuan Raime Unggi (Tenom) – UMNO
59. “ Tuan Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
60. “ Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
61. “ Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
62. “ Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
63. “ Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
64. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad (Sipitang) – UMNO
65. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
66. “ Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
67. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
68. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. “ Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. “ Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. “ Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. “ Datuk Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
75. “ Tuan William Nyallau, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
76. “ Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Haji Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)

6. Yang Berhormat Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
7. “ Tuan Chua Tian Chang (Batu)
8. “ Puan Hajah Fuziah Salleh (Kuantan)
9. “ Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya)
10. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
11. “ Tuan Johari bin Abdul (Sungai Petani)
12. “ Dato’ Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
13. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
14. “ Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)
15. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
16. “ Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. “ Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai)
18. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
19. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
20. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
21. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
22. “ Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang)
23. “ Tuan S. Manikavasagam (Kapar)
24. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
25. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
26. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
27. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
28. “ Dato’ Zahrain bin Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
29. “ Dato’ Dr. Zainal Abidin bin Ahmad, D.P.M.S. (Hulu Selangor)
30. “ Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
31. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)

10. Yang Berhormat Tuan John Fernandez (Seremban)
11. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
12. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
13. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
14. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
15. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
16. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)
17. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
18. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
19. “ Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun (Jelutong)
21. “ Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang)
2. “ Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Haji Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato' Kamarudin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali (Titiwangsa)
9. “ Tuan Haji Mahfuz bin Omar (Pokok Sena)
10. “ Tuan Mohd. Firdaus Jaafar (Jerai)
11. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli (Kuala Krai)
12. “ Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
13. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
14. “ Tuan Muhammad bin Haji Husain (Pasir Puteh)
15. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
16. “ Tuan Nasharudin Mat Isa (Bachok)
17. “ Tuan Haji Roslan Shaharum (Bukit Gantang)

18. Yang Berhormat Tuan Salahuddin Ayub (Kubang Kerian)
19. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. “ Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. “ Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (Bebas)

Yang Berhormat Dato' Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Ikmalrudin bin Ishak

CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Hajah Supiah binti Dewak
Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Haji Amran
Hadzirah binti Ibrahim
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd Najib bin Safii

Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri
Nur Hidayah binti Janudin
Nooruanizam binti Nasir
Siti Azalia binti Ahmad Tarmazi
Sukmawati binti Abdul Rahman

Siti Khadijah binti Md Nor
Hafizah binti Abu Samah

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 27 Ogos 2008****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****MAKLUMAN SPR MENGENAI WAKIL RAKYAT SAH PERMATANG PAUH**

Tuan Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa pihak Parlimen telah menerima surat daripada Pejabat Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia pada 8.30 pagi hari ini, Rabu, 27 Ogos 2008 yang memaklumkan bahawa berikutan Pilihan Raya Kecil bagi Bahagian Pilihan Raya Parlimen P44 Permatang Pauh, Yang Berhormat Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, adalah wakil rakyat yang sah dipilih mewakili Bahagian Pilihan Raya Parlimen P44 Permatang Pauh. Oleh yang demikian Upacara Angkat Sumpah sebagai Ahli Dewan Rakyat akan dilaksanakan pada hari esok. Pihak Parlimen akan memaklumkan perkara ini kepada ahli tersebut.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan di Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Ahli Geologi 2008;
2. Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2008;
3. Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2008; dan
4. Akta Perbekalan Tambahan (2008) 2008.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]** minta Menteri Kewangan menyatakan kadar '*non-performing loans*' (NPL) di bank-bank di Malaysia yang terkini. Apakah keadaan yang ada sekarang dianggap sebagai masih baik atau di sebaliknya.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, nisbah *non-performing loan* (NPL) bersih, dengan izin, telah menurun daripada paras 3.2% pada bulan Disember 2007 pada paras 2.7% dalam tempoh Januari hingga Jun 2008. Pada tempoh yang sama jumlah NPL bersih bagi sistem perbankan telah menurun daripada RM20 bilion kepada RM17.7 bilion. Paras ini merupakan tahap terbaik sejak krisis kewangan Asia yang lalu. Pada Disember 1998 semasa krisis kewangan Asia nisbah NPL negara kita berada pada paras 13.6%. Pinjaman sistem perbankan mempamerkan *quality asset* yang baik secara berterusan sejak tahun 2002. Perkembangan positif dalam NPL ini disebabkan oleh

kutipan balik pinjaman yang meningkat, pengelasan semula NPL pada status berbayar dan hapus kira yang berterusan oleh institusi perbankan.

Di samping itu keprihatinan institusi perbankan dan kecenderungan untuk menyusun atau menstrukturkan semula pinjaman sebagai langkah mengurangkan beban kewangan peminjam terutamanya dalam suasana semasa juga merupakan antara faktor yang menyumbang kepada trend menurun tersebut. Sehubungan itu dengan adanya sokongan tahap permodalan yang kukuh dan amalan pengurusan risiko yang lebih baik, sistem perbankan kini berada pada kedudukan yang kukuh untuk terus menyokong keperluan pembiayaan ekonomi negara. Terima kasih.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat menghargai kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bahawa nisbah NPL kini berada pada kadar yang baik iaitu 2.7% berbanding dengan 13.6% semasa krisis ekonomi yang melanda kita pada tahun 1998. Namun demikian, kebimbangan saya terhadap kadar inflasi yang meningkat tinggi kini mencecah pada paras 8% dengan harga minyak dan makanan yang tinggi. Soalnya, tidakkah ini akan membawa kepada kemerosotan ekonomi negara yang akan menjejaskan juga nisbah NPL nanti dan sektor kewangan negara kita juga. Seperti mana kita maklum banyak negara termasuk negara-negara maju kini menghadapi masalah *economic recession*. Kalau boleh sila jelaskan apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh Malaysia bagi kita mengelakkan masalah ini ataupun sekurang-kurangnya meringankan bebanan sekiranya ada masalah yang menimpa kita nanti. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita maklum, sektor perbankan bergantung kepada kedudukan ekonomi sesebuah negara. Jika ekonomi negaranya kukuh, maka sektor perbankan akan turut kukuh. Saya bersetuju seperti mana kata Yang Berhormat tadi bahawa banyak negara termasuk negara maju berhadapan dengan situasi ekonomi mereka dalam kedudukan *recession*. Namun begitu, bagi negara kita, seperti mana kita maklum kita berhadapan dengan ekonomi dipanggil sebagai *double swing situation*. Di satu pihak ekonomi kita berhadapan dengan inflasi, seperti mana kata Yang Berhormat yang telah mencecah paras 8% yang berpunca daripada *import price push inflation* di mana harga minyak dan harga barangan dunia meningkat tinggi dan pengimportan tersebut menyebabkan kos inflasi kita yang tinggi.

Di satu pihak ekonomi kita tetap mencapai pertumbuhan seperti mana dalam suku tahun pertama GDP kita meningkat kepada 7.1% dengan semua sektor mencatat pertumbuhan yang meyakinkan, sektor perkhidmatan 8%, pertumbuhan pembuatan 6.9% dan sektor pertanian 6.3%.

■1010

Apa yang sedang dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan ekonomi kita tetap kukuh adalah untuk mempertahankan supaya kedudukan makroekonomi kita dalam keadaan yang mampan seperti mana IMF membuat *projection* ekonomi kita akan tumbuh di antara 5% - 6% berbanding dengan 6.1% pada tahun lalu. Apa yang dilakukan oleh kerajaan dalam soal makroekonomi, skopnya yang pertama ialah mempertahankan pertumbuhan ekonomi kita. Ini dapat kita lihat seperti mana yang saya nyatakan tadi. Keduanya, inflasi dikawal. Kita mencatat 8% tetapi banyak negara mencatat lebih daripada dua digit peratus dari segi inflasi.

Kemudiannya dari segi isu pengangguran. Apa yang penting, pengangguran negara kita dalam sektor pembuatan pada tahun ini kurang. Jikalau pada tahun 2007, seramai 4,400 orang telah diberhentikan kerja akibat daripada perniagaan ditutup. Tahun ini daripada bulan Januari sampai bulan Mac hanya seramai 334 orang. Bermakna pengangguran iaitu pekerja yang diberhentikan kerja adalah tidak ramai; dan

Yang keempatnya, memastikan bahawa *balance of payment* kita stabil. Kita tahu bahawa *balance of payment* kita positif dari tahun 1999 lagi dan juga pertukaran nilai mata wang asing ringgit itu sentiasa kukuh. Sekarang ini di antara RM3.1 hingga RM3.2 bagi USD1. Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan sedar ada bank yang sengaja atau kerana kelemahan pengurusan telah tidak mengambil tindakan terhadap peminjam-peminjam termasuk pemilik kad kredit sehingga melampaui daripada 10 tahun sehingga menyebabkan jumlah pinjaman berlipat kali ganda mengakibatkan peminjam tidak mampu membayar balik dan menyumbang kepada kes-kes masalah bankrap.

Apa yang saya ingin meminta penjelasan daripada pihak kementerian, adakah kerajaan mempunyai sebarang perancangan atau cadangan untuk mengatasi masalah ini termasuk memansuhkan semua pinjaman yang telah melewati 10 tahun lalu dan menghapuskan terus sistem riba ini? Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai statistik *ageing schedule* untuk pinjaman di bank.

Yang Berhormat menyentuh tentang kad kredit. Seperti mana kita maklum, kad kredit kita dari segi NPL sekarang adalah sebanyak 2.3% iaitu berjumlah RM520 juta berbanding dengan jumlah baki sebanyak RM23 bilion. Maknanya ia di dalam yang keadaan kukuh dan stabil.

Dari segi pinjaman, apa yang dilakukan oleh kerajaan sekarang ini, kerajaan sedar ekonomi negara berhadapan dengan inflasi yang memerlukan kepada syarikat dan individu. Ia memerlukan lebih banyak lagi sumber pembiayaan untuk menjalankan urusan sama ada untuk *business* mahupun urusan kehidupan harian.

Bagi mereka yang berhadapan dengan masalah untuk membayar balik pinjaman, kerajaan telah membuat fleksibiliti. Ia telah mengarahkan bank supaya bank-bank dapat menstrukturkan semula pinjaman-pinjaman tersebut. Bagi individu ataupun syarikat yang tidak faham akan sistem ini, mereka boleh mendapat khidmat daripada agensi kaunseling dan pengurusan kredit untuk berhadapan dengan masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Di atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, soalan nombor 2 tidak dapat dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

[Soalan No. 2 –Y.B. Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago (Klang) tidak hadir]

3. Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandangkan kemiskinan terutama kemiskinan di bandar melibatkan trend demografi jangka panjang, isu pengurusan ekonomi serta pembangunan perindustrian, sumber manusia seperti kemasukan besar-besaran pekerja asing dan pelbagai elemen lain, apakah usaha-usaha kerajaan memperbaiki penyelarasan pelbagai agensi kerajaan dan penubuhan pangkalan data bersepadu untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedia maklum bahawa isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat merangkumi perancangan bersepadu daripada agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam pembangunan perbandaran bagi menampung trend urbanisasi yang melibatkan keperluan masyarakat bandar sedia ada dan mereka yang baru berhijrah ke bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan ini telah pun diberi perhatian dalam Dasar Perbandaran Negara (DPN) yang telah dilancarkan oleh KPKT pada tahun 2006. DPN adalah bertujuan untuk mewujudkan bandar berwawasan dengan komuniti dan kehidupan yang sejahtera menerusi pembangunan perbandaran yang mampan. Teras 2 DPN memberi perhatian kepada isu kemiskinan bandar di mana pembangunan ekonomi bandar yang kukuh, dinamik dan berdaya saing telah menjadi tumpuan utama KPKT.

Sehubungan ini, pelbagai kementerian, jabatan dan agensi khususnya yang terlibat dengan perancangan, pembangunan dan pengurusan perkhidmatan perbandaran dikehendaki melaksanakan program dan projek berdasarkan kepada strategi dan pelan tindakan yang dirangka bagi memastikan matlamat yang ditetapkan dalam DPN dapat dicapai. Memandangkan usaha ini mungkin boleh mengakibatkan pertindihan program dan

projek tertentu oleh agensi pelaksana yang mempunyai pengkhususan dan skop kerja masing-masing, maka Jawatankuasa Penyelaras DPN ditubuhkan bagi menyelaras pelaksanaan dan pemantauan program-program DPN di antara agensi-agensi. Manakala KPKT melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia berperanan sebagai urus setia kepada Jawatankuasa ini.

Selain daripada itu, usaha juga telah diambil untuk menambah baik tindakan penyelarasan di antara pelbagai agensi dengan penubuhan *Focus Group*, dengan izin di peringkat pusat, negeri dan daerah. *Focus Group* yang dianggotai oleh Kementerian dan agensi utama akan memberi perhatian kepada menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar, strategi dan program pembasmian kemiskinan di kawasan bandar dan di luar bandar. Di samping itu, Mesyuarat *Focus Group* juga akan mencadangkan penambahbaikan kepada program dan projek-projek yang berkaitan dengan pembasmian kemiskinan.

Dalam pada itu, kerajaan juga telah membangunkan Sistem Pangkalan Data Nasional, e-Kasih mengenai kemiskinan dengan tujuan menyepadukan semua sistem maklumat kemiskinan dan bantuan yang sedia ada di samping mengenal pasti keluarga miskin baru yang belum dikenal pasti. Pengumpulan dan pengemaskinian data dan maklumat ini sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Data-data yang diperoleh ini akan diguna pakai oleh agensi-agensi terlibat bagi memastikan keluarga-keluarga yang dikenal pasti diberikan bantuan mengikut kelayakan masing-masing. Dengan tindakan ini, kerajaan berharap semua program ke arah membasmi kemiskinan oleh agensi-agensi diselaraskan dengan lebih efektif. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang membentangkan kerangka kerajaan untuk membela warga di bandar.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerajaan ada dasar untuk membela warga luar bandar dan tadi kita sungguh berbangga sekali, kerajaan juga ada dasar untuk membela warga bandar. Akan tetapi kebimbangan kita ialah bahawa masa itu akan mengambil terlalu panjang dan sebelah sana akan mencedok dan menggunakannya seperti yang kita lihat pada baru-baru ini. *[Menunjukkan kepada pembangkang]*

Saya hendak bertanya, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan satu perumahan rakyat yang besar-besar? Ini adalah kerana kalau kita lihat dari segi tekanan kos sara hidup oleh warga anak-anak kita yang tinggal di bandar, jumlah satu pertiga ataupun satu per empat dari segi pendapatan mereka itu ialah pembiayaan perumahan, sama ada mereka membeli ataupun menyewa.

Adakah kerajaan hendak membuat satu Dasar Perumahan Negara secara besar-besaran seperti juga banyak di bandar-bandar dalam negara yang lain, bahawa perumahan rakyat itu diuruskan oleh kerajaan dan bukannya oleh swasta? Jikalau di luar bandar, kita beri mereka tanah yang *free* sahaja. Mengapa tidak di bandar begitu? Adakah kerajaan bersetuju, dia takut. Inilah kalau kita buat sesuatu untuk membela rakyat, dia di sana pun susah hati. Biasalah kan. *[Menunjukkan kepada pembangkang]* *[Disampuk]* Ini, dia susah hatilah itu. Yang Berhormat Pokok Sena pun susah hati, dia pun susah hatilah. *[Dewan riuh]* Bila ada satu perubahan yang kita hendak buat, memang kerajaan buat perubahan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Apa hendak susah hatinya?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Sebelah sana, kata hendak buat perubahan sahaja. Oleh sebab itu saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kerajaan akan membuat satu perancangan secara besar-besaran? Satu perumahan rakyat untuk rakyat di bandar yang dahagakan pembelaan. Hanya rekod Barisan Nasional sahaja yang boleh membela rakyat. *[Ketawa]*

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri. Tuan Yang di-Pertua, Dato' Seri Jamaludin ada membangkitkan tentang perumahan. *[Disampuk]* Minta maaf Yang Berhormat Rompin.

■1020

Yang Berhormat Rompin ada membangkitkan tentang isu perumahan. Saya hendak beritahu bahawa Dasar Perbandaran Negara dalam Teras Ke-5 ada menyebutkan bahawa perwujudan persekitaran kehidupan bandar yang sejahtera dan beridentiti secara tidak langsung juga menjurus kepada usaha-usaha membasmi kemiskinan bandar. Teras ini mengandungi enam dasar bertujuan untuk mewujudkan persekitaran bandar yang selesa, selamat dan sejahtera. Langkah-langkah yang diambil adalah dari aspek perumahan kemudahan perumahan perlu disediakan berasaskan kepada keperluan penduduk terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bahawa kerajaan melalui Misi Nasional dalam Wawasan 2020 adalah untuk menentukan bahawa semua rakyat dapat mempunyai sekurang-kurangnya dalam program yang kita panggil matlamatnya satu unit rumah bagi satu isi rumah disasarkan bagi memastikan keselesaan dan kesejahteraan penghuni. Bahawa kerajaan melalui kementerian ini sentiasa melihat bahawa isu perumahan ini akan juga mengurangkan beban masalah rakyat dari segi perumahan. Kita juga akan menentukan bahawa kemudahan awam bagi kita membangunkan kawasan-kawasan perumahan itu dapat sentiasa diperhatikan. Sekian terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua kita semua tahu bahawa *hard-core world* atau miskin tegar sangat serius dalam negara ini dan lebih-lebih lagi di mana ada majlis tempatan yang mengendalikan untuk menolong *hard core-world* ini. Akan tetapi bukankah benar bahawa kementerian yang sedia ada ini sebenarnya tidak ada kuasa untuk memberi apa-apa arahan tertentu kerana apa pun arahan yang diberi majlis tempatan nampaknya mereka tidak menjalankan tugas-tugas mereka kerana kementerian sebenarnya tidak ada kawal selia-kawal selia yang betul-betul untuk menentukan supaya dasar-dasar kerajaan ini dapat diimplementasikan.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua saya hendak tanya adakah kerajaan sedar bahawa baru-baru ini di seluruh Malaysia kebanyakan majlis tempatan telah menswastakan beberapa *area* kepada pihak-pihak swasta. Namun apabila penswastakan ini dibuat semua pekerja-pekerja yang diambil adalah pekerja-pekerja asing kebanyakannya dan ini menyebabkan lebih ramai orang Malaysia tidak dapat kerja di tanah air mereka sendiri. Apakah kawal selia dan apakah tindakan yang dibuat oleh kementerian supaya perkara ini tidak terjadi supaya kita tidak ada *hard-core* dalam negara ini supaya kerajaan lebih tahu. Kalau tidak kerajaan akan tukar pada 16 hari bulan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua saya ingin jelaskan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan merupakan satu kementerian yang mempunyai akta-akta untuk pihak berkuasa tempatan menjalankan mengikut akta-akta yang tertentu. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Ipoh Barat mengatakan bahawa kuasa yang ada itu adalah di bawah tangan kerajaan negeri. Masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat adalah masalah di negeri Perak di mana kerajaannya bukanlah Kerajaan Barisan Nasional. Sebab itu masalah itu timbul di negeri Perak...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Seluruh negara.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Manakala masalah yang ada di Kerajaan Negeri Barisan Nasional seluruhnya mengikut akta dan mengikut apa yang telah pun diarahkan oleh kementerian. Sebab itu segala apa yang dibuat mengikut daripada tinjauan kami kerajaan negeri-kerajaan negeri di bawah Barisan Nasional dapat mengikut apa sahaja yang telah pun dibuat mengikut dasar-dasar perumahan yang sedia ada.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tidak lama lagi Perak pun kita ambil.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Sebab itu Tuan Yang di-Pertua masalah yang dibangkitkan tadi kebanyakannya adalah masalah-masalah kerajaan negeri di bawah pimpinan bukan daripada Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua saya hendak ambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pengundi Permatang Pauh yang telah memberikan kemenangan besar kepada Pakatan Rakyat khususnya kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Ini luar tajuk. *Point of order.*

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Tunggulah, tunggu dahulu. Dengar dahulu apa masalahnya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tidak adalah apa ini tidak ada kena mengena itu apa ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya sabar-sabar Yang Berhormat Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Kalau menang PAS tidak apa juga, menang ADIL.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Biar dia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya teruskan soalan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tahniah kerana takziah walaupun Barisan Nasional cuba berlindung di sebalik punggung Saiful tetapi nampaknya tidak berjaya. *[Tepuk]*

4. **Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah sekolah seluruh negara yang terlibat dengan pembinaan bangunan tambahan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan nyatakan jumlah mengikut negeri serta kos pembinaan setiap bangunan tambahan bagi setiap sekolah yang terlibat dan senaraikan kontraktor utama yang memperoleh projek pembinaan tersebut mengikut pakej.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua dalam Rancangan Malaysia Kesembilan jumlah sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia yang terlibat dalam skop projek bangunan tambahan di seluruh negara adalah sebanyak 1,354 projek dengan siling peruntukan yang diluluskan sebanyak RM2.4 bilion. Walau bagaimanapun dengan keadaan semasa yang dilalui sekarang khususnya berkaitan dengan kenaikan harga barang binaan menyebabkan Kementerian tidak dapat melaksanakan kesemua projek yang dirancang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pelaksanaan dalam pemilihan kontraktor bagi melaksanakan projek-projek bangunan tambahan adalah melalui dua kaedah iaitu secara tender terbuka dan secara rundingan terus.

Sebarang kenyataan tawaran oleh KPM adalah terbuka sama ada kepada mana-mana kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan atau terbuka kepada mana-mana kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam kenyataan tawaran yang dikeluarkan. Mana-mana kontraktor yang memenuhi syarat adalah dijemput untuk mengambil bahagian dalam kenyataan tawaran yang dibuat. Oleh itu pihak KPM menganugerahkan kontrak di bawah kenyataan tawaran terbuka kepada kontraktor bumiputera ataupun terbuka pada mana-mana kontraktor yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat tawaran yang telah ditetapkan. Pihak KPM tiada halangan untuk membenarkan pihak kontraktor bumiputera atau bukan bumiputera yang berjaya mendapat kontrak kerajaan untuk melantik mana-mana subkontraktor yang berpengalaman dan berkelayakan untuk turut sama menayakan pelaksanaan projek tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam kontrak.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat pun menghadapi fitnah juga.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Sebelum Pokok Sena bercakap 36(4) perkataan itu tidak patut digunakan menghormati Permatang Pauh tarik balik 36(4). Kata tarik balik tidak payah sebut lagi perkataan itu tarik balik sahaja.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Apa dia perkataan apa?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya tidak boleh sebut sudah Yang Berhormat sebut dalam Hansard.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya tidak tahu apa pun perkataan apa yang perlu saya tarik balik.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya boleh tengok rujuk pada Hansard.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya tidak hendak sebut perkataan itu menghormati Dewan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Eh apa benda ini?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua apakah perkataan yang dimaksudkan?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tarik balik.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Apakah perkataan yang dimaksudkan?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Ha.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *You* mahu tarik balik punggung itu yang kamu hendak? Perkataan itu punggung bukan?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya akan buktikan dalam Hansard esok.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Okey, esoklah. Esoklah tunggu esok.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pokok Sena, sila teruskan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Dia tidak sabar Yang Berhormat Rompin ini.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puchong jangan campur. Ahli Yang Berhormat itulah makanya apabila provokasi-provokasi, jolok-menjolok timbul beginilah.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya biasalah.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah selepas pilihan raya sudah pun kalau lepas geram di Permatang Pauh jangan lagi bawa dalam Dewan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya,ya.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Pokok Sena tahu apa yang dia cakap. Tanggungjawablah sedikit.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Eh semalam kata Barisan Nasional hendak menang. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan soalan lepas ini jangan lagi ada apa-apa jolok menjolok ya. Sila.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri saya pun simpati juga dengan Yang Berhormat sebab menghadapi fitnah yang sama dalam pemilihan sebelum ini tetapi insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Insya-Allah kerana fitnah itu, Yang Berhormat akan menang insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah teruskan soalan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua tadi disebut bahawa tidak ada masalah KPM untuk memenuhi permintaan syarikat-syarikat kontraktor yang memenuhi syarat. Namun persoalan yang saya hendak timbulkan di sini apakah hanya satu, dua, tiga ataupun empat kontraktor utama sahaja yang memenuhi syarat untuk diberikan satu jumlah kontrak yang begitu besar yang disebut tadi bernilai RM2.4 bilion. Umpamanya contoh saya mengambil di zon sebelah Selangor dengan Wilayah Persekutuan iaitu melalui projek yang menggunakan Industri Building System IBS iaitu daripada 42 blok tambahan sekolah dan lima sekolah baru di Selangor dan Wilayah Persekutuan yang bernilai sebanyak RM850 juta telah diberikan secara rundingan terus kepada Ibuzawa Corporation Sdn. Bhd. dan Gabungan Strategik Sdn. Bhd.

■1030

Isu-isunya ialah adakah hanya dua sahaja kontraktor utama dalam negara kita ini yang mempunyai syarat yang berkelayakan. Tak boleh ke kalau 42 buah sekolah bangunan tambahan dengan lima sekolah kita berikan kepada setiap satu sekolah itu satu kontraktor. Maka sudah tentulah akan lebih ramai mereka akan dapat cari makan, walaupun Yang Berhormat akan menjawab bahawa sebahagian daripada subkontraktor itu akan diberikan kepada syarikat-syarikat. Itu satu persoalan yang lain, tetapi kontraktor Kelas A ataupun kelas yang berkelayakan ini mempunyai jumlah yang begitu ramai. Kemudiannya juga ialah jumlah...*[Dewan riuh]*

Seorang ahli: Soalan!

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: *[Menyampuk]* Ceramah, ceramah?

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: *[Menyampuk]* Siaran langsung, siaran langsung.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Seorang ahli: *[Menyampuk]* Terus, terus. Teruskan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tak, depa tak akan dengar ceramah saya di Permatang Pauh dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Terlalu ramai yang bising. Jangan terlampau panjang Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kemudian soal harganya Yang Berhormat ialah harganya bagi saya bahawa persoalannya ialah tender itu dibuat secara runding terus dengan nilai RM850 juta. Yang keduanya harganya terlalu tinggi untuk 45 buah sekolah dan 5 sekolah tambahan, 5 sekolah baru, ia adalah terlalu tinggi. Jadi, saya minta penjelasan secara telus, bukan runding terus. Terima kasih.

Ir.Dr.Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ingin saya memberi satu gambaran jelas kepada Yang Berhormat. Seperti mana yang saya katakan, terdapat 1,354 projek yang dilaksanakan disebabkan ada kekangan daripada segi kewangan maka kita tak dapat melaksanakan sepenuhnya. Dalam keadaan sekarang mungkin 1,000 sahaja yang dilaksanakan. Ingin saya memberitahu Yang Berhormat, andaian Yang Berhormat itu tidak tepat kepada beberapa kontraktor sahaja. Saya ingin memberi satu peratusan di mana 88.1% dibuat secara tender terbuka, Yang Berhormat. Bukan seperti mana yang didakwa oleh Yang Berhormat. *[Tepuk]*

Yang keduanya, apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi cuma 11.9% adalah dibuat secara rundingan terus. Dalam konteks ini, oleh kerana Kementerian menggunakan aplikasi IPS, bermakna pada mulanya kita kena buat secara berpusat. Akan tetapi akhir-akhir ini pengalaman kita telah memberitahu kita bahawa kita mungkin kena melihat kaedah yang lebih telus dan kita benarkan supaya ia dibuat secara *open tender*. Maka andaian Yang Berhormat, ramalan Yang Berhormat tidak tepat. Yang Berhormat kata saya akan

jawab yang bukan-bukan, itu tidak. Saya akan beri secara terus menerus dan inilah kekangan kewangan...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Bilangan kontraktor yang dapat, saya tanya.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Kontraktor? Yang Berhormat dah sebut Gabungan Strategik, APEC dan Ibuzawa dan sebagainya. Itu adalah sebahagian kecil daripada keseluruhan projek yang dilaksanakan oleh KPM iaitu cuma 11.9% dan itulah...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Soalan saya tadi Yang Berhormat Speaker ialah saya minta senarai kontraktor utama yang mempunyai projek pembinaan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, oleh kerana kita ada 1,354 projek dan yang mampu dilaksanakan setakat semalam mungkin 1,000. Kalau Yang Berhormat nak tahu secara spesifik, boleh saya kemukakan kerana terlalu banyak dan belum lagi dimuktamadkan. Sebab itu setakat pagi ini, saya nak dapatkan gambaran jelas Yang Berhormat nak apa. Saya akan terus kemukakan secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya nak bertanya kepada kementerian, di samping pembinaan bangunan sekolah yang baru, tambahan baru; sebenarnya kita banyak juga bangunan-bangunan sekolah yang lama, yang terbiar, terbengkalai dan tidak diselenggara dengan baik dan saya fikir ini menjejaskan juga prestasi sekolah-sekolah. Saya nak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat ini berapa banyak jumlah bangunan-bangunan sekolah ini sama ada menengah ataupun rendah yang tidak diselenggarakan dengan baik dan berapakah kos yang disediakan oleh kementerian bagi mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Maran. Sebenarnya kalau kita melihat untuk keseluruhan projek-projek bangunan tambahan dan gantian baru, kita hanya mempunyai peruntukan yang terhad. Dalam lingkungan RM4.9 bilion yang digunakan, yang boleh digunakan dan dari semasa ke semasa, kementerian ini akan mendapat satu senarai dari JKR tentang bangunan-bangunan yang perlu diselamatkan, yang telah dalam keadaan uzur.

Maka ianya berubah dari satu hari ke satu hari yang lain dan kita akan mengambil tindakan untuk projek-projek yang kecil yang boleh diperbaiki dengan serta-merta. Maka ada satu peruntukan secara kecemasan setelah mendapat pengesahan dari JKR dan PPD akan dilaksanakan. Jadi jumlah itu tertakluk kepada kemampuan kita iaitu hanya RM4.9 bilion untuk keseluruhan bangunan sekolah yang ada hampir 10,000 di Malaysia. Terima kasih.

5. Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang] minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah pihak kementerian dapat mengkaji semula kadar tambang penerbangan untuk warga emas agar dapat diadakan semula seperti sebelumnya. Ini memandangkan kedudukan geografi kawasan Limbang yang terletak di antara dua daerah negara Brunei menjadikan kaedah pengangkutan ini sangat penting.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa peka terhadap kadar tambang penerbangan untuk warga emas agar ianya berpatutan dan tidak membebankan golongan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, MASwings selaku syarikat penerbangan yang beroperasi ke Limbang sentiasa menawarkan potongan harga 50% daripada harga asal tambang penerbangan kepada warga emas warga Malaysia yang berusia 55 tahun dan ke atas ke semua laluan kendalian MASwings di Sabah, Sarawak, Labuan termasuklah Limbang. Terima kasih.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan kepada menteri bahawa sekarang ini apakah sekiranya MASwings dapat memperuntukkan tambang percuma untuk warga emas. Ini kerana selalu

didapati banyak tempat duduk yang kosong dalam penerbangan seperti dari Miri ke Limbang.

Saya rasa ini adalah sebagai satu kaedah atau khidmat kepada warga emas sedangkan syarikat lain pun boleh menawarkan *zero fare* ataupun sekurang-kurangnya menggunakan kaedah *flexi fare* juga untuk warga emas. Oleh sebab pada masa ini ianya adalah harga tetap dan mestilah dibeli lapan hari lebih awal dan untuk pengetahuan Yang Berhormat, sekarang ini apa-apa penukaran untuk sektor MASwings semuanya dikenakan caj sebanyak RM65. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa pada ketika ini MAS ataupun MASwings tidak berhasrat ataupun mempunyai cadangan untuk mengendalikan tambang percuma tetapi harga yang sebenarnya adalah agak murah. Dari Miri ke Limbang bagi warga tua hanya lebih kurang RM70 sahaja - sekali pergi.

Harga sebenar ialah RM132 dan 50% *reduction* ataupun pengurangan, maknanya lebih kurang RM70 sahaja. Jadi tidaklah agak membebankan dan saya percaya juga bahawa warga emas bukanlah setiap minggu ataupun setiap bulan mereka pergi ke Miri atau balik ke Limbang. Memang ada juga pertimbangan-pertimbangan tertentu kepada warga emas ini termasuklah seperti apa yang saya katakan potongan 50%. Terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya pihak Kementerian Pengangkutan, apakah pihak kementerian bercadang untuk berunding dengan syarikat penerbangan murah seperti AirAsia untuk warga emas di mana mereka ada harga murah tetapi mesti ditempah dua bulan-tiga bulan sebelum penerbangan. Jadi kalau warga emas tempah untuk harga murah sampai harga RM20 dan dua bulan itu dia dah mati dah, jadi tak sempat nak naik kapal terbang.

Jadi, bolehkah pihak kementerian berunding untuk warga emas, biar penerbangan murah ini betul-betul murah dengan menetapkan harga dia boleh tempah bila-bila. Hari ini tempah, esok boleh terbang. Jangan tiga bulan-empat bulan saya katakan tadi. Banyak dah Tuan Yang di-Pertua, yang tempah dengan AirAsia ini dah mati, tak sempat nak naik. Tiga bulan-empat bulan baru boleh terbang untuk dapat tambang harga murah. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, sebenarnya AirAsia tidak menawarkan potongan 50% sebabnya memang AirAsia adalah mengendalikan tambang murah. Seperti juga dicadangkan bahawa supaya AirAsia ini memberikan peluang untuk penumpang-penumpang membuat tempahan *last minute* yang dimaksudkan.

Akan tetapi oleh kerana AirAsia ini mempunyai perkhidmatan murah dan siapa yang datang dulu, dia dapat dulu dan siapa yang akhirnya dia akan membayar lebih daripada apa yang diperolehi oleh orang yang menempah lebih awal. Maka setakat ini AirAsia tidak menawarkan perkhidmatan 50% potongan bagi warga tua. Walau bagaimanapun, seperti yang disarankan supaya kementerian berunding kepada AirAsia, kita tidak ada masalah untuk berunding tapi terpulanglah kepada AirAsia sama ada menerima cadangan kita atau tidak. Terima kasih.

■1040

6. Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada wujud atau tidak perancangan kerajaan akan membina hospital besar di Puchong dan sekiranya tidak, apakah langkah-langkah untuk menaik taraf klinik-klinik kerajaan di kawasan Puchong dalam masa terdekat.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat Puchong. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, sebenarnya tidak ada perancangan dibuat untuk membina hospital di kawasan Puchong. Justeru itu beberapa projek naik taraf dan membaiki kemudahan kesihatan di kawasan Puchong telah pun dirancang dan dilaksanakan. Antaranya adalah:

- (i) Klinik Kesihatan KK 2, dengan kuarters di bandar Kinrara Puchong dengan Pejabat Kesihatan Daerah Petaling;
- (ii) naik taraf Unit X-ray dan Makmal Pergigian dan Kuarters gantian di Klinik Kesihatan Puchong sedia ada; dan
- (iii) menaik taraf Klinik Ibu dan Kanak-kanak serta Jabatan Pesakit Luar di Klinik Kesihatan Puchong yang siap pada bulan Mac 2008.

Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin tanya pernahkah Yang Berhormat hadir di Klinik Kesihatan Puchong dan adakah Yang Berhormat sedar di situ tidak terdapat fasiliti-fasiliti yang mencukupi untuk rakyat Puchong? Puchong kini mempunyai lebih kurang dalam 78,000 pengundi. Tempat yang sebesar itu tidak terdapat sebarang peruntukan yang dibuat oleh kerajaan untuk mengadakan satu sistem kesihatan yang efektif dan baik di kawasan itu.

Di sini saya ingin bertanya, adakah kerajaan bersedia memberi jaminan, bahawa dalam masa yang akan datang satu hospital besar yang sedia dengan semua fasiliti akan dibina di kawasan Puchong, khususnya memandangkan bahawa di Puchong terdapat ramai penduduk di situ dan tiada sebarang sebab untuk kawasan Puchong ini diketepikan daripada rancangan negara kita untuk memastikan bahawa sistem hospital di semua tempat *at all time suitable for the people*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri datang, saya pun datang. Saya sudah tengok, yang tidak datang Yang Berhormat Puchong sendiri. *[Tepuk]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu sangkaan jahat. *In fact my service center* di hadapan klinik itu.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: *This is my floor, this is my floor.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya ada di situ setiap hari Sabtu. *[Tepuk]* Kalau hendak buat tohmahan, *you make sure your fact is right*. Kalau *you don't have your facts, don't make allegation*. Saya minta tarik balik, tarik balik. Kalau tidak tarik balik, jangan datang ke Dewan dan buat tohmahan yang kosong. *That is a lie* Tuan Yang di-Pertua. *It is an outright lie.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puchong...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Dia punya *center* dekat sana.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Adakah kamu tahu *service center* saya di hadapan...

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, berganti-ganti untuk bercakap.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puchong, Puchong duduk dahulu Yang Berhormat Puchong. *[Dewan riuh]* Duduk dahulu, biar saya yang buat keputusan sama ada sangkaan jahat atau apa. Sila, Yang Berhormat teruskan. Mungkin waktu Yang Berhormat Puchong tidak ada, dia tidak tahu sama ada Yang Berhormat datang melawat atau tidak ada.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Cakaplah baik, baik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Gajah, janganlah campur. Tidak apa, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, bukan itu. Tohmahan yang dibuat yang saya tidak ke situ, itu tidak betul. Saya hendak dia, kalau... [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah Yang Berhormat. Ada juga Ahli Yang Berhormat yang tidak datang ke Dewan dari pagi atas sebab tertentu, itu tidak apalah. Janganlah panjangkan.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat Puchong mula dahulu. Dia tuduh kementerian tidak prihatin. Kalau Yang Berhormat Menteri datang, saya datang...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puchong duduk dahulu, Yang Berhormat Puchong duduk.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Macam mana dia tuduh saya tidak prihatin.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Duduklah.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dahulu Yang Berhormat Puchong.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: *This is my floor*, tunggulah dahulu saya jawab.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, tohmahan yang dibuat...

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Saya tidak membuat tohmahan. Itu adalah fakta.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri duduk dahulu. Saya dengar kedua-dua hujah tadi. Dia kata menteri ada datang, Yang Berhormat Puchong tidak ada datang. Mungkin pada waktu menteri melawat Yang Berhormat Puchong tidak ada. Jadi bagi saya tidak adalah tohmahan yang sangat-sangat bahawa Yang Berhormat Puchong tidak pergi ke sana, tidak apalah biar dia jawab dahulu. Kerana soalan asal pun kalau ada fasiliti yang akan dibuat. Yang Berhormat Batu Gajah janganlah campur hal orang lain. [*Ketawa*] Ini Yang Berhormat Batu Gajah apa hal pun saya dengar suara dia macam makcik. [*Ketawa*] Teruskan timbalan menteri, bersabarlah Puchong, biar dengar apa dia cakap, tidak apalah. Sila timbalan menteri teruskan.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya beritahu tadi, Yang Berhormat Menteri datang, saya datang dan saya dapat fakta ini daripada pegawai-pegawai saya. Saya tanya siapa dia Ahli-ahli Yang Berhormat yang pernah datang? Ahli-ahli Yang Berhormat yang pernah datang, adalah betul-betul Yang Berhormat Puchong. Akan tetapi yang lama punya, yang dahulu punya. Tidak yang baru ini lagi. Beri masalah dia, sekarang baru empat lima bulan. Kalau.. [*Disampuk*] Itu pun salah. Malah di atas keprihatinan...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya. Adakah Yang Berhormat...

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Saya tidak bagi *floor*.

Seorang Ahli: Dalam peraturan mesyuarat...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk dahulu Timbalan Menteri. Biar saya bercakap dahulu. Saya betul sekarang sudah malas untuk bercakap panjang lebar. Malahan saya dituduh saya selalu campur dalam perbahasan. Dalam sesi soal jawab, tidak boleh dibuat helah sebagai berbahas. Ini bukan lagi berbahas, ini berdialog. Semua sudah faham ini. Janganlah berdialog, janganlah berbahas. Ini sesi soal jawab. Sila Timbalan Menteri teruskan.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kita faham. Kawasan Puchong, dia punya pelanggan mendadak selepas 2003, 2004. Sebelum itu pembangunan di persekitaran itu agak lambat. Jadi bila pertumbuhan kawasan di sekitarnya agak deras dan ini boleh dilihat. Pada tahun 2002, mereka yang datang ke klinik adalah 23,000 satu tahun. Akan tetapi 2008, sudah menjangkau 78,000 satu tahun. Itu semua kita sudah ada data-datanya. Sebab itu kita tambah keperluan-keperluan seperti klinik dan fasa 2 juga naik taraf Klinik Kesihatan Puchong yang sedia ada. Akan tetapi kita tidak berhasrat untuk bina hospital kerana hospital yang terdekat adalah Hospital Serdang. Rancangan Malaysia Kesembilan juga bersetuju untuk membuat Hospital Shah Alam iaitu di ibu negeri dan ini adalah satu kawasan yang berdekatan. Jadi tidak perlulah ada hospital di Puchong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tiada lagi yang berminat menanyakan soalan tambahan kepada soalan ini?

7. Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan langkah yang sedang dan akan diambil oleh kerajaan bagi menggalakkan lagi penanaman pokok getah, koko, dan jetropa di Sarawak secara estet-estet kecil dan sederhana (*small estates*) atau melalui pekebun-pekebun kecil (*small holders*).

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini melalui Lembaga Getah Malaysia dan Jabatan Pertanian Sarawak telah dan sedang mengadakan beberapa program bagi menggalakkan penanaman getah secara mini *estate* atau melalui konsep ladang berkelompok di Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, setakat ini Jabatan Pertanian Sarawak melalui Program Penanaman Getah setiap lima tahun yang dimulakan sejak tahun 1996 yang telah menanam getah seluas 12,000 hektar secara mini *estate* dan lebih daripada separuh kawasan tersebut yang telah diserahkan kepada pekebun kecil untuk diusahakan oleh mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kementerian ini sedang mempertimbangkan cadangan Kerajaan Negeri Sarawak untuk membangunkan kawasan seluas kira-kira 30,000 hektar sebagai kawasan tanaman getah secara perladangan yang dilaksanakan di bawah Rancangan Pembangunan Agropolitan bagi negeri Sarawak.

■1050

Pembangunan tanaman getah ini akan dijalankan dengan kerjasama FELDA, RISDA, dan Jabatan Pertanian Negeri Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, bagi tanaman koko pula, kerajaan menumpukan usaha-usaha galakan penanaman kepada pekebun kecil melalui:

- (i) program pembangunan pekebun kecil koko Malaysia;
- (ii) program pemulihan tanaman koko; dan
- (iii) program konsolidasi tanaman koko.

Di bawah program-program ini, kerajaan menyediakan insentif sebanyak RM6,500 sehektar bagi tempoh sehingga lima tahun dalam bahan tanaman yang berkualiti, baja, racun, rumpai dan sebagainya. Kerajaan juga memberi bimbingan melalui penganjuran kursus-kursus dan pemindahan teknologi bagi memastikan program ini berjaya. Usaha-usaha pengembangan serta galakan penanaman koko di Sarawak telah ditingkatkan dengan tertubuhnya pusat penyelidikan Sarawak dan pembangunan LGM di Samarahan, Kuching. Pada Ogos 2006, pusat tersebut merupakan nadi bagi aktiviti-aktiviti penyelidikan huluan dan pemindahan teknologi kepada pekebun-pekebun koko di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini belum ada tanaman jatropha diusahakan secara komersial dan mengeluarkan hasil sama ada oleh pekebun kecil atau syarikat-syarikat perladangan di Malaysia. Kementerian saya melalui Lembaga Getah Malaysia telah mengambil inisiatif menjalankan penyelidikan bagi meneliti kaedah meningkatkan daya saing dan merealisasikan potensi tanaman jatropha untuk

pengeluaran biodiesel. Langkah-langkah segera sedang diambil antara lain bagi menyediakan plot-plot percubaan untuk memilih *variety* atau klon yang mampu mengeluarkan hasil yang tinggi.

Di samping itu, saintis di LGM juga sedang meneliti amalan agronomi dan sistem pengeluaran, kajian musuh dan penyakit, mekanisasi ladang, pembangunan produk sampingan dan adaptasi teknologi pemprosesan biodiesel. Sekian.

Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan menteri. Kita lihat getah kalau di Sarawak adalah satu dari komuniti penyelamat bagi pekebun-pekebun kecil oleh sebab kenaikan harga yang begitu memuaskan dalam beberapa bulan yang lalu ataupun dari tahun yang lalu berbanding dengan komoditi-komoditi lain seperti koko ataupun lada. Juga disebabkan harga yang sudah naik tinggi bagi input seperti racun dan baja yang memberi kesan negatif kepada koko dan lada. Jadi kita fahamlah memang ada rancangan penanaman semula ataupun pembangunan estet-estet getah di Sarawak tetapi kita difahamkan bahawa apa yang telah dijalankan dalam beberapa tahun yang lalu mengikut laporan dari kawasan-kawasan yang tertentu adalah tidak memuaskan sebab ianya menggunakan kontraktor.

Saya difahamkan bahawa apa yang telah dijalankan oleh kontraktor-kontraktor ini adalah tidak memuaskan. Kadang-kadang keluasan kawasan yang telah ditanam pun tidak mengikut jadual. Jadi saya cadangkan di sini kalau dapat apabila program begini dilaksanakan di Sarawak terutamanya, ianya patutlah diberi terus kepada pekebun-pekebun kecil supaya mereka dapat menguruskannya dengan sempurna. Saya difahamkan ianya kebelakangan ini diberikan kepada satu-satu tempat atau kawasan sahaja tetapi Sarawak adalah luas dan kawasan Parlimen pun di kawasan luar bandar, jadi mereka memerlukan bantuan-bantuan seperti ini.

Jadi saya cadangkan supaya ianya diberi secara meluas kepada kawasan-kawasan Parlimen yang lain. Soalan saya adalah berapakah setakat ini ataupun yang akan dicadangkan untuk pembangunan pekebun kecil getah di Sarawak pada tahun yang akan datang. Terima kasih.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang saya cukup setuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Kanowit. Sebenarnya kalau kita lihat di Sarawak memang keluaran getah bolehlah dikatakan semakin meningkat di mana kalau kita lihat Sarawak telah mengeksport sebanyak 83 juta tan metrik yang bernilai lebih kurang RM299 juta. Kalau kita lihat di Sarawak, 99.5% daripada keluasan tanaman ini adalah terdiri dari kebun kecil. Kalau kita lihat masalah yang dihadapi di Sarawak khususnya ialah iaitu pengeluaran yang di mana kadar pengeluaran adalah masih rendah jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia.

Ini adalah kerana pertama sekali penggunaan klon yang bolehlah dikatakan tidak begitu produktif dan satu lagi ialah amalan agronomi yang tidak konsisten. Jadi dengan adanya LGM dan pengenalan klon-klon yang terbaik, hari ini kita boleh lihat mereka menggunakan klon-klon yang baik, contohnya RRIM 2000 dan RRIM 2005. Ini dapat meningkatkan lagi pengeluaran khususnya dalam sektor getah di negeri Sarawak. Sekian.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya rasa pertanyaan ini baik dari segi pembangunan tetapi pembukaan tanah-tanah untuk kelapa, koko ini mempunyai kos yang paling tinggi, dengan izin *human cost*, terutama di negeri Sarawak dan Sabah saya rasa. Bolehkah menteri menjelaskan apakah implikasi terhadap Orang Asli di Sarawak? Pembukaan tanah ini, apakah kos dari segi pemindahan mereka, mungkin dari segi mereka hilang cara kehidupan mereka dan sebagainya? Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *You* mahu soal pun tidak tahu Sarawak apa bangsa ada? Mana ada Orang Asli, Orang Iban adalah.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Itulah bila Yang Berhormat tanya Orang Asli tadi saya pun fikir, eh, mana ada Orang Asli. Memang tidak ada Orang Asli di kawasan situlah tetapi di kawasan Negeri Sarawak seperti saya beritahu tadi iaitu 99% adalah kebun kecil, tidak sama sekali menjejaskan kehidupan

mereka. Jadi mereka mengusahakan secara kecil-kecilan. Jadi hendak kata membuka ladang baru dan sebagainya tidak wujud di sini kecuali kita ada satu rancangan sahaja iaitu di Tanjong Manis yang mana kita akan buka lebih kurang 30,000 hektar. Ini tidak melibatkan atau tidak akan menjejaskan kehidupan penduduk-penduduk di situ. Sekian.

8. Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah tenaga kerja asing yang didapati berterusan masuk secara haram lebih daripada sekali sekurang-kurangnya sejak beroperasi besar-besaran pada 1998-1999; dan
- (b) jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk hal penguatkuasaan di dalam operasi besar-besaran menangkap dan menghantar mereka pulang sehingga sekarang.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Syed Hamid Albar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Telok Kemang. Jabatan Imigresen tidak dapat membekalkan statistik jumlah tenaga kerja asing yang memasuki negara lebih daripada sekali sejak operasi pada tahun 1998, 1999 kerana pada ketika itu proses pengusiran pulang PATI ke negara asal dibuat secara manual. Sistem pengkomputeran Jabatan Imigresen Malaysia berada di peringkat pembangunan sistem. Oleh yang demikian cap jari warga negara asing yang diambil secara manual sebelum diusir ke negara asal dihantar ke Jabatan Polis Diraja Malaysia. Cap jari diambil atas borang polis dan disimpan di Bukit Aman. Memandangkan proses ini dilakukan secara manual, maka adalah sukar untuk mendapatkan statistik itu.

■1100

Mulai tahun 2005 semua PATI yang diusir ke negara asal akan diambil biometrik. Biometrik ini mampu disimpan dalam sistem komputer dan boleh digunakan untuk menyemak sekiranya seseorang warga asing itu pernah diusir dari negara ini kerana melakukan apa-apa kesalahan. Mulai tahun 2005 semua pekerja asing yang ingin bekerja di negara ini wajib diambil biometrik mereka. Begitu juga bagi semua PATI yang diusir wajib diambil biometrik mereka.

Langkah ini dapat menghalang warganegara yang sudah disenaraihitamkan oleh kerajaan dari memasuki semula negara ini. Bagi memantapkan lagi pengurusan pekerja dan pelajar asing di negara ini kerajaan telah memperkenalkan i-KAD bagi semua pekerja asing, pelajar asing dan warganegara asing yang menyertai program khas seperti Program Malaysia Rumah Keduaku. Biometrik pemegang kad ini akan disimpan dalam pangkalan data Jabatan Imigresen. Biometrik boleh digunakan dalam pengurusan pekerja asing, pelajar asing, PATI dan sebagainya.

Mengikut statistik i-KAD yang diperolehi oleh JIM sehingga 22 Ogos 2008 sebanyak 437,891 yang telah dikeluarkan dan diserahkan kepada warganegara asing yang bekerja atau belajar di negara ini. 36,112 pelajar dan seramai 401,779 pekerja asing telah pun diberikan.

Berkenaan soalan kedua Yang Berhormat Telok Kemang bertanya berkenaan dengan operasi besar-besaran. Mengikut angka yang kita ada pada tahun 2006 kos penghantaran PATI adalah RM2.47 juta, kos penguatkuasaan adalah RM1.9 juta. Pada tahun 2007 kos penghantaran pulang PATI adalah RM11.9 juta dan kos penguatkuasaan adalah RM7 juta. Kalau Yang Berhormat maksudkan operasi besar-besaran yang diadakan pada masa ini untuk Sabah peruntukan khas yang diberi adalah sebanyak RM50 juta. Terima kasih.

Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soal membawa pekerja asing telah menjadi satu industri yang besar kerana perbelanjaannya yang begitu besar bukan sahaja bagi mereka yang berniaga membawa masuk pekerja asing juga bagi pihak kerajaan untuk menyusun ataupun mengadakan operasi mengawal pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan juga ada majikan-majikan kilang ataupun estet-estet besar yang membawa masuk pekerja asing melebihi daripada apa yang

diperlukan dan yang berlebih itu disalurkan kepada ejen-ejen untuk pasaran dan ini bukan sahaja menambah masalah jumlah yang ada di dalam negara ini tapi juga yang dibawa ini akan mengakibatkan masalah rasuah yang mana majikan ini mengambil kesempatan dengan kuasa yang ada bagi mereka dan keizinan yang diberi oleh jabatan yang berkenaan kepada mereka untuk membawa pekerja telah mengambil kesempatan untuk mendapat habuan dengan menyalurkan pekerja-pekerja yang berlebihan ini kepada ejen-ejen yang berkenaan. Jadi soalan saya ialah cara manakah kaedah kementerian untuk menentukan perkara-perkara seperti ini tidak berterusan. Terima kasih.

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih ke atas soalan tambahan tersebut. Saya bersetuju bahawa kos untuk kita membawa masuk pekerja asing adalah tinggi dan pengaliran wang kita keluar negara adalah tinggi tapi ini adalah berasaskan kepada permintaan. Apa yang akan dibuat oleh kementerian ialah kita seharusnya meluluskan setakat yang dikehendaki bukan meluluskan jumlah dan lebihannya akan diledakkan ke pasaran. Jika kita ledakkan ke pasaran banyak perkara yang boleh berlaku. Kita akan mengambil tindakan untuk melancarkan lagi dan mengetatkan sistem pengambilan supaya kebergantungan kepada pekerja-pekerja asing ini dapat dikurangkan.

Saya percaya dengan pengenalan kepada kaedah-kaedah baru yang akan kita adakan jadi kita dapat mengurangkan pekerja asing. Sekarang pun yang menjadi masalah ialah pekerja asing melalui *outsourcing company*. Selalunya dia melalui *outsourcing* atau mereka yang meminta pekerja misalnya kehendak mereka 300 sebagaimana Yang Berhormat katakan dibawa masuk 300. Yang lainnya tidak mempunyai kerja. Ini menjadi satu masalah kepada kita dan kita sedang mengatur langkah untuk mengambil tindakan yang akan membolehkan perkara ini tidak berulang lagi. Terima kasih.

Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian]: Soalan tambahan saya ini ada bersangkutan paut dengan peruntukan. Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Parlimen saya terdapat satu depot tahanan sementara PATI iaitu yang dipanggil sebagai Depot Tahanan Sementara Semuja, Serian. Jadi pada hari minggu yang lepas saya telah mengadakan lawatan mengejut ke depot tahanan di mana di situ terdapat seramai 153 pendatang tanpa izin ditahan sementara di depot itu.

Soalan saya ialah yang ditugaskan untuk menjaga atau mengawal tahanan sementara PATI ini adalah pegawai-pegawai dan anggota RELA. Mereka bertugas di situ sejak 11 Mac tahun ini. Jadi elaun untuk bulan Mac, bulan April dan bulan Mei telah dibayar. Akan tetapi sejak pertengahan bulan Mei hingga sekarang mereka ini anggota RELA seramai 69 orang ini tidak diberi elaun langsung. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua saya sendiri telah menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri hari Isnin yang lepas telah difaks. Walaupun anggota RELA ini tidak menerima elaun mereka telah menjalankan tugas dengan penuh komitmen. Jadi saya menyanjung tinggi semangat mereka ini. Jadi soalan saya ialah tolong pastikan bahawa mereka ini mendapat elaun mengikut jadual. Terima kasih.

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan ataupun pandangan yang dikemukakan. Saya akan melihat kepada perkara itu. Seharusnya tidak berlaku dan saya akan semak dan kalau ianya semua teratur seharusnya dibayar terus. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

9. Tuan Henry Sum Agong [Lawas] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan langkah dan tindakan yang diambil untuk mengurangkan bebanan penduduk-penduduk di tanah tinggi Bario, Ba'Kelalan, Long Semadoh dan lain-lain di Sarawak akibat kenaikan harga minyak dan bahan-bahan makanan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Jelaing anak Mersat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat lawas. Kementerian sedar akan masalah harga barang-barang keperluan adalah mahal dan ketara perbezaannya yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di tanah tinggi khususnya di Bario, Ba'Kelalan, Long Semadoh dan lain-lain kawasan di Sarawak jika dibandingkan dengan harga di kawasan-kawasan lain. Faktor utama yang menyebabkan keadaan ini adalah kos pengangkutan yang amat tinggi untuk menghantar barang-barang

keperluan bagi kegunaan penduduk dan ini tidak dapat dielakkan kerana kekurangan kemudahan pengangkutan yang disebabkan oleh keadaan geografi serta kedudukan yang jauh dan terpencil.

Langkah dan tindakan yang telah dan sedang diambil oleh pihak kerajaan bagi membantu dan mengurangkan beban penduduk-penduduk antaranya seperti berikut:-

- (i) memberikan lesen runcit bagi peniaga-peniaga yang menjalankan jualan ke atas barangan-barangan berjadual seperti ayam, LPG, simen dan lain-lain;
- (ii) Kerajaan Negeri Sarawak juga telah memberi kemudahan subsidi bagi perkhidmatan pengangkutan darat yang disediakan untuk menghantar bekalan bahan-bahan petroleum bagi kegunaan penduduk di kawasan pedalaman.

■1110

Perkhidmatan perbekalan dan pengangkutan ini disediakan oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik dan subsidi caj pengangkutan ini disalurkan melalui pembekal-pembekal. Sebanyak lapan syarikat telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Sarawak bagi tujuan tersebut. Kementerian juga telah mengeluarkan surat kuasa khas kepada syarikat-syarikat yang dilantik bagi memudahkan urusan pembekalan bahan petroleum ini.

Selain daripada itu, kementerian ini turut mengeluarkan surat kuasa khas kepada beberapa penduduk di Bario untuk membeli minyak diesel di bandar raya Miri bagi meringankan beban penduduk Bario. Ini juga merupakan satu langkah kawalan pengedaran barang kawalan yang diwajibkan di bawah Akta Kawalan Bekalan tahun 1961.

Ketiga, melalui pengumuman penurunan harga runcit petrol RON 97, RON 92 serta diesel baru-baru ini oleh kerajaan sekurang-kurangnya sedikit sebanyak membantu mengurangkan beban penduduk agar jurang harga sebelumnya dapat diseimbangkan semula dengan kos pengangkutan yang dialami, terima kasih.

Tuan Henry Sum Agong [Lawas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri. Sementara di kawasan lain mengalami masalah kenaikan harga barang-barang keperluan termasuk minyak dengan kadar sederhana, di kawasan tanah tinggi Bario, Ba'Kelalan, Rosmado, di Lawas mengalami keadaan yang luar biasa di mana harga minyak melambung tinggi.

Contoh di Ba'Kelalan, harga satu gelen minyak petrol RM10 dan di Bario RM8 satu gelen. Soalan saya, berapakah jumlah depot atau stesen kecil minyak yang dicadangkan oleh kerajaan akan didirikan di kawasan Parlimen Lawas, sekian terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat menyentuh fasal depot yang dicadangkan oleh kerajaan ataupun kementerian untuk mengatasi masalah-masalah harga minyak yang melambung tinggi di kawasan-kawasan yang tertentu di Sarawak dan juga di Sabah. Jadi Yang Berhormat, kerajaan atau kementerian sekarang ini telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan menubuhkan satu *technical committee* di mana pada 18 Ogos, kesemua *resident* bahagian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Lekas sedikitlah, tolong rakyat.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat. Mereka ini telah pun bergerak dan mendapatkan maklumat-maklumat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Hendak cepat buat pilihan raya kecil sahaja.

Tuan Jelaing anak Mersat: Maklumat-maklumat daripada kawasan-kawasan ini dan akan buat cadangan di mana kawasan-kawasan *priority* akan diberi depot supaya harga minyak di pedalaman ini boleh dikurangkan dan tidak begitu jauh mahal daripada yang di sebelah bandar.

Selain daripada itu Yang Berhormat, kementerian juga ada pengawal-pengawal harga, pegawai-pegawai pemantau untuk memantau harga barang di kawasan-kawasan Yang Berhormat di Limbang dan juga di seluruh Malaysia di mana kementerian menerima

laporan mereka sekali seminggu dan *secretariat* ini akan memberi maklumat ini terus kepada Majlis Harga Barang Negara ataupun majlis yang ada di peringkat kabinet, sekian.

Tuan Chong Cheing Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Salah satu faktor yang membimbangkan penduduk-penduduk di sana adalah harga minyak yang mendadak tinggi kebelakangan ini dan soalan saya adalah kenapa kerajaan selepas memberi satu *promise* bahawa harga minyak akan diturunkan pada 1 September tetapi pada 22 Ogos sudah turunkan harga minyak dalam negara kita.

Ini bagus tetapi selepas menurunkan harga minyak pada 22 Ogos, adakah kerajaan akan menurunkan harga petrol dan diesel dalam negara kita pada 1 September, adakah akan diturunkan lagi mengikut jaminan yang diberi bahawa kerajaan akan menurunkan harga minyak pada 1 September tahun ini.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Ini memang satu perkara yang selalu dibincangkan, selalu disebutkan di media massa dan sebab harganya diturunkan awal daripada dijanjikan oleh kerana hendak meringankan beban ini lebih awal dan sekiranya perlu selepas di *review* semasa dua minggu atau sebulan, kerajaan ataupun kementerian bercadang untuk meringankan lagi bebanan ini dan mungkin menurunkan harga ataupun mengikut kadar harga minyak setong di pasaran dunia, sekian terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Batu Pahat letak jawatan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini lain kali kalau ada celahan-celahan seperti itu, kalau saya yang mempengerusikan sidang, saya tidak benarkan untuk tanya soalan apa-apa pun.

10. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah pengusaha-pengusaha perniagaan barang-barang lusuh sukar mendapatkan Lesen Berniaga Barang-barang Lusuh (besi buruk) daripada pihak polis serta bilakah kerajaan akan mengaktifkan semula pemberian lesen tersebut.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Syed Hamid Albar]: Tuan Yang di-Pertua, semua lesen-lesen perniagaan barang-barang lusuh dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Oleh itu permohonan tidak disekat sehinggalah apabila dibekukan pada tahun 8 Disember 2006. Ini adalah disebabkan pembekuan pengeluaran lesen telah mengambil kira pertamanya kajian semula yang kini sedang dibuat ke atas Akta Barang-barang Terpakai 1946 yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri, PDRM, Jabatan Peguam Negara, Penasihat Undang-undang dan Jabatan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

Keduanya, pengemaskinian jumlah lesen perniagaan barang-barang lusuh di setiap kontinjen yang telah dikeluarkan atau dibatalkan. Ketiganya mengambil tindakan ke atas perniagaan yang tidak mempunyai lesen *second hand* dan keempat mengenal pasti serta mengawal masalah kecurian kabel dan pelaksanaan logam dan tembaga milik pihak penyedia utiliti di seluruh negara kerana masalah itu.

Akan tetapi walau bagaimanapun kita menyedari kesusahan yang dihadapi oleh peniaga ini dan kumpulan yang hendak melaksanakan dan menjalankan perniagaan ini maka kerajaan telah memutuskan untuk dibuka semula dan ianya telah dibuka semula dari segi permohonan lesen daripada 12 Ogos 2008. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Terima kasih kepada jawapan tadi dari menteri. Cuma saya mahu mengeluarkan satu pandangan sebab saya telah menerima beberapa aduan mengenai masalah pelesenan besi buruk. Kebanyakan yang terlibat dalam besi buruk dari masyarakat India dan mereka anggap ini sebagai satu diskriminasi terhadap masyarakat India dan saya rasa ini perlu diperjelaskan bahawa ini bukanlah satu tindakan yang kerajaan lakukan untuk kebaikan umum. Saya minta menteri bagi penjelasan sedikit, sebab anggapan, ini bukan saya yang katakan. Banyak aduan saya terima, terima kasih.

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Saya mengucapkan terima kasih di atas sikap membina Yang Berhormat. Sebenarnya kita adakan pertemuan dengan mereka yang

hendak menjalankan perniagaan daripada kaum India yang mengatakan ini dilihat. Sebab itu kita telah membuat pembedaan untuk tentukan bahawa mereka yang hendak berniaga boleh berniaga tetapi kita ada masalah yang hendak diatasi. Oleh sebab itu telah dibuka, terima kasih di atas pandangan.

■1120

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, saya terkejutlah. Terkejut mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri. Terkejut saya kerana hendak dibuka balik lesen perniagaan besi buruk ini.

Di Dewan yang mulia ini, beberapa tahun yang lalu, kita kemukakan supaya ditutup atau dihadkan pengeluaran lesen ini oleh pihak polis. Alhamdulillah pihak polis sudah tutup. Ini hendak buka balik. Soalnya macam ini Yang Berhormat Dato', bukan soal diskriminasi bangsa, kaum, tidak. Kita soalnya ialah tidak munasabah Johor ada 1,000 lebih lesen. Tidak munasabah dan ini sebenarnya ialah tempat pencuri-pencuri menjual besi-besi buruk ini.

Besi-besi buruk ini bukan besi buruk sebenarnya. Pagar orang, tutup lubang orang, kabel bukan buruk. Kalau dibuka berleluasalah pencuri-pencuri ini dan rumah tangga kita tidak selamat. Pagar tegak-tegak, dia potongnya Tuan Yang di-Pertua fasal hendak, apa sahalah yang boleh dijual, dijual.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri,

- (i) apa logiknya dibuka; dan
- (ii) berapa tangkapan sudah dibuat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Mana boleh sampai dua.

Seorang Ahli: Janganlah marah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukanlah marah. Ini bukan marah. Saya bercakap bagi pihak kita semua.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Besi buruk pun bertambah, semalam pun BN jadi besi buruk sudah. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak lama lagi. Ini cerita mimpi besi buruk apa semua sekali, pihak pembangkang 16 hari bulan...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: PAS sekarang tali barut.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: 16 hari bulan, pembangkang punya mimpi jadi besi buruk. *[Ketawa]* Jadi, berapa banyak tangkapan yang dibuat kerana yang mencuri ini menjual kepada pelesen besi buruk ini. Jadi, berapa tangkapan yang dibuat, berapa banyak talah didakwa, apa hukuman telah pun diberi kepada pembeli-pembeli besi buruk daripada hasil curian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Terima kasih. Yang Berhormat Pasir Gudang nampak marah kepada saya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sri Gading.

Beberapa Ahli: Sri Gading.

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Yang Berhormat Sri Gading. Saya Pasir Gudang pula, minta maaf Yang Berhormat Sri Gading. Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya keputusan ini telah dibuat setelah diadakan pertemuan di antara Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan persatuan dan membincangkan segala masalah yang dihadapi oleh mereka yang mahu menjadi peniaga-peniaga kecil, usahawan-usahawan kecil.

Setelah di bawa di Kabinet, maka kabinet telah membincangkan dan kita dapati adalah wajar untuk dibuka. Masalah kecurian, masalah jumlah, itu adalah satu masalah

yang berbeza dan berlainan yang perlu kita kendalikan dan uruskan dengan cara yang lain tetapi tidak kita menyekat daripada perniagaan untuk diusahakan. Kita akan melihat akan kepada akta itu sendiri untuk melihat keberkesanan daripada segi penguatkuasaannya. Terima kasih.

11. Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kerajaan akan melaksanakan "*National Medicine Policy*" yang telah diluluskan oleh Parlimen di bulan Oktober 2006. Di mana doktor mendiagnosis dan ahli farmasi memberi ubat.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sebenarnya telah melaksanakan pengasingan fungsi *prescript* yang telah dibuat oleh pengamal perubatan dan pendispenan yang dilakukan oleh ahli farmasi di seluruh *facility* kesihatan kerajaan dan juga hospital swasta.

Pada masa ini, kerajaan belum bercadang untuk melaksanakan pengasingan fungsi bagi pengamal perubatan swasta dan farmasi di sektor runcit disebabkan kekurangan ahli farmasi di sektor tersebut pada masa sekarang. Terima kasih.

Seorang Ahli: [Bangun]

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Beri laluan dahulu kepada beliau.

Seorang Ahli: Okey.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seandainya "*National Medicine Policy*" Oktober 2006 ini dilaksanakan di bahagian peruncitan, apakah kementerian sudah mempunyai pemantauan untuk melaksanakan pemantauan di kedai-kedai farmasi agar mereka-mereka yang mengendalikan farmasi ini tidak langsung menjual ubat-ubat *under counter* tanpa preskripsi daripada doktor.

Ini kerana, saya bimbang kadang-kadang mereka boleh menjual ubat, gred-gred yang hanya di preskripsi oleh doktor-doktor tetapi mereka menjual *under counter* sahaja tanpa ada pemantauan. Jadi, soalan saya cukupkah pemantau-pemantau ini untuk menjalankan pemantauan? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih soalan dari Yang Berhormat Pendang. Ia begini, kalau kita lihat sama ada pemantauan dibuat atau tidak? Pemantauan memang dibuat dari masa ke semasa di sektor runcit. Kita tidak tunggu bila polisi ini dikenakan kepada doktor-doktor swasta baru kita hendak adakan pemantauan.

Pemantauan adalah berterusan tetapi yang menjadi persoalan sekarang sama ada pendekatan yang dibuat yang melibatkan lebih kurang 8,000 pengamal perubatan swasta yang *memprescript* dan juga *mendispense* ubat sama ada dia menyusahkan dan menyenangkan rakyat. Kementerian berpendapat bahawa buat masa ini ia memudahkan rakyat untuk mendapat rawatan dan *prescript* serta ubat di tempat yang sama. Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih. Dari segi pengasingan *prescription* dan *dispensing* ubat, adakah kementerian sedar bahawa perkara ini pernah dilaksanakan di negara asing khususnya di Singapura dan telah gagal.

Kedua, adakah kementerian pernah mendapat *feedback* khususnya daripada persatuan-persatuan pengguna dan sebagainya dalam isu ini. Saya rasa yang penting sekali adalah hak pesakit untuk memilih sama ada beliau hendak ubat itu daripada doktor berkenaan atau pun daripada farmasi. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Kementerian sedar dan kita tahu, kita pun sudah ada saranan daripada FOMCA dan juga Persatuan Pengguna Pulau Pinang, tetapi kita kuat berpendapat bahawa buat masa ini belum lagi masa untuk kita mengasingkan *prescription* dan juga *dispensing* di kalangan pengamal-pengamal perubatan. Terima kasih.

12. Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah garis panduan Kementerian dalam pemberian kontrak, bagaimana pemeriksaan (*vetting*) syarikat dibuat sebelum pemberian kontrak, jika ada, kenapa projek dengan *Syarikat Gifted Group* boleh gagal mengakibatkan kerugian RM6.5 juta, siapakah yang bertanggungjawab dan apakah tindakan Kerajaan selanjutnya.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wee Jeck Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sukacita dimaklumkan bahawa garis panduan yang dipakai oleh Kementerian Belia dan Sukan dalam pemberian kontrak adalah mengikut bab B. Di dalam arahan perbendaharaan yang dikeluarkan mengikut seksyen 4 Akta Tatacara Kewangan 1957 serta surat Pekeliling Perbendaharaan dan surat arahan yang berkaitan dengan perolehan kerajaan yang masih dipakai.

Walau bagaimanapun, dalam kes-kes yang memerlukan kepakaran yang tertentu seperti penganjuran acara khusus, ia boleh dibuat secara rundingan terus di mana kerajaan boleh *demanding* dan menetapkan terma-terma yang akan dipersetujui bersama.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, sukacita dimaklumkan bahawa kes yang melibatkan *Gifted Group Limited* ini adalah berkaitan dengan penganjuran *Champion Youth Cup* iaitu kejohanan bola sepak bawah 19 tahun di antara kelab-kelab terbuka Eropah. Sebenarnya tidak timbul isu Kementerian Belia dan Sukan atau kerajaan rugi RM6.5 juta. Ini adalah kerana perkara ini telah dirujuk kepada mahkamah timbang tara.

Sebagaimana maklumat juga, urusan ini adalah urusan perjanjian penganjuran biasa antara dua pihak iaitu KBS, bagi pihak kerajaan dan *Gifted Group Limited* di satu pihak yang lain. Walau bagaimanapun, masalah timbul apabila *Gifted Group Limited* tidak dapat memenuhi salah satu syarat perjanjian yang ditetapkan untuk mendapatkan *sanction* FIFA untuk menganjurkan pertandingan tersebut.

Tanpa mendapat *sanction* FIFA, kejohanan itu tidak boleh diadakan. Perkara ini telah pun dirujuk kepada pihak Jabatan Peguam Negara dan dijangka akan dirujuk kepada proses timbang tara.

■1130

Jika sekiranya keputusan itu nanti memihak kepada KBS, maka KBS mempunyai hak untuk menuntut balik pembayaran yang telah dibuat. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sesi soal jawab telah berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
IDENTIFIKASI ASID DEOKSIRIBONUKLEIK (DNA)2008**

Bacaan Kali Yang Kedua Dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". [26 Ogos 2008]

11.30 pg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, semalam saya menyentuh fasal 24 mengenai bukti yang muktamad. Hari ini saya akan menyambung kerana bagi

sayalah pihak kerajaan, pihak Yang Berhormat Kota Tinggi belum lagi mengkaji dengan teliti rang undang-undang ini sebelum dibentang di dalam Dewan yang mulia ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan, Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah sampai sekarang oleh kerana semalam saya berada di Permatang Pauh, itu mustahak satu pilihan raya kecil yang dapat menang dengan majoriti yang bersejarah. *Thumping majority*. Barisan Nasional *crush, pulverized* sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, semua orang tahu itu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak tahu apa yang berlaku semalam di sini. Dua hari inilah iaitu Isnin dan Selasa tetapi kalau tidak silap, sebenarnya Rang Undang-undang DNA ini ialah di bawah Rang Undang-undang UUCA. Kenapa ini mendahului dan sungguhpun adalah di bawah peraturan mesyuarat ada kuasa untuk buat begitu, tetapi sampai sekarang saya ada tanya Yang Berhormat Kepong, dia kata bahawa Yang Berhormat Menteri yang buat begitu. Tidak pernah memberi apa-apa penjelasan untuk menukar aturan mesyuarat untuk mendahului Rang Undang-undang DNA lebih atas daripada Rang Undang-undang UUCA.

Tentulah kita sebagai Ahli Parlimen untuk bincang mengenai rang undang-undang negara. Kita patut tahu kenapa? Oleh kerana Ahli-ahli Parlimen perlu buat *research*, perlu buat persiapan mengenai DNA *Bill* dan mengikut jadual mungkin tidak sampai sehingga esok atau lepas esok. Apabila ada apa-apa perubahan, patutlah kita diberi sebab mengapa sangat *urgent*. Kalau ada sebab-sebab sangat *urgent*, kita boleh faham tetapi apa *urgency* dalam perkara ini?

Adakah sebab atau oleh kerana Yang Berhormat Menteri takut dan dia lari. Sekarang pun tidak ada di sini. Dia takut dan lari oleh kerana kalau Rang Undang-undang DNA tidak dibahas dan diluluskan hari ini, esok Datuk Seri Anwar bin Ibrahim akan masuk sebagai Ahli Parlimen Permatang Pauh dan boleh mengambil bahagian dalam perbincangan. Sebab itu dia takut. Dia takut dan tidak berani mengatakan satu perbincangan Rang Undang-undang DNA.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Kita bahas sampai esoklah. Kita bagi dia peluang esok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini takut. *You* takutkan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur tidak payah berucap, Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan, saya mahu tanya Yang Berhormat Kepong. Penjelasan. Adakah dia setuju dan mahu penjelasan kenapa UUCA kita tunggu untuk perbincangan mengenai Rang Undang-undang UUCA tetapi sekarang Rang Undang-undang DNA yang sangat kompleks, sangat mustahak dan ada konsekuensi - konsekuensi.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasar Salak]: Kenapa takut sangat dengan Rang Undang-undang DNA ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan, kita bincang. Kenapa *you* takut? Adakah oleh kerana Yang Berhormat Menteri berkenaan takut ada perbincangan di mana

Ahli Parlimen baru Permatang Pauh boleh ambil bahagian. Sebab itulah ia mendahului. Kalau begitu, ini sangat memalukan dan sangat *pathetic*. Kenapa *legislative program* boleh diubah oleh kerana Yang Berhormat Menteri atau semua Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional takut dengan Datuk Seri Anwar bin Ibrahim. Adakah ini?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya ada satu guni soalan untuk dijawab esok. Saya ada satu guni soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat duduk, Yang Berhormat Batu Pahat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ada takut oleh kerana semalam, pilihan raya kecil Permatang Pauh. Semua pemimpin pergi, semua hancur. Semua dihancurkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Ipoh Timur tahu peraturan. Tidak payah berucap Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia mahu kacau, dia mahu mencelah. Sudah kalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat dalam mencelah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya harap Yang Berhormat Kepong setuju atau tidak kelakuan sebegini untuk mendahulukan aturan mesyuarat supaya *DNA Bill* dibahas lebih dahulu. Ini tidak patut diadakan. Ini menghina Parlimen. Ini bukan membawa Parlimen sebagai satu *first world Parliament*.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, memang pendapat Yang Berhormat Ipoh Timur tepat. Memang tepat kerana Yang Berhormat Kota Tinggi belum lagi mendalami masalah implikasi dan konsekuensi Rang Undang-undang DNA ini. Yang Berhormat Batu Pahat pun setuju semalam. Dia belum lagi mendalami masalah ini dan sebelum itu kerana faktor-faktor yang tertentu termasuk tidak mahu Yang Berhormat Permatang Pauh datang ke sini untuk berbahas di dalam Rang Undang-undang ini, maka dia mendahulukan Rang Undang-undang ini.

Akan tetapi di Permatang Pauh, kita nampaklah mata rabun, bandar pun terbuka. Bandar pun terbuka kerana jahit sudah, kelindan putus. Selesai semua dan dengan kemurahan hati kita, saya berharaplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan tambah kerusi pun.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, siapa yang bercakap di sini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, itu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Hanya kerusi yang boleh bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang begitu tidak boleh dibuat, Yang Berhormat. Tidak boleh buat macam itu. Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya. Hanya kerusi boleh buat.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya. Dengan kemurahan hati pihak kaminya, kita berharaplah Yang Berhormat Kota Tinggi boleh menangguhkan rang undang-undang ini dan saya pun berharap Yang Berhormat bagi saya peluang sebelum bacaan yang ketiga. Panggil saya untuk membentangkan satu usul menurut Peraturan Mesyuarat 81 iaitu merujuk kepada Jawatankuasa Pilihan kerana ini begitu penting. Saya akan bagi bukti mengapa...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan sebelum Yang Berhormat masuk. Bukankah tadi Yang Berhormat ada sebut mahu tahu kenapa tukar peraturan mesyuarat. Bukankah ini menunjukkan *guilty conscience* Yang Berhormat Menteri mengenai perkara ini

oleh kerana ada melibatkan Datuk Seri Anwar bin Ibrahim dalam kes yang menjadi isu utama dalam bio-lesen Permatang Pauh. Liwatlah, sumpahlah yang sangat memalukan.

Malaysia menjadi *laughing stock* hancur. Kalah. Ini ada *guilty conscience*. Kalau pun tidak ada *guilty conscience*, bukankah mustahak ini ditangguhkan oleh kerana hari ini dan hari esok kita meluluskan rang undang-undang ini di Dewan yang mulia ini pun tidak akan menjadi akta oleh kerana mahu tunggu kelulusan oleh Dewan Negara yang akan bersidang bulan Disember. Kenapa begitu cepat-cepat? Selain daripada takut Yang Berhormat Permatang Pauh yang baru datang untuk mengambil bahagian, oleh kerana dia menjadi mangsa DNA. Mangsa DNA Barisan Nasional.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebab itu. *Guilty conscience* dan sebab itu Yang Berhormat Menteri tahu saya akan timbulkan perkara ini, dia takut masuk ke dalam. Dia ada tunggu di luar. Dia takut masuk dalam.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kenapa jadi mangsa pula? Kenapa jadi mangsa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan berucap ya.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Kepong, boleh saya sambung daripada Yang Berhormat Ipoh Timur tadi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mahu bagi laluan, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kita murah hati. Mahu sambung boleh. [Ketawa]

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Terima kasih Yang Berhormat Kepong, Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok Yang Berhormat Ipoh Timur menafikan kewibawaan tokoh-tokoh yang ada dalam ini daripada pembangkang untuk membahaskan dan mengutarakan pandangan berkaitan dengan *bill* ini. Mahu tunggu pula Yang Berhormat Permatang Pauh yang baru masuk Dewan, baru boleh dibahas.

Jadi adakah Yang Berhormat Kepong nampak cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur tadi menafikan kewibawaan Ahli-ahli Parlimen daripada pembangkang?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jempol tidak begitu faham erti kewibawaan. Kalau kewibawaan itu memang di dalam rang undang-undang yang sepeenting ini, kita perlu adakan Rang Undang-undang Perlindungan Data dulu sebelum kita bentangkan rang undang-undang ini. Yang Berhormat Jempol, saya ajaklah Yang Berhormat Jempol sama-sama mengkaji apa lebih dahulu.

■1140

Rang Undang-undang Perlindungan Data mesti dibentangkan dahulu kerana kita tak mahulah orang-orang yang tidak berdosa, dihadapkan ke mahkamah dan dikenakan hukuman. Terutamanya hukuman mati.

Ini masalah kerana saya akan bagi bukti Tuan Yang di-Pertua, mengapa kita perlukan Rang Undang-undang Perlindungan Data dahulu sebelum kita bentangkan rang undang-undang ini. Walaupun saya setuju bahawa kerana ada teknologi baru DNA ini, kita dapat menyelesaikan kes-kes yang sebelum ini tidak dapat diselesaikan. Namun, tidak bermakna tidak wujudnya masalah kes-kes orang yang tidak berdosa dihukum. Ini memang berlaku.

Saya beri bukti-bukti mengapa saya hendak merujuk rang undang-undang ini kepada satu Jawatankuasa Pilihan Khas bagi mengkaji dengan teliti apakah implikasi dan konsekuensi. Di sini dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ini daripada internet semua orang boleh ada akses kepada internet. Saya berharap Yang Berhormat Kota Tinggi boleh akses kepada internet.

Bagi saya, daripada hujah beliau semalam, saya nampak dia tidak begitu berminat dengan apa yang dibentangkan melalui internet, melalui apa-apa saluran dan juga mengenai hal-hal...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Telefon jangan hidupkan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Rang Undang-undang DNA ini. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

"When we talk of capital punishment and other punishment, there is no room for mistakes. No allowances for doubt or indecision. There is definitely no mechanism for review of guilt or innocence after someone has been killed".

Kita tak mahulah membunuh orang yang tidak berdosa. Menghukum orang yang tidak berdosa kerana zaman ini bukan zaman dulu. Pada tahun 40-an itu, semasa Jepun menakluki kawasan ini memang ada sifat-sifat kebinatangan. Tidak ada keadilan, tapi zaman itu sudah lepas. Kita tidak mahulah itu sifat-sifat kebinatangan wujud lagi di negara ini dan juga di seluruh dunia. Di sini...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat Batu Pahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Yang Berhormat Kepong bangkitkan ada dua saya lihat. Yang saya mohon penjelasan.

Yang pertama ialah tentang Akta Perlindungan kepada seseorang. Sebenarnya, perkara ini pun disebut di dalam akta ini. Kalau kita lihat fasal 21 cukup jelas tentang obligasi kerahsiaan dan juga tentang kesalahan mengganggu, bersubahat atau cuba mengganggu sampel ada dalam fasal 19.

Yang kedua Yang Berhormat Kepong bangkitkan soal tidak mahu, yang tidak berdosa dihukum bunuh. Sebenarnya, tujuan DNA ini ialah untuk memastikan supaya mereka yang dipenjarakan, yang ditahan sekarang ini, boleh dilepaskan jika ada pembuktian forensik, pembuktian saintifik DNA ini. Itu tujuannya pun. Sebab itulah, ada orang ditahan tetapi dengan adanya pembuktian DNA, maka dia dilepaskan. Jika tidak, macam mana kita hendak menyelesaikan kes-kes sebegini?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat Batu Pahat, memang saya jemputlah Yang Berhormat, kita sama-sama meneliti apa yang perlu dibuat. Yang saya maksudkan Rang Undang-undang Perlindungan Data. Kalau kita ada satu, dua fasal di dalam rang undang-undang ini memang tidak dapat menyelesaikan. Tak dapat menyelesaikan kerana banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Gopeng bangun Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kalau Yang Berhormat Batu Pahat boleh sabar, saya akan memberi bukti, mengapa kita memerlukan Akta Perlindungan Data. Bukan satu, dua fasal, Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Cuma saya hendak mencelah sedikit. Soal atau perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat tadi. Berkenaan dengan fasal 21. Walaupun memang ada obligasi kerahsiaan, tetapi kalau kita rujuk kepada fasal 25, iaitu "Perlindungan terhadap apa-apa prosiding undang-undang", di mana telah memberi pengecualian kepada Ketua Bank Data DNA dan pegawai-pegawai berkenaan daripada prosiding undang-undang.

Jadi, nampak kedua-dua perkara ini memang bercanggah satu sama lain. Tidak konsisten. Sekian.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang tidak konsisten Yang Berhormat Gopeng, kerana kita di dalam rang undang-undang, Yang Berhormat Batu Pahat, kita mesti tahu kerana di dalam hal untuk mengambil sampel pun kita tahu boleh wujud masalah. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua:

“Even convicted criminal who has spent their sentences and are trying to have a normal life or trying to fit into society again, could be holdup to the nearest police station and force to give a non intimate sample.”

Ya, orang yang sudah dihukum, dijalan hukuman itu, selepas itu dia boleh dikenakan memberi sampel yang tidak intim. Yang ini masalah terus berlaku. Saya pun gembira juga kerana Yang Berhormat Batu Pahat dia memberi perhatian.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Mohon Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat Ledang? Yang Berhormat Ledang bukan peguam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi kah, tak nak bagi, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia *engineer*.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Bagikah tak bagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bagikah tak bagi sahaja?

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Sama dengan Yang Berhormat Kepong. Bukan peguam.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara. Yang pertama, saya hendak ingatkan Yang Berhormat Kepong, sekarang ini sedang berlangsung persidangan PAC di bilik atas.

Yang kedua Yang Berhormat Kepong, saya setuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Kepong tadi. Ada penjelasan-penjelasan, ada peraturan-peraturan, ada butiran yang perlu dan lebih lengkap lagi, yang mesti dimasukkan ke dalam ini. Namun, berdasarkan kepada pengalaman Yang Berhormat Kepong, 25 tahun di dalam Parlimen, angkat sumpah pun sudah hafal, bukankah ini akta ibu, di mana selepas ini akan menyusul peraturan-peraturan, akta-akta lain yang berkaitan, yang akan kita juga bincangkan di dalam Dewan Rakyat ini untuk tujuan memperlengkapkan lagi. Yang ini adalah akta ibu. Sebagaimana kita perlu meluluskan banyak akta ibu dalam Parlimen dan ini adalah sebenarnya satu lagi proses meluluskan akta ibu sebelum kita meluluskan lagi akta-akta lain yang berkaitan dengannya. Seperti peraturan. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Baik, baik. Yang Berhormat Ledang, memanglah kita mesti ibu dulu kemudian ada anak. Namun, perbuatan songsang kita sekarang, dia ada anak dulu, kemudian ada ibu. Ini masalah kita sekarang ini Yang Berhormat Ledang. Saya gembira kerana *engineer* ini dia tidak tahulah ibu dulu ataupun anak dulu. Ini pasal anak-anak...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu luar tabii itu.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat Kepong sama juga. [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Ketawa] Tidak boleh kita menyokong perbuatan songsang. Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kita dapat meneliti beberapa bukti yang tertentu dengan izin:

"DNA testing is a very good tool to prove the innocent of inmates, but unfortunately it does not mean the end of erroneous capital execution and capital punishment".

Tidak! Tidak semestinya kerana memang ada DNA ini tidak tepat juga. Bukan semestinya, semua itu 100%. Dia bukan 100%. Di sini saya petikkan, dengan izin juga. Ini daripada *Los Angeles Times* ini, 20 Julai 2008.

■1150

"A discovery leads to questions about whether the odds of people sharing genetic profiles are sometimes higher than portrayed. Calling the finding meaningless, the FBI has sought to block such inquiry."

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya petikkan itu "*State crime lab analyst Kathryn Troyer was running tests on Arizona's DNA database...*" Kita rujuk kepada Amerika Syarikat kerana DNA ini digunakan di Amerika Syarikat banyak tahun sudah. Kita mula saja kerana kita pun ada *database* juga sekarang ini di Malaysia ini. Rang undang-undang hendak mengesahkan *database* kita untuk DNA. Kita pun ada sekarang walaupun tidak dirasmikan sahaja. Yang Berhormat Kuala Krau pun tahulah, tidak dirasmikan. Kita ada *database* DNA bukan rasmi dan dengan rang undang-undang kita berharaplah itu *database* yang kita ada sekarang boleh dirasmikan.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Kepong, ini bermaknanya Yang Berhormat Kepong mengakui bahawa rang undang-undang yang kita bincangkan adalah akta ibu bukannya anak. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Ketawa*] Memang anak itu kerana kita perlukan Rang Undang-undang Perlindungan Data dahulu.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini yang dikatakan songsang ini. Ini ibu ini, bukan anak ini. Macam mana ada anak kalau tidak ada ibu?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya ingat Yang Berhormat Ledang sahaja tidak kenal daripada ibu dulu ataupun anak dulu. Yang Berhormat Kuala Krau pun serupa itulah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pakatan Rakyat memang suka luar tabii.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Ketawa*] Dengan izin Tuan Yang di-Pertua,

"State crime lab analyst Kathryn Troyer was running tests on Arizona's DNA database when she stumbled across two felons with remarkably similar genetic profiles. The men matched at nine of the 13 locations on chromosomes," ini sangat teknikal lah itu "*or loci, commonly used to distinguish people. The FBI estimated the odds of unrelated people sharing those genetic markers to be as remote as 1 in 113 billion. But the mug shots of the two felons suggested that they were not related: One was black, the other white. In the years after her 2001 discovery, Troyer found dozens of similar matches - each seeming to defy impossible odds.*" Tuan Yang di-Pertua, "*But DNA "matches" are not always what they appear to be. Although a person's genetic makeup is unique, his genetic profile – just a tiny sliver of the full genome – may not be. Siblings often share genetic markers at several locations, and even unrelated people can share some by coincidence.*"

Di sinilah saya berharap Yang Berhormat Kota Tinggi dapat meneliti semula ini kerana ini memang penting. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pada 18 April 2002, ini di Las Vegas.

"Authorities acknowledged that a clerical error at the Las Vegas police forensics lab led to a man being jailed for a year for sex crimes he did not commit."

Dia tidak *commit* dan ini tidak boleh kita terimalah. Banyak lagilah itu. Melalui BBC News Tuan Yang di-Pertua, ini memang... Ah, sudah balik sudah itu Yang Berhormat Pokok Sena dia memang ada banyak bukti lagilah untuk membahas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat tadi yang cakap Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat Batu Pahat pun ada tapi dia dengan izin....

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Batu Pahat tinggal batu sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu memang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Rumah batu siap, pahat berbunyi.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini apa kena mengena dengan rang undang-undang ini? [*Ketawa*] Batu tidak termasuk dalam DNA.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Batu DNA pun ada kerana kita bahaskan batu DNA ini.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Kepong tidak ada modal lagi sudahlah itu, cukup.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Banyak itu, tengoklah itu. Siapa yang cakap macam itu. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Ini bukan cara untuk berbahas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, saya tahu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ini petikan daripada BBC News saya hendak menuju kepada Yang Berhormat Kota Tinggi.

"Detective using DNA to hunt criminal should be aware bone marrow transplants can confuse results. New scientist reports on an Alaska case in which a man was linked to an attack, based on DNA obtained with blood tests, but had been in jail at the time.

It transpired the sex attack had been carried out by his brother who had donated bone marrow to his sibling in a transplant some years earlier. The same risk would not apply in the UK where DNA is checked via cheek swabs"

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

"Abirami Chidambaram, of the Alaska State Scientific Crime Detection Laboratory, in Anchorage, said the case highlighted the danger of miscarriages of justice." Memang miscarriages of justice.

"When she first found the DNA match between the semen from the sexual assault and the jailed man's blood, she thought there must have been some kind of mix-up with the sample. She told a meeting of the American Society of Human Genetics, in Salt Lake City.

However, further investigation revealed the real culprit was the jailed man's brother. The bone marrow transplant meant that the jailed man's blood contained cells bearing his brother's DNA." New Scientist said: "As forensic DNA databases grow and more people undergo bone marrow transplants, the risk of a miscarriage of justice increases."

Saya mengulangi.

“As forensic DNA databases grow and more people undergo bone marrow transplants, the risk of a miscarriage of justice increases.”

Memang Yang Berhormat Kota Tinggi mesti tahu sama ada yang disebutkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat itu ibu atau anak ini memang penting. Di sini ada satu lagi, ini daripada News and Society Crime, dengan izin

“But clerical errors in DNA handling and interpretation have caused innocents to be convicted of crimes. In 1999, a sample taken from a burglary scene had matched to six loci on the DNA molecule of one of 700 thousand persons in national database.” Jangan kita lupa, kita pun ada *database* dah sekarang. Walaupun tak rasmi. *“The suspect had alibis and incapable to commit the crime and yet, he was wrongfully took in for imprisonment. The reasoning was that his DNA pattern would occur only once in 37 million individuals.”*

Ini pun banyak lagilah, saya pun tak sempat dah kerana orang lain, Yang Berhormat pokok Sena pun hendak ambil. Banyak lagi itu.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya mahu dengar Yang Berhormat Wangsa Maju cakaplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yakah? Di sini Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak dahlah, saya singkatkan. Tuan Yang di-Pertua, di sini kita ada peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Peraturan 41(e). Sama kita lihat Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada peraturan langsung di sebelah situ. Dengan petikan BBC News ini ya,

“Lawyers for a Devon man jailed for murder 16 years ago have told the Court of Appeal new DNA evidence shows he was wrongly convicted.”

Ya, selepas itu tercokoh di dalam penjara 16 tahun kita dapati dia sudah dihukum dengan salah. Dia tidak berdosa – 16 tahun. Macam mana Yang Berhormat Batu Pahat kata tidak dapat memberi pampasan. Susah.

■1200

“Robert Kennedy is serving life for battering to death his casual lover, Arthur Eathorne, 74, at his flat in Plymouth in 1990.” Satu lagi, *“A campaign group has questioned the reliability of DNA evidence after a Merseyside itu di Utara England. After a Merseyside man...”* Merseyside itu Liverpool. *“A campaign group has questioned the reliability of DNA evidence after a Merseyside man was wrongly arrested on suspicion of murder. Peter Hamkin, 23, of Violet Road, Litherland, was arrested in February after Italian Police picked the wrong DNA details from an International Database.”*

Ini memang saya sebutkan di sini kerana saya tidak mahu lain kali data DNA kita itu pergi kepada orang dengan begitu sahaja. Ini memang satu perkara kerana maklumat DNA dia ini diberi kepada orang lain, *International Database*.

“They wanted him extradited to Italy in connection with the shooting of Anna Lisa Vincentini in Tuscany in August 2002. But he is now considering legal action after the Metropolitan Police - which dealt with the extradition request - told him a second DNA test did not link him to the murder case.”

The other one, “John Wadham, Director of Civil Rights Pressure Group Liberty, said the case could easily have become miscarriage of justice. I think that people think that DNA evidence is so obvious and

clear that if you get DNA, you are bound to get the person convicted and that's all that needs to be worried about."

Yang Berhormat Kuala Kurau, dengar tu! Yang Berhormat Batu Pahat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kinabatangan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, kawanlah!

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yalah, kawan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Saya mendengar hujah Yang Berhormat dan saya melihat Yang Berhormat ada keraguan, ketakutan dan kebimbangan berhubung dengan akta yang dibentangkan ini. Jadi, apakah sebenarnya isu Yang Berhormat rasakan tidak menyenangkan hati sehinggakan Yang Berhormat terpaksa memetik ungkapan-ungkapan daripada individu-individu yang tidak tahu dari mana.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat Kinabatangan, itu memanglah biasa. Rasa kebingungan itu memang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak, bukan dia bingung, dia bertanya kepada Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya faham. Saya bagi jawapan. Kita ada keraguan mengenai rang undang-undang seumpama ini kerana kita belum lagi membentangkan rang undang-undang perlindungan data. Kita takut selepas rang undang-undang ini diluluskan kelak oleh salah seorang daripadanya Yang Berhormat Kinabatangan, orang-orang yang tidak berdosa di hadap ke mahkamah, dihukum, terutamanya hukuman mati. Kalau dia berdosa dan dia mati, Yang Berhormat Kinabatangan pun tidak ada cara untuk memberi pampasan. Hendak hidupkan dia pun sudah sebab Yang Berhormat Kinabatangan bukan tuhan!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih. Yang Berhormat, kita faham bahawa akta yang dibentangkan ini adalah akta induk. Ini bermakna selama ini kita tidak ada akta dan pihak penguat kuasa cuma boleh mengambil langkah-langkah yang ada keraguan di kalangan yang dituduh dan didakwa. Dengan adanya akta induk ini dan disusuli dengan perincian aktanya, maka ia akan memberi jaminan dan gambaran bahawa kita mengamalkan demokrasi ataupun hak-hak manusia dalam negara kita secara terjamin. Jadi, mengapa kita meragui akta ini?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kita meragui kerana Yang Berhormat Kinabatangan mesti tahu bahwa yang pertamanya, rang undang-undang seumpama ini boleh menjadikan negara ini *a police state*. Kedua, keyakinan orang ramai terhadap polis sekarang ini tidak begitu baik sedangkan yang menjadi ketua untuk menjaga data ini adalah polis, semuanya dijaga oleh polis. Kepercayaan dan keyakinan terhadap polis sekarang ini mesti diperbaiki. Kalau kita ada rang undang-undang seumpama ini memanglah kepercayaan atau keyakinan terhadap polis tidak dapat dipulihkan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apakah yang Berhormat tidak melihat bahawa mana-mana negara dalam dunia ini yang ada Unit Forensik sebegini adalah di dalam pihak polis. Di Amerika pun, kalau kita tengok dalam televisyen, CSI New York, CSI Miami, semuanya polis. Jadi, apakah kita akan *privatized* kepada kumpulan-kumpulan yang tidak tentu untuk mengendalikannya soal ini?

Seorang Ahli: Itu wayang!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan wayang, ini realiti. Itulah, Yang Berhormat tidak tahu fakta.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini bermakna Yang Berhormat Kinabatangan tidak meneliti rang undang-undang ini. Saya menasihatkan supaya Yang Berhormat Kinabatangan balik meneliti, membaca dengan baik-baik apa yang ...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sudah baca empat, lima kali.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Empat, lima kali? Ini bermakna fahaman dia itu kurang.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: [Bangun]

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, Yang Berhormat Shah Alam itu memanglah. Dia pun sama dengan saya di 'Universiti Kamunting' beberapa tahun yang lepas.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kroni, kroni!

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Kroni, kroni!

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih. Pada mulanya saya hendak mengucapkan tahniah ke atas *win-win* di Permatang Pauh. *Win-win ini type of humor in the morning*, seperti mana yang Menteri Luar Negeri sebutlah. Pagi-pagi ada humor sikitlah.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Sekadar...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kedua, teguran yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Kinabatangan yang ada CSI New York, CSI Miami lah. Saya rasa di dalam wayang-wayang itu pihak polis tidak seperti polis di Malaysia dan kerajaan pun tidak ada campur tangan dalam siasatan. Itu merupakan realiti yang kita hadapi di negara Malaysia di mana pihak eksekutif khususnya pihak pemerintah terlalu banyak campur tangan. Apabila ini berlaku, maka undang-undang yang dikemukakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, saya mahu Yang Berhormat perhatikan Peraturan 36(10)(b).

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, tidak apalah. Saya bawa kepada rang undang-undanglah. Rang Undang-undang DNA ini, saya rasa Yang Berhormat Kinabatangan pun mungkin lupa, dia sendiri mengakui banyak kebocoran. Tujuan kita sepertimana yang dilakukan oleh Yang Berhormat Kepong untuk kita menentukan bahawa tidak ada rang undang-undang yang banyak kebocoran, diluluskan dalam Dewan ini kerana sekiranya ia berlaku bererti kita tidak menunaikan tanggungjawab kita terhadap rakyat. Sama ada ia undang-undang ibu atau anak, sekiranya dikatakan rang undang-undang ini adalah yang ibu, maka kita kena tentukan ibunya betul. Kalau ibunya songsang maka anak dan cucunya pun jadi songsang.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu Pakatan Rakyat!

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Minta laluan, ia ada kaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Kepong. Tadi Yang Berhormat ada sebut tentang Akta Perlindungan Data DNA ini, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa akta ini perlu dibentangkan dahulu atau di bincang bersama. Takkanlah kita hendak bantangkan satu akta tanpa satu perlindungan. Kalau kita tidak ada akta perlindungan, sampel itu boleh pergi kepada orang lain dan diklon. Nanti kita tidak ada unit seperti Yang Berhormat Kinabatangan sebutkan, nanti diklon hingga ada dua, tiga di Dewan yang mulia ini. Adakah

Yang Berhormat bersetuju bahawa kita perlukan Akta Perlindungan dahulu atau bersama dan tidak dibentangkan begitu sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang hujah Yang Berhormat Kota Melaka itu munasabah, begitu juga dengan hujah Yang Berhormat Shah Alam yang menjadi graduan daripada 'universiti' yang sama dengan saya.

■1210

Memanglah saya bersetuju, kesongsangan Yang Berhormat Kinabatangan itu dan [*Disampuk*] memang dia sudah lari. Di sinilah saya akan teruskan dan banyak lagi, saya kena singkatkanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Krau.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kepong. Cuma soalan saya merujuk kepada keyakinan dan kepercayaan Yang Berhormat Kepong terhadap Polis Diraja Malaysia terutamanya merujuk kepada pelantikan Ketua Bank Data DNA, seksyen 7(1). Adakah Yang Berhormat Kepong masih lagi meragui terhadap kecekapan dan juga kerahsiaan yang dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia di dalam negara kita?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang kita mesti lihat dari segi DNA ini dan dari segi rang undang-undang. Rang undang-undang ini boleh disalahgunakan. Lihatlah, semasa pilihan raya kecil kita pun, dua Exco Perak dihadapkan ke mahkamah dan sebagainya. Jadi, rakyat di Permatang Pauh pun kata itu 'pelik binti hairan' juga. Mengapa masa ini kita hendak hadapkan ke mahkamah?

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau): Saya tanya polis dan bukannya ACA.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Polis, ACA dan sebagainya. Itulah Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jawablah!

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Kepong, jelaslah Ahli-ahli daripada Barisan Nasional ini masih belum insaf dan masih belum sedar bahawa memang benar orang ramai sekarang dalam keadaan kurang keyakinan terhadap polis kerana campur tangan politik oleh Barisan Nasional. [*Dewan riuh*] Apakah Yang Berhormat akan mengingatkan Yang Berhormat Kuala Krau bahawa bapa kepada adik Nurin Jazlin telah menyaman polis kerana laporan bedah siasat, maklumat itu boleh disebarkan semacam itu melalui Internet boleh bocor? Mengapakah Ahli-ahli Barisan Nasional masih enggan menerima kelemahan rang undang-undang ini? Laporan bedah siasat adik Nurin boleh bocor seperti itu?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Itu pembangkang dalam hospital yang bocorkan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi, saya pohon penjelasan Yang Berhormat Kepong.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: [*Bangun*]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memanglah maklumat kes Nurin itu tidak boleh didedahkan. Yang Berhormat Kuala Krau itu...

Beberapa Ahli: Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Segambut.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma kalau kita menyatakan terhadap sesuatu perkara Yang Berhormat Batu

Gajah, adakah kepastian menyatakan bahawa laporan itu disebar oleh pihak polis ini kerana masih lagi di dalam siasatan? Jadi kita tidak boleh menggunakan anggapan-anggapan dan juga berita-berita yang kita dapat daripada blog-blog tertentu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kes ini pun dalam mahkamah Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Penjelasan Yang Berhormat Kepong. Melalui Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Kuala Krau, yang kita bangkitkan adalah tindakan mahkamah menyaman polis sebab laporan bedah siasat Nurin telah disebar terhadap polis. Saman terhadap polis. Saya bangkitkan itu kerana kenyataan! Dokumen telah diberi di mahkamah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Siapa yang sebar? Siapa yang sebar?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya sekarang bukan hendak putus. Saya hanya hendak mengingatkan bahawa telah ada...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Siapa yang sebar?

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kes di mahkamah, bapa kepada Nurin menyaman polis.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya hendak tanya...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi apa yang kita bangkitkan, kurangkan kes saman semacam ini. Kalau banyak kelonggaran di dalam rang undang-undang ini, maka timbul lagi banyak kes.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mereka ini semua tidak percaya! Polis tidak percaya! Itu tidak percaya!

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Lagi mahu putar belitkah? Mahu putar belitkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya teruskan Yang Berhormat Kepong.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pembangkang sahaja yang betul!!!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat. *[Disampuk]* Ya, teruskan Yang Berhormat Kepong.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itu sebabnya kita bangkang!!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bangkang membuta-tuli.

Seorang Ahli: Telinga pun pekak!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Siapa itu?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Minta mencelah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia tidak ikut peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sekali lagi Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingatkan terhadap perkara 41(1)(e). Kita baca sama-sama. Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya. Itulah, saya pun hendak meringkaskan ucapan. *[Disampuk]* Saya ada banyak lagi hendak cakap. Dengan izin, daripada berita BBC mengenai *Director of Civil Rights*. Dia kata,

"I think that the use of DNA evidence on computer systems, the profiles of DNA are problematic if they are being moved around from

country to country and the people make mistakes with DNA evidence in the same way that people make mistakes with other evidence. Therefore unless you have adequate and sensible controls, what happens is you get miscarriages of justice."

Saya hendak ulangi.

"Unless you have adequate and sensible controls, what happens is you get miscarriages of justice."

Semua orang mesti memberi perhatian dan dengan ini...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong dengan *problem-problem* yang banyak mengenai dengan DNA itu.

Saya yakin Yang Berhormat Kepong juga tidak boleh menafikan betapa perlunya kita kepada akta ini dan perlunya kita kepada Bank Data DNA ini. Di dalam rang undang-undang ini pun ada menyebut tentang penubuhan pusat penyelidikan. Saya fikir ini membuktikan bahawa kita *concern* tentang masalah-masalah yang dibangkitkan itu. Jadi, sebab itu saya rasa apa masalahnya dengan rang undang-undang ini?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, masalahnya iaitu kita pun sudah ada Jabatan Kimia Malaysia, Makmal Forensik Polis Diraja Malaysia, semua kita sudah ada. Bank Data DNA pun kita ada. Cuma tidak rasmi sahaja dan kita hendak rasmikan. Sebelum kita rasmikan, kita mestilah mengkaji kesemua aspek supaya tidak akan wujud masalah.

Ini adalah kerana ia memang satu perkara yang mewujudkan masalah. Tambah pula di dalam rang undang-undang, dia tidak ada kata di dalam rang undang-undang ini akan dikaji semula tiap-tiap dua tahun atau tiga tahun ataupun lima tahun. Tidak ada langsung.

Oleh sebab teknologi berkembang, kemajuan berlaku dan dengan teknologi sedemikian, kita mesti kaji semula tiap-tiap dua tahun, tiap-tiap tiga tahun atau tiap-tiap lima tahun. Di dalam rang undang-undang ini tidak ada langsung. Oleh sebab itulah, Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Kuala Kurau, Kinabatangan dan Batu Pahat bukan sahaja songsang, songsong pula. *[Ketawa]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Akan tetapi Yang Berhormat Kepong, terkepong-kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Ketawa]* Ya, itu tidak ikut peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sama macam songsong itulah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, itulah tidak mengikut peraturan. Memang dan saya...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Segambut bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada satu kes untuk dirujuk oleh Yang Berhormat daripada Kepong dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini.

Kes ini berlaku di Maryland, USA pada tahun lalu. Kes yang melibatkan satu *capital punishment* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, iaitu hukuman mati. Di mana pihak pendakwa raya telah membuat satu *search* atau carian di *database* mengikut kaedah

Arizona. Dia mendapati di dalam 30,000 profil data mereka, ada 32 yang *match*, hampir-hampir *match* dan ada dua yang 100% *match perfect*.

Ini menunjukkan, kalau mengikut kaedah-kaedah DNA seperti fasal 24 dalam bil ini, dalam kes *capital punishment* ini ada 15 orang yang boleh digantung mati. Saya ulangi, 30,000 profil, ada 32 yang hampir-hampir *match* dan dua *perfect match*. Ini berlaku pada tahun lalu di US. Saya minta pandangan Yang Berhormat daripada Kepong.

■1220

Yang kedua setuju tidak kalau saya cadangkan kelmarin ada seorang Yang Berhormat daripada Barisan Nasional dia mengatakan ini Rang Undang-undang DNA sepatutnya sebagai satu akta ibu dan akta-akta anak dan sebagainya akan dikeluarkan kemudian. Saya memang tidak bersetuju cadangan Yang Berhormat kelmarin itu sebab pendapat saya adalah akta ibu sepatutnya adalah satu akta yang boleh mengawal kerahsiaan profil DNA orang diambil. Akta-akta yang saya cadangkan adalah seperti *Data Protection Act* di mana saya di bagi tahu kerajaan telah setuju...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Panjang Yang Berhormat, panjang cukup.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ya, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang saya sudah bangkitkan beberapa contoh dan ini salah satu contoh lagi di mana boleh berlaku *the miscarriages of justice*, dan dengan teknologi moden ini boleh juga berlaku kesilapan. Kita mestilah memastikan kesilapan-kesilapan seumpama ini boleh dielakkan dengan sedaya upaya.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua di sini kita mesti mempertimbangkan dari pelbagai sudut. Yang pertama kalau kita teruskan dengan rang undang-undang seumpama ini, ini sebenarnya akta anak ini bukan akta ibu. Kita mesti kira sama ada kita hendak satu *police state*. Yang kedua macam mana kita boleh meningkatkan keyakinan terhadap polis kerana pada sekarang kita nampak campur tangan daripada kerajaan, daripada eksekutif ke atas polis pun sering berlaku.

Tidak bolehlah terlalu banyak campur tangan daripada pihak kerajaan. Jangan kita campur tangan bagi pihak polis kuasa untuk menyiasat dan mengambil tindakan, itu yang betul. Yang ketiga rang undang-undang ini boleh disalahgunakan dan kita mesti ada fasal yang membolehkan rang undang-undang ini dikaji semula tiap-tiap dua tahun, tiga tahun atau lima tahun kerana perkembangan atau kemajuan teknologi. Kita juga mesti kira tarik balik rang undang-undang dan saya memberi peringatan Tuan Yang di-Pertua supaya bagi banyak peluang sebelum bacaan yang ketiga untuk membenteng satu usul menurut Peraturan 81(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Usul apa Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Untuk menyuruh supaya ditubuhkan jawatankuasa pilihan khas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kalau ada pindaan Yang Berhormat boleh cadang dan kemukakan usul.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya. Akhir sekali saya berharaplah satu rang undang-undang melindungi data ini dapat dibentengkan sebelum kita luluskan rang undang-undang ini. Sekian terima kasih.

12.23 tgh.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya turut sama untuk membahaskan Rang Undang-undang DNA 2008. Tuan Yang di-Pertua, sejak perbahasan Rang Undang-undang DNA ini saya melihat banyak perkara khususnya membabitkan kes liwat yang cuba diketengahkan. Namun, masih ada kes-kes lain seperti jenayah yang amat memerlukan perhatian peruntukan rang undang-undang seperti ini.

Ujian DNA ini adalah teknologi terbaik masa kini yang digunakan di seluruh dunia untuk tujuan menyelesaikan satu kes jenayah atau bagi tujuan mencari kesepadanan antara bahan bukti dengan suspek. Malah ketepatan atau kebarangkalian agak tinggi kerana hanya ada kemungkinan satu dalam 20 bilion individu mempunyai padanan DNA yang sama.

DNA adalah satu hasil yang paling berkesan dalam dunia perubatan dan penyiasatan kes jenayah kini. Ini kerana ia mampu bertahan untuk jangka masa yang lama serta tidak mempunyai kesepadanan yang sama antara dua individu. DNA biasanya boleh digunakan kembali meskipun sudah disimpan dalam tempoh lebih 10 tahun. Namun ia bergantung kepada kaedah bagaimana DNA itu disimpan. Jika mematuhi prosedur simpanan yang betul ia boleh bertahan lebih lama.

Kebiasaannya saya difahamkan setiap makmal akan menyimpan DNA dalam peti sejuk dengan suhu di bawah -20° celsius. Ada juga yang disimpan dalam peti sejuk biasanya dalam suhu 4° celsius sahaja namun jika dijaga dengan baik kedua-dua kaedah ini membolehkan DNA digunakan kembali meskipun selepas 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun untuk sesuatu kes jenayah adalah lebih baik sampel DNA yang baru diambil. Jika ada pihak mempertikai atau tidak puas hati terhadap sampel DNA yang sudah diambil beberapa tahun sebelum ini. Seperti siri televisyen popular CSI atau siasatan tempat jenayah memperlihatkan betapa cekapnya pasukan penyiasat menyelesaikan kebanyakan kes menggunakan kaedah sains forensik termasuk berasaskan ujian DNA mangsa atau suspek, itu dalam wayang, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: [Bangun]

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Sekejap ya. Siri penyiasatan menarik karya Anthony Zuiker ini memaparkan sekumpulan pakar unit forensik Biro Siasatan Jenayah di Las Vegas menggunakan teknologi forensik serba canggih. Saban hari mereka perlu menjalankan siasatan dan bergelung dengan pelbagai keadaan mayat untuk mencari serta mengenal pasti punca lokasi sebenar, jangka masa kematian, sebab kematian dan penjenayah terbabit. Setiap kes kelihatan begitu mudah dan pantas, itu dalam wayanglah. Akan tetapi menurut pakar ia tidak semudah itu. Persoalannya bagi saya ialah sejauh mana kakitangan bagi Bank Data DNA terlatih dalam memastikan sampel-sampel ini terjamin?

Apakah mekanisme yang digunakan bagi membolehkan analisa forensik DNA menjadi tepat dan tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Keadaan sebenar juga lebih kompleks apabila setiap profil DNA perlu dihantar ke makmal milik syarikat persendirian atau agensi dan juga jumlah kakitangan yang membuat uji kaji masih tidak mencukupi. Bayangkan penyiasat di makmal menerima berpuluh-puluh kes setiap hari dan dengan petugas terhad tidak mungkin mereka dapat membuat keputusan DNA dalam masa sehari. Itulah tugas sebenar pegawai penyiasat sepatutnya di sesebuah Jabatan Forensik.

Perkara paling penting dalam usaha membentuk sebuah Jabatan Forensik dan Sains Penyiasatan ialah mewujudkan sebuah pangkalan data DNA. Pangkalan Data Kebangsaan adalah pangkalan utama diperlukan oleh polis yang ingin melakukan penyiasatan forensik ini.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Segambut hendak mencelah kah Segambut.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Sila.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Ini mengenai *storage* dengan izin Tuan Yang di-Pertua *storage of DNA*. Merujuk kepada fasal 17 dia hanya kata "*The Head of DNA Databank shall safely and securely store*". Tidak ada apa-apa regulasi atau prosedur atau kaedah diperuntukkan. Ini menunjukkan kelemahan rang undang-undang ini. Akhir sekali ...

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Petaling Jaya Utara tidak boleh bangun masa ini Petaling Jaya Utara.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: *Clause 2* dia kata DNA ini boleh diambil untuk, ini perkataan yang sungguh bahaya untuk tujuan *any analysis*. Apa itu *any analysis*? Rambut saya kurang ini boleh jadi satu analisis DNA tidak? Pandangan Yang Berhormat. [Ketawa]

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat dari Segambut.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: [Bangun]

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Okey, Sila.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Sebenarnya kita tidak bantah ada satu Bank DNA, memang betul seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Batu Pahat tadi. Akan tetapi kalau satu undang-undang tidak adil dan tidak mengikut, menghormati hak-hak kemanusiaan adakah undang-undang ini patut diluluskan dalam Dewan ini secara begitu sahaja.

■1230

Kita tidak membantah objektif *DNA Bill* ini, tetapi yang kita membantah adalah proses-proses yang tidak adil, yang ada dalam *DNA Bill* ini, dan patutkah kita merujuk *DNA Bill* ini kepada satu jawatankuasa yang khusus untuk menimbulkan satu *DNA Bill* yang lebih adil dan lebih saksama bagi rakyat Malaysia.

Tuan Teo Nie Ching [Serdang]: [Bangun]

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih. Saya nak bagi dua dulu. Jadi kalau tadi mengatakan bahawa tak ada peraturan untuk simpanan dan sebagainya, rasa saya Yang Berhormat patut melihat pada seksyen 26(1) kerana selepas rang undang-undang ini diluluskan, menteri boleh membuat peraturan-peraturan dan sebagainya. Saya rasa menteri akan membuat peraturan-peraturan yang perlu, yang baik, yang sesuai, bermanfaat untuk proses penyimpanan dan sebagainya dan bagi Yang Berhormat daripada...

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Petaling Jaya Utara.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: PJ Utara tadi, Petaling Jaya Utara. Macam mana kita nak kata peraturan ini adil atau tak adil. Belum dilaksanakan lagi. Bagilah peluang dilaksanakan dulu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Serdang bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: ...Lulus dan barulah kita boleh cerita tentang adil atau tak adil. Ini belum apa-apa lagi dah cerita tak adil. Macam mana ini? Belum laksana dah tak adil. Ini mendahului Tuhan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Serdang.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Ya sila, okey sila. Mana? Yang Berhormat Serdang.

Tuan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, saya pun sudah tengok fasal 26 ini tetapi soalan saya, rang undang-undang ini amat penting sekali. Kenapa kita menyerahkan hak untuk membuat peraturan-peraturan kepada menteri dan bukan dia sediakan peraturan-peraturan ini dan dimasukkan ke dalam rang undang-undang ini supaya semua Ahli Parlimen boleh menimbang sama ada prosedur itu adalah...

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Memang itulah sepatutnya, kita bagi pada menteri. Kalau kita nak masukkan dalam ini semua kerana ada peraturan-peraturan yang kita akan buat, diperlukan dibuat daripada semasa ke semasa. Jadi rasa

saya, persoalan itu tak perlu kita timbulkan kerana itulah kuasa dan hak menteri yang kita beri. Nanti kalau dah jadi menteri, bolehlah.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *[Bangun]*

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kota Melaka.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Ya, Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya ingin tanya pendapat Yang Berhormat iaitu saya ingat semua Ahli Yang Berhormat di Dewan ini setuju bahawa akta ini amat penting sebab dia amat penting, bukannya akta induk atau ibu ini sebelum dibentangkan, kita nak pastikan dia 100% *proof* baru kita bentangkan di Dewan ini dan lagi saya nak tanya juga Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat boleh beritahu kepada Dewan yang mulia ini mana fasal atau mana *clause* yang melindungi orang yang sampelnya diambil. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Yang Berhormat, dalam dunia ini tak ada benda yang kita buat 100% *perfect*. Kita manusia, ini buatan manusia. Jadi kalau ada keperluan dari semasa ke semasa, kalau ada pindaan kita buat pindaan. Yang Berhormat Shah Alam tersengih itu kenapa? Dia Tuhankah?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Okey, sila.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya rasa Yang Berhormat Lipis ini terlalu mengambil ringanlah isu ini.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan, duduk Yang Berhormat Putatan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Macam seolah-olah kita ini buang masa debat. Tak payah debat, lulus saja lepas itu biar kita serah kepada menteri. Bila ada kezaliman baru kita buat. Apa punya pemikiran macam ini? Kita kena seriuslah. Tanggungjawab kita sebagai Ahli Parlimen ialah untuk mengkaji, membahar, mengenal pasti. Sudah jelas undang-undang ini, rang undang-undang ini merupakan satu rang undang-undang yang begitu longgar. Banyak ruang untuk disalahgunakan. Janganlah kita pandang remeh perbahasan. Kalau ada sikap macam ini, inilah yang jadikan Parlimen ini *rubber-stamp* yang selama ini lulus, lulus, lulus. Naikkan harga minyak, lulus. Semua lulus!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Alah, turun 15 sen. Tak payah cakaplah.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Sebenarnya kita sekarang dalam perbahasanlah. Saya tak pernah mengambil ringan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itu sebab saya senyum tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam duduk ya.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Sebab itu saya berbahas, saya turut serta dan kita pun bagi peluang. Sebab itu bagi saya rang undang-undang ini memang dah mencukupi, sudah lengkap semuanya. Hanya...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itu pendapat saya.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Itu pendapat saya, pendapat Yang Berhormat yang selalu membangkang, pendapat Yang Berhormat Shah Alam, itu terpujulah pasal Yang Berhormat Shah Alam pembangkang. Kerjanya membangkang. Membangkanglah membuta tuli tanpa memikirkan yang baik dengan yang tidak baik. Itu saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Okey, sila duduk. Saya nak habiskan ucapan saya.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sikit saja.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: [*Menyampuk*] Yang sokong pun membuta tuli.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Hujah-hujah Yang Berhormat Lipis membawa ke arah tak payah hujah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, dia tak bagi jalan Yang Berhormat, tak bagi jalan.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Ini *floor* saya ini. Sila duduk.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Lipis. Saya keliru dengan sikap-sikap pembangkang bila

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan berucap Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ya, ini bukan berucap. Ini minta penjelasan daripada sahabat Yang Berhormat Lipis. Yang Berhormat Lipis, bersetuju atau tidak pihak pembangkang ini membangkang Akta DNA yang dibuat yang telah ada pada luar negeri. Kita ini baru mahu buat satu Rang Undang-undang DNA dan telah dibangkang, tak setuju. Apa pendapat Yang Berhormat, adakah mereka ini setakat membangkang sahaja?

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Memangnya dia orang membangkang membuta tulilah, tak ada kerja lain ya. Jadi itulah, kalau kita lihat macam kata Yang Berhormat daripada Putatan tadi Tuan Yang di-Pertua, ketika ini United Kingdomlah mempunyai pangkalan data terbaik berbanding dengan negara lain dengan 5.2% atau profil kira-kira 4 juta rakyat UK berada dalam pangkalan data polis. Untuk mengumpul pangkalan data itu saja sudah cukup menyukarkan kerana persoalan utama yang perlu ditanya ialah siapa yang patut berada dalam senarai. Ya, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya Yang Berhormat, saya melihat bahawa daripada sudut positif, Akta DNA ini bukan hanya menjurus kepada kes-kes yang *criminal* ataupun jenayah, tetapi ianya meliputi kes kemalangan jalan raya, kebakaran, kehilangan manusia dan sebagainya dan akta ini mencukupi segala-gala untuk keperluan bagi negara kita seperti negara-negara lain. Jadi apa yang kita ada kebimbangan sangat daripada pembangkang sedangkan pepatah Melayu ada menyatakan, 'Takut kerana salah, berani kerana benar'. Kalau kita benar, maka benarlah kita. Minta pandangan.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Memang saya sangat setuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan itu. Memang betul, benda dah cukup, dah lengkap.

Kita bahaskan untuk memberi tambah baik tapi jangan kita bangkang saja membuta tuli seperti Yang Berhormat Shah Alam. Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Kota Melaka minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, nak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Tak bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tak bagi.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Saya bagi *quotation* saja, saya bagi sampel. Duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Melaka duduklah Yang Berhormat Kota Melaka. Dia tak bagi jalan.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Bagi pihak polis UK, kalau kita lihat penduduk yang paling banyak melakukan kesalahan undang-undang atau dikenali sebagai 'pesalah aktif' adalah kumpulan sasaran utama untuk berada dalam pangkalan data ini. Jadi, saya ingin bertanya, adakah sudah ada kumpulan pesalah aktif yang kita kenal pasti di Malaysia. Umpamanya adakah semua penghuni penjara akan diambil DNA atau tahanan reman pun diambil atau banduan yang telah dijatuhkan hukuman saja yang diambil atau pesalah juvana dan sebagainya. Jadi saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Jadi, saya berharap perkara berkaitan ini kelak dalam bank data sudah mula...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Ya? Okey, sila.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat dari Lipis. Tadi saya ada minta jika boleh Yang Berhormat beritahu dalam akta ini fasal mana yang melindungi orang yang sampel DNAny diambil. Sebab itu tadi saya katakan kalau salah, memang kita akan hukum. Yang kita khawatiri nanti tak salah juga akan dihukum sebab itu minta yang mana dalam fasal rang undang-undang ini yang melindungi orang yang diambil sampelnya.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya ingat kalau Yang Berhormat bacalah huraian-huraiannya, ada dalam itu. Cuba tengok ya dalam huraianya. Pasal tak bacalah itu yang susah, baca separuh.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Sila, sila beritahu kepada Dewan ini Yang Berhormat Lipis. Sila beritahu, sila beritahu.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Saya nak habiskan ucapan saya. Jadi kalau saya baca ini, saya ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Kota Melaka.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Sila duduk, sila duduk Yang Berhormat.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]* 19, 20, 21.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Menyampuk]* Sila beritahu.

■1240

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Okey, jadi sila bacalah. *[Ketawa]* Jadi saya berharap pihak berkaitan dengan pengurusan DNA ini kelak dalam bank data sudah memulakan usaha untuk mewujudkan dan mulai melihat kedudukan perundangan untuk membolehkan mereka mula mengumpul pangkalan data DNA. Kerana bagi saya pangkalan data DNA amat penting supaya penyiasatan dibuat dengan pantas kerana ia

mbolehkan polis mengenal pasti pesalah dengan pantas, lebih cepat, membuat tangkapan dan paling penting bagi membantu polis memperoleh maklumat lebih tepat untuk mengetahui siapakah yang berada di tempat kejadian.

Di UK contohnya, tindakan untuk membangunkan pangkalan data DNA adalah keutamaan kerajaan Britian hari ini. Bagi tujuan itu ia sudah membelanjakan lebih kurang 300 juta paun bersamaan dengan lebih kurang RM1.9 bilion sejak lima tahun lalu untuk membangunkan pangkalan data. Walau bagaimanapun tanggungjawab untuk memantau pangkalan data ini adalah berat dan memerlukan satu jawatankuasa yang penuh kewibawaan tinggi pada pandangan saya. Jadi di sini saya ingin bertanya apakah perlu pelantikan ketua bank data terdiri daripada seorang pegawai polis yang sekurang-kurangnya berpangkat Timbalah Pesuruhjaya Polis dan timbalan ketua bank terdiri sekurang-kurangnya Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis. Soal ini penting bagi saya kerana kebanyakan kes membabitkan DNA pastinya berkait rapat dengan pihak polis.

Tidakkah pihak kerajaan melihat profesion seperti di kalangan pengamal perubatan, atau berkaitan sains biologi mempunyai latar belakang bersesuaian dengan jawatan ketua bank data DNA ini kelak. Saya takut kelak nanti akan berlaku konflik kepentingan atau *conflict of interest* dengan izin, kerana adanya pembabitkan pihak polis kerana akan ada sahaja pihak yang akan cuba. Apabila polis sahaja, mereka akan muka mempertikai dan sebagainya. Saya memang yakin tentang keupayaan polis ini atau ketelusan polis dalam menjalankan tugasnya. Tetapi hanya di sini kalau boleh kita adakan satu badan yang agak bebas kerana polis juga adalah sebagai penyiasat dalam sesuatu kes.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga kluatir bank data DNA takut-takut boleh disalahgunakan. Sebagai contoh, kerajaan UK mengambil alih tugas untuk mengawal pangkalan data daripada perkhidmatan sains forensik pada bulan Disember 2005, ini kerana berlaku diskriminasi dalam pengumpulan, mengumpul pangkalan data ini apabila 75% daripada nama yang berada dalam senarai di UK adalah golongan lelaki berkulit gelap berbanding hanya 25% lelaki kulit putih. Sukar untuk mengawal keadaan yang berlaku kerana banyak persoalan tercetus akibat pengumpulan pangkalan data DNA ini. Antaranya adalah orang yang pernah ditangkap, tetapi tidak pernah dituduh di mahkamah perlu memberi *profile* mereka. Adakah itu wajar?

Mula-mula kes di UK, sebelum 2001 polis boleh mengambil sampel DNA ketika penyiasatan tetapi terpaksa memusnahkan sampel dan rekod yang diperolehi daripada pangkalan data sekiranya tertuduh dibebaskan atau didapati tidak bersalah. Undang-undang di UK telah disusun semula pada tahun 2001 untuk memansuhkan peruntukan ini dan perundangan diubah sekali lagi pada tahun 2004 untuk mbolehkan polis mengambil *sample* DNA daripada sesiapa sahaja yang telah ditangkap atau dibawa ke balai polis. Persoalan sama ada pangkalan data itu mencabul hak asasi manusia atau melanggar *privacy* rakyat sesebuah negara juga perlu kita fikirkan. Malah isu ini memang menjadi perdebatan di kalangan rakyat di UK ataupun saya lihat di dalam Dewan ini juga. Namun polis di sana percaya ia membawa lebih banyak faedah berasaskan jumlah kes yang berjaya diselesaikan dengan cara forensik.

Sebagai contohnya dalam tempoh 2005 hingga 2006, sebanyak 45,000 kes jenayah di UK berjaya diselesaikan kerana mempunyai rekod DNA pesalah di pangkalan data. Kes tersebut termasuk 222 kes bunuh dan 645 kes rogol. Kalau kita lihat sejarah sains forensik, perubahan yang berlaku amat menakjubkan daripada sekadar untuk menyelesaikan kes jenayah. Dengan mengenal pasti jenis darah pada awal kurun yang lalu kepada pengenalan profil DNA pada tahun 1985 yang semakin mantap dengan kewujudan pangkalan data pada 1995 dan kini *profile* ini mula digunakan hampir rasa saya di seluruh dunia itu Tuan Yang di-Pertua. Justeru itu saya berharap rang undang-undang DNA ini dapat memanfaatkan kepada seluruh rakyat Malaysia terutamanya dalam menangani kes-kes jenayah yang kompleks dan menghulurkan satu *sample* saintifik yang dapat menyelesaikan sesuatu kes tersebut, sekian terima kasih saya menyokong.

12.45 tgh.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang DNA 2008. Saya kira bahawa terutama pembentangan ini seperti yang disebut oleh rakan-rakan yang lain, satu pembentangan yang tergesa-gesa. Sebab itu banyak perkara yang ditimbulkan oleh pelbagai pihak dari rakan-rakan saya dari kalangan pembangkang mahupun dari pihak kerajaan yang saya percaya bahawa walaupun menyokong membabi buta yang dibuat oleh pihak kerajaan, tetapi mempunyai unsur-unsur rasa tidak puas hati secara halus yang dapat saya fahami daripada ucapan-ucapan pembentangan-pembentangan perbahasan yang telah dibuat oleh...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sangkaan jahat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ...Rakan-rakan tadi. Jadi sebab itu bagi saya bahawa adalah wajar untuk pihak kerajaan khususnya kepada Yang Berhormat menteri untuk mempertimbangkan semula pembentangan yang telah dibuat ini untuk menarik balik seperti mana yang dicadangkan ataupun mengemukakan kepada sesuatu Jawatankuasa Pilihan khas seperti mana yang berlaku ke atas Penal Code pada beberapa tahun yang lalu.

Ataupun saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini pertama sekali ialah untuk melihat beberapa perkara yang terkandung dalam rang undang-undang ini yang menunjukkan bahawa seolah-olahnya akta ini langsung tidak dirujuk kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan soal 5(1) Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan soal *privacy* hak seseorang rakyat yang harus mendapat kebebasan tertentu dan saya juga melihat bahawa ini juga tidak diperhalusi dengan membuat rujukan-rujukan yang jelas daripada negara-negara yang telah pun melaksanakan lebih awal daripada kita iaitu seperti Trinidad & Tobago dan juga Kanada dan juga UK yang menunjukkan bahawa ada perkara-perkara yang telah ditentukan dalam undang-undang di negara mereka itu memberikan perlindungan-perlindungan kepada kepentingan masyarakat dan rakyat dalam negara mereka.

Begitu juga saya percaya bahawa pembentangan yang dibuat walaupun disebut bahawa sejak daripada tahun 2001 dirangka untuk mengemukakan rang undang-undang ini, tetapi saya percaya bahawa kalau betul-betul mereka merangka daripada 2001, sudah tentulah daripada tempoh masa yang munasabah itu dapat mereka membuat rujukan sama ada di negara-negara luar mahupun rujukan kepada pihak-pihak tertentu dalam negara kita dan saya percaya bahawa pembentangan ini langsung tidak merujuk seperti yang saya katakan tadi kepada perlembagaan perkara 5(1) dan juga tidak merujuk kepada badan yang ditubuh oleh kerajaan untuk menjaga kepentingan hak asasi manusia dalam negara kita iaitu seperti mana SUHAKAM umpamanya.

Ini dapat dilihat dalam seksyen 25 yang bagi saya tidak sepatutnya ada dalam seksyen tersebut iaitu satu seksyen di mana bertentangan dengan soal-soal hak asasi manusia dan hal ini juga telah pun dibangkitkan oleh pihak SUHAKAM dalam laporan SUHAKAM 2007 yang mana SUHAKAM berpendapat bahawa seksyen-seksyen, peruntukan seksyen yang seumpama ini telah mengiakan satu perlindungan kepada kesalahan yang dilakukan oleh mereka-mereka yang terlibat dalam akta ini sama ada melindungi kuasa menteri, melindungi ketua bank data dan sebagainya walaupun kemungkinan mereka terdedah kepada kesalahan-kesalahan untuk *manipulate* DNA yang telah diambil daripada orang-orang yang tertentu yang diambil oleh mereka.

■1250

Jadi sebab itu saya lihat bahawa badan yang ditubuhkan oleh kerajaan ini tidak pernah dirunding untuk melihat perkara ini tidak pernah dirunding untuk melihat perkara ini secara yang *detail* supaya hak dan kepentingan rakyat untuk mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Kemudian saya lihat bahawa dalam seksyen 6 ini juga satu seksyen yang memberikan kuasa yang terlalu luas kepada menteri untuk membuat keputusan menamakan agensi ataupun badan-badan untuk menjalankan analisis forensik DNA.

Sebab itu bagi saya bahawa kuasa Menteri Keselamatan sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 6 ini untuk menetapkan agensi ataupun badan untuk menjalankan analisis DNA tetapi bagi saya bahawa tidak sepatutnya kuasa itu diberikan kepada menteri kerana ianya melibatkan mungkin akan berlaku *conflict of interest* kerana ia menampakkan seolah-olah Menteri Keselamatan sendiri akan campur tangan dalam hal-hal penyiasatan dan pemprosesan analisis forensik DNA. Sebab itu bagi saya bahawa adalah tidak wajar kuasa yang begitu luas yang diberikan kepada menteri.

Persoalan seterusnya Tuan Yang di-Pertua bahawa ialah takrif agensi ataupun badan yang diberikan kebenaran untuk menjalankan analisis forensik DNA tidak dijelaskan dalam seksyen ini, badan yang seperti mana? Adakah bermaksud mana-mana agensi kerajaan yang berkaitan ataupun pihak swasta? Tidak dijelaskan. Bermakna bahawa diberikan satu kuasa yang begitu luas kepada menteri untuk menentukan pihak mana yang boleh membuat analisis forensik DNA ini. Apakah ianya turut melibatkan mana-mana agensi ataupun badan-badan di peringkat antarabangsa sebab jika kita lihat dalam seksyen 2 rang undang-undang ini tiada tafsiran yang diberikan berhubung dengan maksud agensi ataupun badan-badan berkenaan.

Walaupun ada seksyen tertentu yang berkaitan kerjasama dengan pihak penguatkuasaan undang-undang asing, tetapi dia tidak membabitkan soal agensi-agensi berkaitan dengan soal kepakaran forensik DNA ini. Jadi sebab itu saya lihat bahawa seksyen ini tidak memberikan tafsiran yang jelas dan tidak ada tafsiran langsung. Selain daripada itu perlu diperincikan, saya lihat bahawa kriteria ataupun kelayakan yang perlu dimiliki oleh badan dan agensi-agensi yang dimaksudkan kerana soal DNA ini merupakan perkara yang memerlukan kepada tahap keselamatan dan juga kerahsiaan yang tinggi bagi mengelak perbuatan khianat dan menjamin kredibiliti analisis DNA tersebut.

Kita tidak mahu agensi ataupun badan-badan yang dilantik tersebut boleh dipertikaikan dari segi kelayakan. Juga kita tidak mahu ianya dilantik atas niat seseorang tertentu untuk sebarang kepentingan-kepentingan yang tertentu. Jadi ini yang saya kira bahawa seksyen ini harus dilihat secara yang lebih luas untuk menjamin bukan sahaja kebenaran analisis tersebut tetapi bagi saya ialah untuk memberikan jaminan kepada kepentingan mereka-mereka yang diambil. Begitu juga yang lebih asas dengan melihat peruntukan seksyen 6 ini perlu juga dijelaskan dalam situasi bagaimana Jabatan Kimia Malaysia ataupun Makmal Forensik PDRM tidak dapat menjalankan apa-apa analisis forensik DNA. Ini saya kira bahawa yang harus dilihat untuk memastikan supaya kepentingan semua pihak dapat dijaga. Inilah yang saya katakan bahawa...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin bangun.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya apabila Yang Berhormat tadi sebut tentang fasal 6 seharusnya dibaca bersama dengan fasal 5 tentang fungsi bank data tadi. Selain daripada kita mewujudkan fungsi bank data, untuk analisis forensik DNA yang dijalankan oleh Jabatan Kimia Malaysia ataupun Makmal Forensik Polis Malaysia, selepas itu fasal 6 kuasa menteri menamakan mana-mana agensi atau badan. Selain daripada kedua-dua ini, mereka juga seharusnya mengadakan makmal yang mempunyai piawaian ataupun *accredited* oleh ASCLD. ASCLD ini adalah satu badan makmal jenayah yang mungkin akan membuat audit dari masa ke semasa. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kira bahawa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Jasin itu harus dijelaskan oleh pihak menteri. Saya sendiri lihat bahawa dari segi pemahaman saya bahawa kandungan ini tidak memberikan satu penjelasan kerana bidang kuasa menteri yang begitu luas yang ada pada menteri di dalam peruntukan ini yang menyebabkan sebarang kemungkinan boleh berlaku. Jadi kita tunggu jawapan, penjelasan daripada pihak kerajaan.

Kemudian berkaitan dengan bahagian III, seksyen 7 umpamanya, kerana timbul keraguan sekiranya bank data DNA ini diuruskan sepenuhnya oleh PDRM, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Lipis tadi bahawa kenapa soal kedudukan bank data ini harus diuruskan oleh pihak polis dan polis yang berpangkat seperti mana disebut di sini untuk dilantik menjadi ketua bank data dan timbalan ketua bank data.

Mana boleh kita memberikan ruang yang begitu luas kerana polis sendiri yang membuat siasatan dan polis juga sendiri yang terlibat dalam bank data. Seharusnya dia membuat siasatan-siasatan sebelum daripada proses DNA itu dibuat kerana orang yang telah disiasat kemudian telah *confirm* disyaki maka orang itu akan diambil DNA nya. Jadi saya bimbang bahawa akan berlaku oleh sebab tidak ada juga kesahihan maklumat akhirnya untuk membuktikan juga maka DNA itu akan diambil dan terdedah kepada manipulasi-manipulasi yang kemungkinan seperti yang telah disebut bagaimana penyalahgunaan-penyalahgunaan yang telah dibuat sebelum ini oleh pihak polis.

Umpamanya tangkapan-tangkapan tanpa bicara umpamanya kadang-kadang dibuat kerana polis tidak ada bukti. Lalu saya bimbang bahawa inilah yang akan berlaku. Jadi sebab itu bagi saya bahawa sepatutnya dia diketuai seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Lipis memang saya sendiri pun menyebut mencatatkan bahawa sepatutnya diketuai oleh mereka-mereka yang bukan daripada pihak polis supaya tidak dilihat ada kepentingan pihak polis yang menyiasat kes itu untuk membenarkan siasatan yang telah dibuat oleh mereka. Jadi sepatutnya ada pemisahan kuasa dalam pemisahan atau pengasingan ini.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya ingin berkongsi pandangan dengan Yang Berhormat iaitu berhubung dengan cara penyimpanan data forensik DNA ini kerana semalam saya menonton satu filem rencana...

Seorang Ahli: CSI.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Bukan CSI yang Vision 4, kebetulan ada kaitan dengan akta yang kita bahas hari ini iaitu cara penyimpanan yang dibuat menggunakan *thumbprint*. Bermakna kata individu yang berkenaan sahaja yang boleh mengeluarkan data simpanan itu daripada simpanan yang telah dibuat dengan menggunakan kaedah terkini dalam teknologi.

Jadi kalau kita bimbang kalau ada pihak yang boleh memanipulasikan keadaan-keadaan seperti ini, apakah kita boleh menggunakan kaedah teknologi terkini dalam penyimpanan ini yang membolehkan bahawa bank data ini ataupun penyimpanan ini tidak dimanipulasikan digunakan untuk kepentingan tertentu ataupun keselamatan tertentu. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa dalam hal tertentu harus diberikan satu jaminan, maknanya kawalan yang munasabah menggunakan kaedah untuk simpanan untuk memastikan ia dielak daripada dimanipulasikan oleh pihak-pihak yang tertentu. Sebab itu saya katakan tadi bahawa satu benda yang tidak sewajarnya untuk pihak polis sendiri yang terlibat dalam mengetuai bank data ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kejap, kejap saya hendak habiskan sedikit berkaitan dengan ini, kerana keterangan DNA ini seperti juga keterangan perubatan adalah bertindak selaku bukti sokongan ataupun *collaborative evident*. Jadi justeru itu saya lihat bahawa ia perlu diuruskan oleh pihak yang berkecuali seperti juga dalam hal-hal keterangan doktor ataupun pakar perubatan. Sebab bagi saya bahawa sekiranya bank data DNA ini diuruskan oleh PDRM, akan timbul syak wasangka seperti mana yang disebut oleh rakan saya daripada Lipis.

Jadi begitu juga dengan pelantikan-pelantikan jawatan-jawatan utama dalam DNA tidak sepatutnya menjadi kuasa mutlak menteri. Bagi saya sepatutnya bahawa ditubuhkan satu jawatankuasa bebas bagi menilai mereka-mereka yang layak untuk boleh dianggotai sama ada wakil daripada berbagai-bagai agensi untuk duduk dalam jawatankuasa ini bagi

mencadangkan nama tersebut untuk dikemukakan kepada pihak kerajaan ataupun kepada pihak yang bertanggungjawab untuk memutuskan, memuktamadkan siapa yang harus duduk dalam jawatankuasa DNA ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sambung petang Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Baik, terima kasih. Boleh sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

2.32 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung perbahasan saya dalam rang undang-undang DNA ini. Saya ingin menyentuh perkara yang berkaitan dengan soal seksyen 13(3)(a) di mana seksyen ini ialah seksyen yang berkaitan dengan pengambilan sampel bukan intim yang juga telah pun memperuntukkan mereka yang ditahan di bawah mana-mana undang-undang yang dibuat menurut perkara 149 ataupun 150 Perlembagaan Persekutuan.

Jadi seperti yang saya bangkit dalam perbahasan Yang Berhormat Batu Pahat semalam saya kira bahawa adalah tidak wajar di bawah perkara 149 dan 150 contohnya mereka yang ditahan di bawah Akta keselamatan Dalam Negeri untuk diambil sampel DNA mereka sebab bagi saya bahawa mereka ditahan tanpa bicara sedangkan tujuan pengambilan DNA ini ialah untuk kononnya memperkukuhkan penyiasatan untuk menjadikan salah satu daripada bukti daripada penyiasatan yang dibuat oleh pihak berkuasa untuk membolehkan seseorang yang ditahan bila dilihat ada kes ada kemunasabahannya untuk dibawa ke muka pengadilan ke mahkamah. Sedangkan orang yang ditahan di bawah ISA ialah mereka merupakan tahanan tanpa bicara.

Di sini saya persoalkan apa tujuan untuk kita mengambil DNA mereka sedangkan mereka tidak boleh dihadapkan di mahkamah. Walaupun disebut semalam oleh Yang Berhormat Batu Pahat bahawa mungkin pengambilan DNA itu diambil atas isu penahanan di bawah ISA tetapi atas kesalahan-kesalahan kes yang lain. Jadi oleh sebab itu kalau ia berkaitan dengan kesalahan-kesalahan kes yang lain maka sudah tentu tidak perlu ada peruntukan ini sebab sudah cukup. Maknanya sudah boleh diambil DNA kalau dia ada kesalahan-kesalahan yang lain.

Jadi kenapa kita harus meletakkan peruntukan ini iaitu peruntukan yang mengizinkan penahanan ataupun pengambilan DNA itu ke atas mereka yang ditahan di bawah 149 ataupun 150 Perlembagaan Malaysia. Maka sudah tentu bahawa ini yang menyebabkan ada keraguan pada saya sendiri mungkin ada tujuan-tujuan tertentu yang boleh disalahgunakan oleh pihak-pihak berkuasa apabila sampel DNA itu diambil daripada mereka yang ditahan di bawah ISA, apatah lagi tahanan-tahanan ISA yang ada kaitan dengan soal politik. Saya sendiri pernah menjadi mangsa ISA. Maka sudah tentu saya merasakan bahawa ini ada kemungkinan yang tidak boleh ditolakkan. Atas sebab itu rasional peruntukan ini pengizinan untuk mengambil sampel kepada mereka yang ditahan di bawah peruntukan perkara 149 dan 150 Perlembagaan Persekutuan adalah tidak wajar.

Jadi sebab itu kita berhujah daripada semalam kita katakan bahawa terlalu longgar, terlalu gopoh-gapah sehingga tidak dibuat satu penelitian untuk melihat kemunasabahan pengambilan sampel DNA sehingga ke atas orang yang ditahan tanpa bicara diambil sedangkan tujuan DNA ialah untuk mengambil kepada mereka yang disyaki

terlibat dalam kes-kes jenayah yang kemudiannya digunakan DNA itu untuk membawa kes itu ke mahkamah.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak beralih kepada perkara yang berkaitan dengan soal perkara 11(1) yang berkaitan dengan seksyen yang tidak menyatakan prosedur khusus bagaimana keadaan yang membenarkan supaya ketua bank data menyediakan maklumat kepada orang yang ada kaitan dengan maklumat. Bagi saya bahawa kalau tidak ada prosedur sudah tentu bahawa sesuatu yang tidak diingini kemungkinan boleh berlaku sebab itu perlu ada prosedur-prosedur terperinci untuk mengelak sebarang salah guna kuasa.

Kemudian seksyen 12 dan 14 yang harus dilihat bersekali iaitu bagi saya kedua-dua seksyen ini tidak memperuntukkan ataupun secara keseluruhannya akta ini tidak memperuntukkan ataupun tidak menyediakan satu proses semak dan imbang, *check and balance* mengenai kuasa pegawai yang akan mengambil sampel DNA. Kuasa harus diberikan kepada tahanan. Sepatutnya orang tahanan itu harus ada kuasa dia untuk merujuk kes itu kepada mana-mana mahkamah bagi menentukan sama ada boleh atau tidak DNA mereka diambil secara paksa. Ini kerana dalam peruntukan ini kalau kita lihat dalam seksyen 14 dilihat bahawa adalah menjadi satu kesalahan bagi mereka yang enggan memberikan sampel DNA dan polis boleh menggunakan apa cara sekalipun untuk mengambil sampel DNA kepada orang-orang yang enggan ini.

Ini bermakna seksyen ini menjadikan manusia sebagai tikus makmal. Tikus makmal hang setuju tak setuju picit dia, kemudian tangkap, ambil paksa, picit kemudian buatlah apa sahaja kerana tikus tak boleh hendak meronta seperti mana manusia. Jadi akhirnya bagi saya bahawa seksyen ini adalah seksyen yang seolah-olah hilang sifat kemanusiaannya. Menjadikan manusia itu binatang uji kaji makmal. Seolah-olahnya begitu, seolah-olah hendak meletakkan taraf manusia ini yang belum tentu ada kesahihan, kesalahan malah orang yang salah sendiri pun seorang banduan ini pun harus dilayan sebagai manusia.

Jadi apatah lagi dalam hal-hal yang seperti ini belum terbukti dari segi kesahihan sama ada mereka melakukan ataupun tidak tapi mereka boleh diambil secara paksa untuk membolehkan pihak berkuasa mengambil sampel DNA mereka. Jadi bagi saya bahawa ini adalah suatu yang tidak wajar dan menunjukkan seolah-olah akta ini dibuat tanpa ada pertimbangan yang berkaitan dengan soal kemanusiaan sendiri.

■1440

Kemudiannya juga berkaitan dengan seksyen 24 menyatakan maklumat dan data adalah muktamad dan tiada pula seksyen memberikan hak kepada orang-orang yang ditahan untuk mendapatkan maklumat DNA sendiri bagi menentukan pengesahan DNA ini. Maknanya tidak ada satu peruntukan diberikan kepada orang-orang yang ditahan atau disyaki, yang diambil sampel DNA nya untuk mendapatkan DNA itu untuk memastikan pengesahan dia daripada mana-mana pihak dan sebagainya. Jadi saya kira bahawa dia menafikan hak seseorang yang sepatutnya mendapat pertimbangan-pertimbangan yang sewajarnya.

Kemudian satu perkara lagi dalam seksyen yang telah mengizinkan Ketua DNA, seksyen 9(1) umpamanya, Ketua DNA berhak untuk memperbetulkan butir-butir dalam profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya jika sesuatu kesilapan taipan telah berlaku dan keterangan-keterangan mencukupi dikemukakan untuk memuaskan hati Ketua DNA bahawa kemasukan itu adalah tidak betul.

Jadi seolah-olah memberikan satu kesan maknanya ruang untuk Ketua DNA untuk *manipulate* ataupun mengubah segala laporan yang telah pun dibuat laporan-laporan analisa forensik yang telah dibuat oleh pakar-pakar yang terdapat dalam bidang ini. Jadi bagi saya sebab itu daripada awal saya katakan tidak wajar diletakkan Ketua DNA ini daripada pasukan polis sendiri sebab dia terdedah kepada manipulasi, terdedah kepada segala salah guna kuasa. Polis sudah tentu hendak membenarkan bahawa yang dia tangkap itu betul, jadi sudah tentu dia akan mempertahankan, dia akan cuba membuktikan.

Sebab itu diperuntukkan, pihak polis telah cuba menggunakan akta-akta yang bersifat tahanan tanpa bicara apabila tidak ada bukti, tidak ada kes terhadap orang-orang

yang disyaki dalam melakukan jenayah. Jadi sebab itu saya bimbang bahawa ini juga akan membawa kepada mereka yang ditahan tetapi polis telah pun membuat satu gambaran seolah-olah mereka ini telah bersalah tetapi akhirnya DNA itu membuktikan bahawa tidak terbukti kesalahan ataupun keterlibatan mereka tetapi oleh kerana untuk menjaga maruah polis lalu kemungkinan-kemungkinan pengubahsuaian laporan-laporan analisa forensik DNA itu boleh dibuat Ketua Bank Data DNA ini. Jadi bagi saya ini suatu yang harus dilihat kerana saya bimbang.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena, Tuan Yang di-Pertua. Saya perhati kepada 9(1)(b) ini, keterangan yang mencukupi dikemukakan untuk memuaskan hati Ketua Bank Data DNA. Perkataan memuaskan hati ini satu perkataan yang subjektif. Apa pandangan ataupun ulasan Yang Berhormat Pokok Sena tentang perkataan 'memuaskan hati ketua'.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya, ini yang kita katakan bahawa sesuatu yang tidak sewajarnya diletakkan perkataan-perkataan sebegini yang sepatutnya ada pentafsirannya, harus ada penjelasannya sebab apabila diletakkan untuk memuaskan hati bermakna bahawa apa yang dikehendaki oleh ketua.

Saya bimbang bahawa takut nanti bahawa wujudnya konspirasi-konspirasi yang melibatkan Ketua Bank Data DNA, lalu sudah tentulah bahawa sebagai salah seorang yang mungkin terlibat dalam konspirasi sebagai kapasitor dan sebagainya, sudah tentu dia hendakkan laporan yang dikemukakan kepada dia laporan yang boleh memuaskan hati dia, bukan laporan yang boleh memberikan pertimbangan, kebaikan dan keadilan berasaskan kepada kebenaran.

Sebab itu bagi saya bahawa menampakkan tujuan-tujuan yang mempunyai unsur-unsur yang boleh dipersoalkan bahawa kalau ada orang mengatakan atau kalau kami mengatakan bahawa ada unsur-unsur yang mengizinkan konspirasi itu berlaku satu perkara yang tidak boleh ditolak.

Jadi sebab itu bagi saya bahawa seolah-olah akta ini ialah akta untuk macam seksyen-seksyen saya sebutkan tadi tidak boleh dicabar di mahkamah, tidak boleh cabar, *challenge* ataupun dakwa mereka yang terlibat seperti disebut dalam akta ini ke mahkamah dan keputusan laporan DNA itu adalah muktamad, seolah-olahnya undang-undang ini bertujuan untuk melahirkan ramai atau hendak mewujudkan ramai pesalah-pesalah dalam kes-kes rogol atau juga kes-kes liwat, seolah-olahnya begitu. Hendak mewujudkan dan melahirkan ramai pesalah-pesalah rogol dan pesalah-pesalah liwat walaupun mereka tidak bersalah tetapi oleh kerana tidak ada ruang untuk *defend* atau untuk membela diri atau untuk mempertahankan hak, untuk mencari kebenaran lalu undang-undang ini diwujudkan sebegini rupa.

Jadi sebab itu bagi saya wajar saya kira bahawa pihak kerajaan menarik balik, menanggukkan atau sekurang-kurangnya macam disebut oleh rakan-rakan, saya sendiri pernah sebut sebelum ini bahawa untuk kita kemukakan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas untuk meneliti sebab saya percaya bahawa masih belum dirujuk kepada mereka yang terlibat dalam hak asasi manusia, kepada SUHAKAM sendiri, juga kepada majlis agama atau mereka yang terlibat dalam bidang fatwa dan sebagainya, tidak dirujuk sebab ada unsur-unsur yang saya rasa ada keperluan untuk dirujuk dan saya percaya bahawa akta ini tidak merujuk secara serius kepada akta-akta yang telah dilaksanakan di luar negara umpamanya di Kanada dalam DNA akta 1998 bahawa di sana walaupun ada akta ini dan sudah di *apply* lebih awal oleh mereka tetapi terdapat peruntukan khusus yang berkaitan dengan prinsip yang diguna pakai dalam DNA Act 1998 yang mana meletakkan peruntukan khusus mengenai hak *privacy* seksyen 4 DNA Act 1998 malah di Kanada terdapat akta *privacy* khusus yang digubal bagi menjaga *privacy* rakyat dan menghalang daripada mana-mana pihak dengan sewenang-wenangnya untuk menceroboh hak *privacy* ini.

Ini saya bercakap hal *privacy* dalam konteks DNA ini. Sebab itu saya melihat profil indeks DNA hanya terhad kepada penjenayah yang telah bersalah dan indeks tempat jenayah seperti yang terdapat dalam seksyen 5 DNA di Kanada. Sebab itu saya rasa ini harus dirujuk, ada peruntukan khusus sebagaimana untuk dibuat komunikasi DNA supaya suspek *privacy* dan kerahsiaan terjaga.

Ini kita pun tidak tahu tentang kerahsiaan dan sebagainya malah apatah lagi kerahsiaan dari segi maklumat profil DNA itu sendiri yang boleh disalahgunakan. Saya tunjuk contoh bahawa seperti yang disebut oleh kawan-kawan bahawa polis sendiri tidak dapat menjamin keselamatan orang tahanan yang duduk dalam tahanan dan barang-barang yang disimpan sebagai bukti pun polis tidak boleh jamin, sudah ada pegawai-pegawai polis yang terlibat dalam amalan rasuah yang sanggup untuk buat apa sahaja asalkan dia dapat duit sehingga hilang bahan-bahan bukti umpamanya contoh.

Begitu juga saya sebut semalam saya katakan bahawa polis sendiri boleh jual air kencing kepada mereka yang ditangkap dalam kes dadah menyebabkan kadang-kadang mereka yang berulang-ulang empat lima enam kali ditahan tetapi tidak boleh disabitkan kesalahan kerana apabila dibuat *test* air kencing tidak terdapat hasil siasatan kerana dia tidak menggunakan air kencingnya kerana menggunakan air kencing orang lain.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ini tok penghulu mana pula. [Ketawa] Saya ingatkan tok penghulu Pasir Salak tadi tengok songkok senget satu macam. Sila, sila tok penghulu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Ada orang tanya saya kenapa pakai songkok hari ini. Saya jawab fasal orang-orang PAS sudah tidak pakai songkok dah, jadi sayalah yang pakai. [Ketawa] Perjuangan dia sudah tidak ada, sudah dibuang. Pertanyaan saya, saya memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Pokok Sena.

Yang Berhormat menyebutkan kes-kes di mana kes penyelewengan ataupun perbuatan pihak polis yang menunjukkan kecuaiian dan sebagainya tadi. Adakah ini merupakan kes-kes keseluruhannya ataupun ianya adalah merupakan *isolated cases* dengan izin. Kalau ianya merupakan *isolated cases*, kita tidak boleh membuat *generalization* ataupun pukul rata bahawa polis itu mempunyai kredibiliti atau integriti yang tidak boleh kita harapkan.

Saya rasa tidak adil kita membuat kenyataan yang sedemikian. Jadi dengan sebab itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat menganggap bahawa polis ini sudah tidak boleh pakai langsung, apa pun tidak boleh pakai, satu benda tidak boleh buat dan tidak boleh dipercayai. Kalau begitu kita minta hapuskanlah polis ini, tidak boleh pakai lagi. Pakai *private bodyguard* sahaja semua kalau itulah yang Yang Berhormat maksudkan tetapi saya harap tidaklah. Yang Berhormat pun baik, terima kasih.

■1450

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya. Nampak bergaya, gaya Tok Penghulu. Mungkin berubah. [Ketawa] Tidak, itu saya *joke* kan lah tetapi pakai kopiah saya ingat berkabung kot, berkabung fasal kalah semalam kot. [Ketawa] Selalu tidak. Berkabung, kalah ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apa Yang Berhormat. Ya, sila.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: [Ketawa] Baik. Begini, soalnya bukan saya hendak mengatakan bahawa tidak percaya langsung kepada pihak polis dan saya tidak hendak meletakkan bahawa ini kes yang berlaku secara keseluruhannya dalam pihak polis.

Namun, walaupun ia *isolated* kes, tetapi saya soalan ini harus diambil kira. Apatah lagi, asas saya dan juga rakan-rakan yang lain bercakap tentang kehilangan kepercayaan kita kepada pihak polis itu diperakui sendiri oleh Suruhanjaya Penambahbaikan Polis yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tun Dzaidin. Ini secara jelas sehingga, laporan itu kalau saya hendak sebut di sini sudah tentu tidak cukup masa tetapi saya cadangkan supaya Yang Berhormat membaca laporan tersebut.

Antara yang dicadangkan oleh laporan tersebut ialah penubuhan yang disebut sebagai IPCMC yang masih sekarang masih belum ditubuhkan. Jadi, sudah tentulah

bahawa sepatutnya IPCMC ini proses untuk hendak membangunkan kembali kepercayaan masyarakat dan rakyat kepada pihak polis. Jadi, apabila ditambahkan lagi dengan Akta DNA ini, beri kuasa yang begitu luas, dan sebagainya, lantik polis di dalam kumpulan pelantikan untuk mengetuai data DNA ini sudah tentu keraguan-keraguan ini timbul kerana ada asas yang telah pun disebut oleh Suruhanjaya Pembaikan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, berkaitan juga rujukan-rujukan ini, saya katakan bahawa perlu dibuat kerana ada ketika akta ini seperti yang berlaku di Kanada dicabar kerana ianya adalah berbentuk *fishing expedition* bagi penyiasat kes. Yang mana penyiasat itu boleh memaksa mana-mana suspek untuk menyerahkan sampel DNA walaupun tanpa asas yang kuat dan ini adalah melanggar hak asasi manusia. Ini yang berlaku di Kanada. Jadi, sebab itu saya katakan perbandingan dengan Rang Undang-undang DNA Malaysia, nampaknya aspek ketulusan dan privasi ini diabaikan. Ini saya bimbang takut menjejaskan tanda hak asasi manusia Malaysia di kaca mata masyarakat antarabangsa.

Begitu juga dalam DNA Act 2007 di Trinidad and Tobago umpamanya. Antara perbezaan ketara adalah mengenai sampel yang mana selain daripada pengambilan sampel secara sukarela terdapat juga peruntukan khusus. Yang mana mahkamah mendapat keizinan mahkamah untuk memberikan perintah bagi mengambil sampel tersebut. Maka, ini lebih menunjukkan ada kejujuran ada ketulusan. Maknanya, bukan boleh dibuat secara paksa. Begitu juga kalau kita lihat bahawa pengamalan yang berlaku di United Kingdom, terdapat kebimbangan mengenai salah guna DNA ini sehingga saya kata ini di negeri yang agak dikatakan menjadi rujukan kita dan sebagainya.

Ada 500,000 profil DNA yang telah tersalah atau tersilap dilaporkan. Ini adalah fakta. 500,000 profil DNA yang silap direkodkan sama ada apa bentuk kesilapan yang lain, tetapi berlaku 500,000 profil DNA yang silap direkodkan. Ini bagi saya suatu yang harus dilihat. Saya kembali kepada persoalan ketepatan ataupun muktamadnya laporan DNA ini sepatutnya tidak diletakkan sebagai satu laporan yang muktamad yang kadang-kadang dibimbangi bahawa itu akan mempengaruhi keputusan perbicaraan ke atas kes-kes mereka yang terlibat.

Ini kerana, kalau kita rujuk kepada apa yang diamalkan di Britain mengikut laporan akhbar Times - September 2007 melaporkan bahawa mahkamah Tinggi di Britain telah menolak penggunaan DNA dalam mensabitkan pembunuhan yang berlaku 30 tahun yang lalu kerana kemungkinan kata mahkamah bahawa berlaku kesilapan.

Jadi, saya harap bahawa hal-hal yang seperti ini harus diberikan pertimbangan dan tidak ada pertimbangan yang lebih baik bagi saya khususnya kepada Yang Berhormat Menteri yang harus pulih imej Barisan Nasional. Iaitu menarik balik rang undang-undang ini sama ada diperbaiki ataupun dibawa dan dikemukakan ke Jawatankuasa Pilihan Khas. Saya kira perlu Jawatankuasa Pilihan Khas itu mendengar berbagai-bagai pihak melalui *public hearing* dan juga mendengar, memanggil pihak-pihak yang tertentu yang berkaitan dengan kepakaran-kepakaran yang ada pada mereka termasuklah berkaitan dengan Hak Asasi Manusia - SUHAKAM dan juga badan-badan seperti mana Majlis Peguam dan sebagainya, Majlis Peguam Syarie dan juga Majlis Peguam Malaysia dan begitu juga Majlis Fatwa dan sebagainya perlu didengar pendapat dan pandangan mereka. Kemudian, barulah kita rumus sebelum itu kita draf satu rang undang-undang yang lebih meyakinkan masyarakat dan rakyat khususnya bagi mereka yang berada di dalam Dewan yang mulia ini.

Kalau tidak bermakna seperti mana yang saya katakan tadi bahawa akta ini bertujuan untuk hendak memperbanyakkan pesalah-pesalah kes liwat dan juga pesalah-pesalah rogol melalui manipulasi terhadap DNA yang telah diambil. Sebab itu saya minta rakan-rakan daripada Barisan Nasional ingat bahawa jangan sampai kita membuat satu kesilapan untuk menerima secara membuta tuli dan membabi buta.

Tadi disebut kata pembangkang in buta tuli, tetapi saya takut Barisan Nasional pula membabi buta untuk menyokong akta ini tanpa melihat kepentingan anak cucu kita pada masa yang akan datang. Jangan kita fikir kita lulus akta ini kerana kita berkuasa kerana satu hari nanti, jika kita tidak berkuasa undang-undang inilah yang akan menzalimi

anak cucu kita. Mahukah nanti anak, cucu kita digelar, difitnah secara semberono dan akhirnya terbabit dengan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas melalui manipulasi DNA yang diambil daripada kelulusan akta yang tidak memberikan ruang kepada anak, cucu kita untuk mempertahankan dan membela diri dia. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

2.57 ptg.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Tidak payah sebut, apabila Tuan Yang di-Pertua buat macam ni sahaja, saya sudah tahu saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya hanya merealisasikan impian rakan-rakan itu. Bukan saya sendiri.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Orang sebut, saya sebutlah.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Tuan Yang di-Pertua, teknologi forensik ini adalah merupakan satu teknologi terbaru yang terbaru dan terkini dan ini yang membabitkan DNA bukanlah suatu yang asing di dunia pada hari ini. Kita tahu bahawa pencapaian baru dalam bidang ini akan dapat membantu bukan sahaja pasukan polis, dan pihak berwajib keselamatan awam untuk menyelesaikan dan untuk mengesan jenayah dan segala kes-kes tetapi juga berupaya untuk memberikan hasil penyelesaian yang berkesan. Melalui beberapa justifikasi iaitu:-

- (i) bagi maksud pengenalpastian manusia berhubung dengan penyiasatan forensik;
- (ii) penemuan atau pengenalpastian jasad manusia daripada bencana bagi maksud kemanusiaan;
- (iii) pengenalpastian orang yang masih hidup atau mati; dan
- (iv) mengenal pasti orang yang hilang dan yang paling penting sekali ialah untuk mengelakkan daripada berlakunya ketidakadilan kepada mereka yang dianiaya dan yang tidak bersalah.

Tuan Yang di-Pertua, perwujudan Bank Data Forensik DNA iaitu pangkalan data yang membolehkan pihak berkuasa menyimpan rekod profil DNA suspek adalah merupakan tumpuan utama untuk membantu meningkatkan *efficiency* dan kecekapan penyelesaian kes-kes jenayah terutama bagi kes-kes berulang.

Teknologi forensik ini terbukti keberkesanannya dalam menyelesaikan kes-kes jenayah di negara maju termasuklah daripada negara Singapura.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Duduk Yang Berhormat Shah Alam, saya tidak mahu beri laluan kepada sesiapa untuk mencelah-celah di celah-celah saya. Minta maaf duduk. *[Ketawa]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Hendak penjelasan. Hendak minta penjelasan.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Tuan Yang di-Pertua, bukanlah satu perkara mustahil untuk penubuhan pangkalan data DNA di negara kita ini kerana Malaysia mempunyai kepakaran dan kemudahan untuk menjayakannya. Mungkin nanti dalam masa yang akan datang, siapa tahu seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Batu Pahat Malaysia juga akan mampu untuk merekodkan identiti DNA setiap warga Malaysia dengan setiap kelahiran baru.

Kita tahu keunikan DNA ini, ia menjadi identiti biologi bagi setiap individu yang berbeza samalah halnya seperti cap jari manusia yang berbeza dan dalam sebarang proses

siyasatan jenayah khususnya yang membabitkan kes rogol dan pembunuhan. Bahan bukti utama yang akan dicari oleh pakar forensik pada hari ini adalah DNA. Malah bukan rahsia lagi, sebelum teknologi ini mendapat tempat dalam penyiasatan pihak polis, kadar sabitan pesalah dalam kes-kes bunuh, rogol dan sebagainya amatlah rendah.

■1500

Identiti pesalah amat sukar untuk kita kesan. Apatah lagi untuk kita kenal pasti dalam kes-kes sedemikian. Banyak sangat penjenayah yang telah dapat meloloskan diri mereka. Akan tetapi dengan pengesanan DNA yang telah pun berjaya mengubah segala-galanya, kadar jenayah dengan izin, *success rate* penyelesaian jenayah, cara forensik menggunakan DNA hampir-hampir mencecah kepada 99.9%.

Walaupun DNA yang diambil ini kita difahamkan boleh bertahan antara sepuluh sehingga empat belas tahun dan perlu dimusnahkan bagi mengelakkan daripada disalah guna, namun profil DNA dalam bentuk pangkalan data boleh bertahan selama-lamanya memandangkan ia direkodkan dalam bentuk nombor dan sudah tentulah padanannya mudah dibuat pada bila-bila masa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pengenalan cap jari boleh dihapuskan kesannya di tempat kejadian, tetapi bahan bukti menerusi DNA lebih kekal dan lebih lama bertahan. DNA yang ditinggalkan di tempat kejadian sukar dihapuskan kecuali jika terdedah kepada persekitaran yang ekstrem. Namun begitu, ada cara untuk menjejaknya. Akibat pengesanan melalui DNA, pihak berwajib di seluruh dunia telah pun berjaya menyelesaikan banyak kes. Apa pun yang dibincangkan oleh pembangkang sudah terserlah bahawa akibat daripada pengesanan melalui DNA, maka sebahagiannya telah berjaya menyelesaikan segala fail-fail siyasatan yang sudah pun berhabuk di atas rak-rak.

Rang Undang-undang DNA mempunyai makna yang amat tersendiri bagi negara kita, Tuan Yang di-Pertua. Ia sudah tentu bertujuan untuk meletakkan Malaysia pada tahap kecemerlangan baru dalam teknologi forensik terkini. Dengan terlaksananya rang undang-undang ini, kita akan berada di hadapan dalam kajian dan teknologi forensik yang amat berguna itu. Malah kita setara dengan banyak negara maju yang telah mengguna pakai kaedah ini sejak sekian lama. Pendekatan penyelesaian kes jenayah cara forensik dan menggunakan DNA ini bukan sekadar khayalan Hollywood sahaja.

Bagi peminat CSI, sama ada CSI New York ataupun CSI Miamikah, memanglah makmal forensik kelihatan penuh *glamour*, canggih dan menggunakan teknologi dengan *state of the art*. Akan tetapi realiti di luar sana tidaklah semudah dan seindah apa yang terpapar dalam siri televisyen yang popular itu. Lagipun makmal CSI hanya mampu untuk menyelesaikan satu ataupun dua kes bagi setiap episod. Dalam kehidupan nyata sehari-hari Tuan Yang di-Pertua, pihak polis dan pihak-pihak bertanggungjawab dalam kes jenayah dan *terrorism* harus berdepan dengan banyak kes jenayah. Jenayah pada hari ini semakin canggih. Penjenayah juga semakin terpelajar dan semakin berilmu.

Dalam dunia yang penuh ancaman dan *terrorism* semakin berleluasa, maka pihak polis dan pihak berwajib yang lain semestinya dilengkapi dengan peralatan dan kecanggihan teknologi. Saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Malaysia sudah bersiap sedia dengan kepakaran dan dengan kecanggihan teknologi sesuai dengan rang undang-undang yang akan dibentangkan ini. Memang tidak mudah untuk kita membuktikan bahawa orang yang tertuduh dari kes ringan hinggalah kepada kes yang berat, tetapi teknologi pengesanan DNA sudah mencapai tahap yang tinggi dan makmal forensik ini dilengkapi dengan peralatan canggih yang boleh membantu segala siyasatan.

Ada beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Lipis yang menyentuh perkara yang berkaitan dengan fasal 7, iaitu pelantikan Ketua Bank Data DNA, timbalan ketua dan pegawai-pegawai lain. Mengikut fasal 7 Rang Undang-undang DNA, Ketua Bank Data DNA adalah daripada seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Timbalan Pesuruhjaya Polis. Timbalannya pula adalah seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis dan seterusnya pegawai-pegawai lain yang dilantik adalah juga daripada anggota polis.

Walaupun ahli kimia atau pegawai lain bukan anggota polis boleh juga dilantik, tetapi mereka adalah tertakluk kepada kawalan arahan Ketua Bank Data DNA iaitu seorang pegawai polis. Persoalan yang timbul Tuan Yang di-Pertua ialah adakah yang berkaitan dengan kesesuaian anggota pegawai polis menjadi ketua, anggota pegawai polis menjadi timbalan ketua dan anggota pegawai polis menjadi pegawai-pegawai yang akan menguruskan Bank Data DNA ini. Saya tidak berniat sama sekali untuk mempertikaikan kewibawaan anggota polis kita dalam hal ini, tetapi saya bimbang akan timbul persepsi-persepsi dan tohmahan-tohmahan yang jelas ternyata seperti apa yang telah dibangkitkan oleh ahli-ahli pembangkang yang tidak ada fikir yang lain kecuali persepsi negatif semata.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *[Bangun]*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Kononnya polis akan menyalahgunakan data DNA yang akan dikendalikan sendiri oleh pihak polis.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Minta laluan.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Duduk, duduk. Tidak ada laluan. Saya tidak suka orang mencelah kepada saya. Sila duduk. *[Dewan riuh]*

Kita sedia maklum Tuan Yang di-Pertua, sesuatu penyiasatan kes jenayah dilakukan oleh pihak polis. Sudah tentulah dalam hal ini perlu kerjasama rapat pegawai penyiasat dengan pengurusan Bank Data DNA yang juga adalah merupakan pegawai-pegawai polis. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri seperti mana yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Lipis, untuk mengelakkan persepsi negatif penyalahgunaan data DNA, pengurusan kawalan dan pengawasan Bank Data DNA seharusnya diasingkan daripada kawalan pihak polis.

Mungkin ia boleh diuruskan oleh Jabatan Kimia ataupun pegawai-pegawai kerajaan yang lain yang mungkin ada dalam Kementerian Dalam Negeri. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Pengambilan sampel DNA terutamanya sampel intim.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya bukan mahu mencelah.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Tidak payah. Tidak pun tidak berminat dengan orang yang berdiri berdepan saya apatah lagi apabila minta kebenaran untuk mencelah. Saya jemput Yang Berhormat duduk.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya pun tidak teringin mahu mencelah. Saya mahu tanya soalan.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: *[Bangun]*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Tuan Yang di-Pertua... Sila duduk. Pengambilan sampel DNA terutamanya sampel intim adalah menceroboh hak peribadi seseorang individu.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya minta ini, mak bonda.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Yang Berhormat, cuba hormat sedikit dengan orang perempuan apabila berucap. Sila duduk.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yalah.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Kalau Yang Berhormat mahu mencelah, mencelah kepada orang lelaki yang lain. Kalau orang perempuan berucap, jangan mencelah.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya hormatlah saya minta. Fasal menghormati mak bonda saya. Sebab itu saya minta. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk, Yang Berhormat.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Sila duduk. Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, perlu ada satu *clause*...

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Tenggara, Yang Berhormat Kuantan bangun. Bagi peluang kepada wanita, Yang Berhormat.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Kalau yang berdiri daripada awal itu adalah wanita, saya benarkan. Akan tetapi apabila yang berdiri daripada awal itu lelaki kemudian diikuti wanita, dua-dua saya tidak benarkan.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Tidak ada kena-mengena, Yang Berhormat Tenggara. Tidak ada kena-mengena dengan yang lelaki.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Menyampuk]*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Sila duduk, sila duduk. Nanti Yang Berhormat boleh berucap sendiri. Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, perlu ada *clause*, *safeguard clause*, dengan izin supaya ia tidak akan disalahgunakan terutamanya sampel seseorang yang hanya disyaki melakukan kesalahan dan perlu dinyatakan kesalahan-kesalahan apa untuk sampel intim diambil daripada seseorang suspek.

Bagi perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua, fasal 18 iaitu penghapusan profil dan maklumat DNA daripada indeks orang yang disyaki. Ketua Bank Data DNA dikehendaki menghapuskan data DNA seseorang suspek yang tidak terlibat dalam kesalahan jenayah. Pada pandangan saya, jika itu dilakukan, ia seharusnya patut dimaklumkan kepada suspek tersebut bahawa tindakan penghapusan profil DNA akan dilakukan terhadap DNA suspek yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah merupakan akta ibu dan tugas kita pada hari ini Tuan Yang di-Pertua seperti mana juga yang telah saya lakukan dan rakan-rakan daripada Barisan Nasional telah pun lakukan sebelum ini seharusnya dipikul secara bersama. Tugas kita pada hari ini sama ada daripada parti Barisan Nasional ataupun daripada parti pembangkang, tugas kita ialah mencadangkan dan membahaskan supaya rang undang-undang induk ini, rang undang-undang ibu ini akan dapat dihalusi dan kemudian dicadangkan melalui cadangan-cadangan yang boleh dikemukakan supaya boleh dimasukkan melalui peraturan-peraturan yang akan diletakkan di bawah fasal 26.

Saya tidak nampak sebarang sebab mengapa ada bantahan terhadap rang undang-undang ini apabila kita diberikan kebebasan untuk mengutarakan pemikiran kita dan saya juga tidak nampak alasan mengapa ia harus ditentang.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Macam mana mahu nampak. Orang mahu jelaskan tidak bagi.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Kecualilah jikalau ada “tempua bersarang rendah”. Kecualilah jika ada “tempua bersarang rendah” dan kecualilah kalau “ada undang di sebalik batu” atau ada yang “melempar batu tetapi menyembunyikan tangan”. Saya hairan mengapa pihak-pihak yang mendesak kerajaan supaya telus dan terbuka.

■1510

Pihak-pihak yang asyik mendesak kerajaan supaya telus dan terbuka tiba-tiba menjadi amat takut untuk menyokong rancangan untuk menjadikan ketelusan dan keterbukaan sebagai asas yang penting. Takut, tiba-tiba takut dan merasa amat gentar.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, kami dimaklumkan tentang pembentangan rang undang-undang ini sama waktu dengan maklumat yang disampaikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kawasan pembangkang. Kalau Yang Berhormat rasa Yang Berhormat tidak bersedia, kami juga rasa kami tidak bersedia. Namun, kami bersedia untuk memberikan pandangan kami supaya pandangan-pandangan ini akan dapat diambil dan difikirkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam pada kita merangkakan rang undang-undang ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Hidup Yang Berhormat Tenggara!

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Tuan Yang di-Pertua, akta ini sama sekali tidak berniat untuk menganiaya sesiapa pun. Sesiapa pun! Sama ada yang telah berada di sini ataupun sama ada yang akan berada di sini pada esok hari. Tidak berniat untuk menganiaya sesiapa pun. Malah, sebenarnya ialah untuk melindungi mereka yang tidak bersalah dan sebaliknya menghukum mereka yang telah pun membuat jenayah.

Akta ini sebenarnya memberikan keadilan dan mengelakkan ketidakadilan. Saya...

Tuan Charles Santiago [Klang]: Hanya untuk Barisan Nasional.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: ...Benar-benar harap, janganlah kita menolaknya semata-mata kerana ada seorang atau berdua yang mahu kita mempertahankan ataupun yang cuba kita lindungi kesalahan tetapi akta ini bermaksud untuk rakyat kita di negara kita.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Niat jahat itu. Niat jahat.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Akta ini bermaksud untuk melindungi hak rakyat kita dan setiap rakyat Malaysia memberikan cap jari kepada Jabatan Pendaftaran Negara, membenarkan cap jari mereka digunakan untuk tujuan membuka akaun bank dan untuk dikenal pasti melalui sistem pengesanan Jabatan Imigresen apabila mereka hendak keluar negara.

Jadi, mengapa menjadi masalah untuk menyokong akta ini? Saya harap mudah-mudahan akta ini tidak akan dipolitikkan kerana kerajaan memang sudah ada rancangan daripada awal untuk membentangkan akta ini dan ada yang mempersoalkan *timing* akta ini tidak kena. Sebenarnya, rang undang-undang ini sudah lama patutnya dibentangkan dulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengajak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam apa juga tugas, pandangan parti yang diwakili oleh kita, kita perlu meletakkan kepentingan rakyat supaya rakyat akan terbela dengan pembentangan Rang Undang-undang DNA ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mohon menyokong.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Merdeka! [Ketawa]

Beberapa Ahli: [Bangun]

3.13 ptg.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Identifikasi DNA 2008 ini.

Saya ambil perhatian bahawa Yang Berhormat-Yang Berhormat dari sebelah sana amat kagum dengan perkataan DNA ini. Sedangkan DNA ini hanya adalah satu keterangan di antara yang lain yang boleh di bawa ke mahkamah terhadap seseorang yang dituduh.

Saya langsung tidak bersetuju dengan rang undang-undang ini, di mana beberapa fasal itu adalah tidak teratur. Yang paling teruk sekali adalah fasal 24, di mana iaitu maklumat dari data DNA ini adalah muktamad dalam apa-apa prosiding di dalam mahkamah tidak boleh dicabar.

Tuan Yang di-Pertua, ini bercanggah dengan beberapa kaedah undang-undang di negara kita yang kita amalkan.

Yang pertama sekali, ini bercanggah dengan prinsip *national justice*. Di mana seseorang yang dituduh di mahkamah harus diberi peluang untuk membela diri. Ini juga bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan di mana di perkara 8 dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya membaca;

“Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.”

Dengan izin;

“*All persons are equal before the law and entitled to equal protection of the law.*”

Ini adalah Perlembagaan Persekutuan (*Federal Constitution*) dan akta rang undang-undang ini bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan kita amali sekarang ini. Bahawa seseorang yang dituduh di mahkamah, tidak dapat membela diri. Tidak dapat mencabar profil ataupun data dari bank data DNA ini.

Jadi, apa yang berlaku jika seseorang dihadapkan ke mahkamah, adalah pada masa sekarang apabila pihak pendakwa membawa pertuduhan terhadap tertuduh, beliau akan mengemukakan saksi-saksi, pada biasanya pengadu akan dibawa. Selepas itu, IO akan dibawa. Iaitu pegawai penyiasatan dan lain-lain saksi seperti pegawai perakaman dan seterusnya. Namun, dengan rang undang-undang ini jikalau menjadi satu akta, mahkamah tidak perlu dengar keterangan saksi-saksi. Cuma pihak pendakwa hanya perlu membawa laporan dari ahli kimia untuk mengemukakan kepada mahkamah dan itu adalah muktamad dan tidak boleh dicabar di mana-mana mahkamah.

Ahli kimia yang menyediakan laporan ini adalah sama seperti ahli kimia yang dimaksudkan di Kanun Jenayah yang kita amalkan dalam prosedur atau amalan prosedur jenayah di mahkamah-mahkamah kita.

Mengikut Seksyen 399 Kanun Acara Jenayah, laporan seseorang ahli kimia boleh dicabar. Dia dikehendaki memberi satu laporan kepada pihak pembelaan 10 hari sebelum perbicaraan bermula. Ini bermakna, laporan ahli kimia boleh dicabar tetapi rang undang-undang di sini, klausa 24 di sini tidak mengizinkan atau memberi peluang kepada tertuduh untuk mencabar laporan dari bank data DNA ini. Ini akan menjejaskan hak-hak seseorang yang dituduh di mahkamah. Lebih baik kita tidak perlu ada satu prosedur atau amalan di mahkamah untuk membawa saksi-saksi ke mahkamah. Adalah inti pati ataupun dasar amalan undang-undang jenayah di negara kita bahawa pihak pendakwa raya sentiasa ada tanggungjawab untuk membuktikan kes-kes mereka dalam kes-kes jenayah. Kes-kes mereka mesti dibuktikan pada tahap *beyond reasonable doubt*, Tuan Yang di-Pertua dengan izin.

Jadi, dengan klausa 24 ini, mereka tidak perlu membuktikan apa-apa. Cuma membawa laporan dari ahli kimia, terus tertuduh akan dan boleh disabit dengan kesalahan dan dipenjarakan. Ada pendapat yang dikatakan oleh rakan-rakan Yang Berhormat di sini, bahawa kita cuba rang undang-undang ini dulu. Lepas itu kalau ada kelemahan baru kita buat pembetulan. Dalam masa kita membuat pembetulan atau pindaan, kita mungkin akan mensabit orang-orang yang tidak bersalah. Ini saya akan katakan seperti Yang Berhormat daripada Tenggara. “*Belum kena, belum tahu*”. Kalau dia kena baru dia tahu. [Ketawa]

Dia mengatakan kewibawaan tentang pihak polis. Mana polis, bukan kita hendak menyalahkan semua polis. Ada polis yang berkhidmat dengan cemerlang, dengan jujur tetapi apa yang berlaku di Johor, sendiri punya balai polis, dia masuk, dia curi barang *exhibit* untuk mahkamah. Yang itu berwibawa? Macam mana itu boleh diterangkan? Itu yang kita hendak mencelah tadi tetapi Yang Berhormat tidak memberi peluang. Jadi, bukan kah...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Yang Berhormat...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: ...Salahkan, *sit down*. [Ketawa] *Sit!*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Tak! Saya sahaja hendak berdiri tunjuk dengan Yang Berhormat.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *Sit down! Sit down! You got no respect for anybody.*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Jangan sentuh saya kalau tak betul fakta awak itu.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *You sit down! You tak hormat Yang Berhormat lain. Tidak payah bangun. You sit down! [Ketawa] Tick for tag.* Jika yang lain hendak celah, boleh. Yang Berhormat Pasir Salak boleh. *[Ketawa]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Don't play with tick. [Ketawa]*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Yang Berhormat Pasir Salak boleh. Dia nampak sedih sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payah, Yang Berhormat Telok Intan tidak payah. Tidak payah jemputlah.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Salak saya rasa prihatinlah. Dia sedih. Mungkin semalam di Permatang Pauh sudah kalah. *[Ketawa]* Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, laporan ataupun data mengenai DNA ini hanya adalah satu keterangan di antara yang lain.

■1520

Di mana-mana kes di mahkamah kita mesti membawa keterangan dan *best evident rule* itu penting. Kita tidak boleh mencabul ataupun rampas tanggungjawab hakim di mahkamah. Rang undang-undang ini merupakan seterus sama sekali merampas kuasa hakim di mahkamah untuk membuat keputusan setelah mendengar semua keterangan-keterangan saksi-saksi dari kedua-dua pihak. Laporan DNA ini cuma boleh merupakan satu keterangan-keterangan sahaja iaitu dengan izin, *corroborative evidence* adalah satu keterangan yang dapat sokong keterangan-keterangan lain yang lebih penting dalam sesuatu kes di United Kingdom pada tahun 1916...

Ia telah memberi definisi sebagai *independent evidence which implicate the accuse in material particulars*. Itu sahaja satu *implication* sahaja. Saya tidak faham dan tahu kenapa Yang Berhormat di sini terkagum sangat dengan perkataan DNA ini. *It's just another piece of evidence which should be subjected to all the evidence in court* dengan izin. Jadi saya tidak setuju dengan fasal 24 ini yang begitu serius telah merampas tanggungjawab hakim.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, ahli kimia. Ahli kimia ini mengikut seksyen 45 Akta Keterangan 1950 adalah satu keterangan yang diberi bagi pihak orang ketiga. Ahli kimia ini adalah seorang *expert*, pakar. Keterangan beliau harus diberi keprihatinan oleh hakim untuk mengenal pasti atau jika ingin menerima atau tidak keterangan ahli kimia ini di mahkamah. Ini boleh dicabar di semua kes-kes jenayah yang kita telah amalkan di negara kita ini dan juga di negara-negara Komanwel. Semua keterangan doktor, pakar perubatan, ahli kimia, forensik *evidence* semua boleh dicabar. Mengapa pula di dalam rang undang-undang ini kita tidak boleh cabar keterangan ahli kimia ini?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh memberi satu rang undang-undang ini yang merangkumi unsur-unsur kes-kes jenayah sama seperti dalam satu akta yang melibatkan isu-isu sivil misalnya di kanun tanah negara ada satu seksyen di seksyen 89 yang mengatakan sesiapa punya nama yang terdapat didaftar hak milik tanah itu adalah konklusif, muktamad. Tidak boleh dicabar langsung tetapi itu Kanun Tanah Negara tetapi di Kanun Tanah Negara pun ada satu seksyen 340 di mana ianya boleh dicabar jika terdapat isu-isu *fraud* atau konspirasi atau *forgery* boleh dicabar. Namun itu kes sivil. Lebih-lebih orang akan hilang adalah wang atau sebidang tanah. Di sini ini melibatkan satu pembebasan *liberty of life and name of a person* dengan izin.

Jadi ini adalah amat serius. Jadi kita mesti mengambil pandangan yang serius terhadap rang undang-undang ini. Kita bukan tidak setuju langsung dengan rang undang-

undang ini. Keperluan pemeriksaan DNA itu perlu dalam kes-kes yang tertentu tetapi kita tidak boleh memberi kuasa kepada pihak polis, kuasa kepada menteri untuk menjadi *prosecutor* dan juga *investigator* dan juga nampaknya jadi hakim di sini apabila kita tengok klausa 24 kita tidak perlu hakim membuat keputusan sebab tangan hakim terikat apabila rang undang-undang ini menjadi akta hakim tidak boleh memberi satu keputusan yang bertentangan dengan klausa 24 ini. Lebih-lebih lagi hakim-hakim di negara kita ini dia macam robot juga, dia tidak berani untuk membatasi undang-undang dan tengok kepada prinsip-prinsip *common law* atau prinsip *natural justice*. Jadi begitu serius klausa 24 ini. Saya mengharap...

Dato' Haji Lilah bin Yassin [Jempol]: Sangkaan jahat dengan hakim Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Saya tidak namakan sesiapa hakim. Pada keseluruhan saya kata. Tiada sangkaan jahat. Kalau hendak celah bangun. Siapa itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Telok Intan minta duduk sekejap. Duduk sekejap. Saya hendak memanjangkan apa Yang Berhormat Telok Intan sebutlah. Saya melihat dua-dua pihaklah, sebelah kiri kanan banyak mencelah dengan membawa *mic* ke hadapan dan mencelah dengan tidak berdiri. Saya ingat kerja macam ini tidak baiklah Yang Berhormat. Kita dalam Dewan Parlimen kita menunjukkan sikap yang lebih baiklah. Jadi silalah Yang Berhormat Telok Intan.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: [Bangun]

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Silakan.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Telok Intan dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun sedang melihat pada klausa 24 ini yang sebenarnya memberikan kedudukan yang muktamad dan tidak boleh dicabar oleh hakim dalam mahkamah dalam menentukan dan mengangap identifikasi DNA itu sebagai muktamad. Saya amat bimbang sekali dan sangat-sangat memahami kebimbangan Yang Berhormat Telok Intan kita tadi dalam isu ini.

Saya rasa tidak ada kerajaan yang bertanggungjawab, tidak ada menteri yang bertanggungjawab dan tidak sistem demokrasi yang bertanggungjawab Yang Berhormat yang boleh menerima hal ini yang dengan satu ayat ini sahaja telah menjadikan peranan mahkamah, peranan hakim, peranan sistem kehakiman perundangan kita dan tidak bermakna langsung lagi. itu fasal 24 Yang Berhormat Telok Intan.

Kalau digabungkan, dibaca pula fasal 25 yang mempertahankan pula tidak ada undang-undang tindakan guaman pendakwaan prosiding pada menteri, ketua bank DNA, timbalan ketua banklah, pegawai banklah, pegawai perubatan kimia. Tidak boleh pula dipersoalkan, didakwa, diambil apa-apa tindakan. Jadi ini bermakna segala peluang, lubang kemungkinan untuk penipuan, untuk *forgery*, untuk *fraud*, untuk menganiayai sesiapa pun terbuka dan bebas dan tanpa apa-apa pertahanan terhadap orang yang kena zalimi itu ada terkandung dalam dua *clause* dalam rang undang-undang ini sahaja. Jadi saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat kita daripada Telok Intan, terima kasih.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat setuju oleh kerana *I can't agree more* dengan Yang Berhormat. Ini klausa 25 lagi teruk dia punya *effect* kepada rang undang-undang ini. Saya tidak tahulah bagaimana rang undang-undang telah boleh melepaskan pandangan atau penelitian Yang Berhormat menteri dan juga Jabatan Peguam Negara sebab tidak di mana-mana negara di United Kingdom kita dapat tidak ada satu klausa yang memberi satu yang boleh dikatakan muktamad ataupun memberi sau perlindungan kepada menteri dan lain-lain orang yang disebut di dalam fasal 25 ini. Macam mana kita tiru dari bidang kuasa lain kita pun kena tirulah dengan cekap janganlah hendak tiru dengan terburu-buru sahaja sebab ini tidak masuk akal.

Bagaimana sesuatu rang undang-undang ini digubal tanpa mengambil kira hak asasi seseorang yang akan menjadi suspek ataupun tertuduh di mahkamah walaupun saya setuju ada Yang Berhormat mengatakan ini juga merangkumi dalam keadaan bencana

alam dan sebagainya. Namun kita boleh melepaskan seseorang yang bersalah di sisi undang-undang tetapi kita tidak boleh mensabitkan seseorang yang tidak bersalah. Itu adalah asas amalan undang-undang jenayah kita dari dahulu. 50 tahun ini *free guilty man but not one innocent person be convicted*, dengan izin. Jadi saya khawatir semalam Yang Berhormat Menteri telah mengatakan walau apa jua pun rang undang-undang ini mesti di luluskan sebagai akta. Saya amat kecewa sebab kita berdiri di sini berbahas tentang rang undang-undang ini memohon dan berharap semua jika perlu pindaan yang wajar boleh dilakukan.

■1530

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Teluk Intan. Terima kasih, Tuan Yang dipertua.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya sekali lagi amat bersetuju dan amat memohon penjelasan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Teluk Intan tadi bahawa lebih baik jika sistem perundangan atau mahkamah kita atas sebab-sebab dan ciri-ciri yang tidak mencukupi melepaskan orang yang kononnya bersalah daripada sistem mahkamah ini diasaskan kepada suatu sistem yang boleh secara sewenang-wenang menghukum orang yang tidak bersalah. Itu prinsip perundangan yang saya fikir amat penting dan mustahak.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Teluk Intan. Saya ada bersama saya di sini satu laporan di Australia, di suatu wilayah (*province*) negeri di Australia yang bernama Victoria, telah ditemui dalam Berita pada 7 Ogos ini, hanya 20 hari yang lalu sahaja. Didapati bahawa dalam bahasa Inggeris, dengan izin, "*Australian police are reviewing 7,000 cases solves through the used of DNA evidence after a mistake was discovered in one murder case a senior officer*". Ini satu wilayah, satu negeri di Australia sahaja. Penduduk Australia bukannya beratus-ratus juta. Yang Berhormat Pokok Sena tadi merujuk kepada kes di Britain iaitu 5,000. Ini hanya satu negeri yang kecil di dalam suatu negara di mana penduduknya tidak ramai di Australia dalam wilayah Victoria ini pun ada 7,000 *cases which was supposed to have been solved through the use of DNA evidence* tetapi didapati ada kesilapan. Orang-orang yang terlibat pun mungkin sudah dihukum gantung dan sebagainya.

Jadi, Yang Berhormat Teluk Intan, takkanlah Parlimen kita hendak dicemarkan dengan membincang dan mendengar hujah-hujah daripada menteri dan penyokong-penyokongnya atas perkara yang sudah tentu akan menzalimi mengikut kes-kes. Ini bukan di Zimbabwe, Yang di-Pertua. Ini di Australia yang mengamalkan sistem undang-undang yang boleh kita hormati, ada kes-kes seperti ini. Saya amat bimbang, takut dan saya perlu penjelasan daripada Yang Berhormat Teluk Intan sama ada kita hendak melalui proses menghina diri kita sebagai Parlimen. Sudahlah pemimpin-pemimpin masjid menghina diri mereka, tetapi mujurlah bertaubat di Permatang Pauh dua tiga hari yang lalu; pemimpin-pemimpin institusi lain terpaksa bertaubat dan kerajaan terpaksa memberi ganjaran kepada bekas Ketua Hakim Negara kerana mahkamah telah dilibatkan. *Now*, hari ini, sekarang ini Parlimen pula hendak dilibatkan dengan perbuatan seperti ini. Apa pandangan daripada Yang Berhormat Teluk Intan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya bersetuju sebab ada juga kes yang terdapat di *Province Ottawa, Canada*, di mana mahkamah telah tidak membenarkan keterangan DNA digunakan untuk membuktikan kesalahan tertuduh. Terdapat juga di negara Australia dan United Kingdom di mana banyak pembetulan telah dibuat kepada profil atau data di Data Bank DNA. Ini menunjukkan bahawa keterangan ataupun profil-profil dari Bank DNA itu tidak semestinya *fully proved*. Apalagi kita ...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih, Tuan Yang dipertua dan Yang Berhormat Teluk Intan. Saya ingin meminta penjelasan sedikit. Pertama sekali, Yang Berhormat Teluk Intan ada mengatakan awal-awal tadi dalam ucapan bahawa DNA ini bukanlah segala-galanya. Namun saya melihat ucapan Yang Berhormat Teluk Intan

seolah-olah takut sangat dengan satu seksyen pendakwaan ini, satu sistem memberi bukti kepada pendakwaan iaitu DNA ini dan seolah-olah kes pendakwaan bergantung pada kes ini. Jadi ini bercanggah dengan apa yang diperkatakan pada awal tadi.

Kedua, saya ingin juga maklumat tentang apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Tumpat tadi, iaitu di perenggan 25: "*Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding ...*" yang diambil terhadap Menteri, Ketua Bank Data DNA dan sebagainya. Ini adalah biasa kerana kalau mereka takut didakwa di dalam menjalankan tugas akhirnya nanti mereka tidak dapat memberi kualiti kerja pendakwaan yang tertentu dan akhirnya mesti diingat bahawa yang akan memberi keputusan adalah hakim. Walaupun bukti DNA diberikan tetapi hakim yang bertanggungjawab untuk menentukan sama ada itu diterima ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu faham tentang ucapan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Tumpat, Pokok Sena dan Yang Berhormat Telok Intan sekarang ini. Saya percaya mereka ini bersetuju dengan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Polis (IPCMC). Cadangan yang diberi oleh IPCMC ini adalah sama seperti ini. Jika ada sesuatu yang telah diputuskan oleh suruhanjaya ini juga tidak boleh dicabar (*challenge*) di mana-mana mahkamah, yang itu mereka setuju tetapi yang ini pula mereka tidak setuju. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Telok Intan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih, Yang Berhormat. Masalahnya di sini adalah, saya percaya Yang Berhormat memandang rang undang-undang ini dalam kotak Barisan Nasional. Sila keluar daripada kotak tersebut. Sila fikir sebagai seorang individu yang prihatin terhadap hak-hak asasi manusia. Apa kata seseorang itu dituduh di mahkamah, tiba-tiba profil ataupun data dari Bank DNA dibawa ke mahkamah dan itu adalah muktamad. Perkataan yang kita tidak setuju adalah perkataan 'muktamad'. Ia tidak boleh dicabar di mahkamah. Tertuduh harus diberi peluang untuk membawa pakar DNA ke mahkamah. Jadi, cabarlah kedua-dua pakar, ahli kimia dengan pakar tertuduh. Itu yang adil sekali dan biar hakim buat keputusan. Di sini hakim tidak boleh buat keputusan. Di sini pihak tertuduh tidak boleh bawa pakar ke mahkamah. Itu *my problem*. *We cannot reconcile*, dengan izin.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat merasakan bahawa seorang hakim walaupun secara peribadi boleh mengatakan tidak bersetuju dengan sesuatu undang-undang yang ada di dalam negara kita tetapi kalau undang-undang mengatakan sebarang kejadian adalah muktamad seperti undang-undang, seorang hakim tidak boleh membuat keputusan mengikut fikiran peribadinya. Dia kena membuat keputusan mengikut undang-undang negara yang kita sedang bahaskan ini. Oleh sebab itu kita tidak boleh kata selepas undang-undang diluluskan, hakim masih boleh buat keputusan secara dia suka. Dia kata, "*Undang-undang ini tidak betul oleh itu saya tidak boleh ikut*." Tidak bolehlah begitu, betul atau tidak?

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat PJ Utara. Apabila seseorang hakim ini berhadapan dengan undang-undang yang seperti ini di mana ia adalah muktamad, hakim tidak ada pilihan lain, tangan hakim terikat. Yang Arif Hakim tidak ada pilihan lain selain daripada mengikut undang-undang yang digubal di Parlimen. Ahli-ahli Yang Berhormat di sinilah bertanggungjawab untuk menggubal undang-undang yang boleh masuk akal. Jika kita ada sebuah mahkamah dan seorang hakimnya duduk di mahkamah itu kita kenalah beri peluang kepada hakim tersebut untuk mendengar semua keterangan saksi-saksi.

Mengenai dengan soalan Yang Berhormat Kota Belud tadi, Yang Berhormat bertanyakan mengenai keterangan sokongan. Pendirian saya adalah sama, tidak ada perubahan iaitu DNA itu adalah salah satu keterangan sokongan sahaja. *It is not the end of everything*. Namun kita tidak takut kepada DNA. Maksud kita adalah kita tidak boleh menggunakan perkataan 'muktamad' ini. Kita menggunakan perkataan 'muktamad' di sini, jadi hakim pun tidak gunalah, tidak berperanan di mahkamah lagi. Pendakwa raya akan terus membawa tertuduh ke mahkamah, keluarkan laporan daripada ahli kimia ini dan terus boleh buat sabitan, tidak perlu bicara lagi.

Tuan Lim Lip Eng [Dato' Dr. Tan Kee Kwong]: Terima kasih, Yang Berhormat Teluk Intan. Menurut *clause 35 of the bill* – fasal 25, *basically* mengatakan bahawa semua *judicial review appeal* akan diketepikan dan apa *decision* menurut bukti di dalam DNA itu adalah muktamad. Jadi, saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Teluk Intan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Klausu 25 ini memberi perlindungan daripada tindakan guaman pendakwaan ataupun prosiding lain diambil ataupun dibawa terhadap menteri atau terhadap Ketua Bank Data DNA, timbalan ketua, pegawai bank, pegawai perubatan kerajaan dan ahli kimia. Macam contoh semalam, saya telah bertanya Yang Berhormat Pasir Mas, Tuan Yang di-Pertua. Jika saya tidak suka dengan Yang Berhormat Pasir Mas, saya boleh dapat rambut dia ataupun lain-lain sampel dan letakkan sampel itu di tempat kejadian jenayah yang lain. Saya boleh *frame-up* dia. Ini yang kita takut.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Berhubung dengan klausu 25, dia punya ayat, dia kata, “Yang dilakukan olehnya dengan suci hati dalam menjalankan kuasa, fungsi dan tanggungjawabnya di bawah akta ini”. Maka takrif ‘suci hati’ ini pun, satu takrif yang terlalu subjektiflah. Kalau dia buat, bukan untuk keuntungan peribadi dia.

Akan tetapi, dia rasa dia buat dengan sengaja, cuai dan sebagainya. Ingkar, peninggalan dan sebagainya demi negara, pasal dia lihat orang ini bagi pandangannya orang ini jahat. Semacam Datuk Seri Anwar Ibrahim ini jahat. Lalu dia lakukan ini bukan kerana dia hendakkan duit, dia buat dengan suci hati, demi negara, demi kepentingan orang Melayu, demi ini, demi itu.

Maka ini akan bererti bahawa dia dapat lepas. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Telok Intan, bolehkah kita terima? Bahawa sekiranya tidak ada akauntabiliti, maka menteri, dia tidak perlu bertanggungjawab atas keputusannya, dia tidak perlu bertanggungjawab, maka barulah dia berani buat kerja. Hujah apa ini? Sepatutnya oleh sebab ada akauntabiliti, maka barulah dia buat kerja dia dengan betul. Apa pandangan Yang Berhormat Telok Intan?

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [Bangun]

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Sekejap. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bagilah peluang di sini pula Yang Berhormat Telok Intan.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Kes misalnya antara yang tidak boleh didakwa ini, kalau dia suci hati. Tengok kes pegawai perubatan kerajaan. Kalau dia mengikut kehendak kerajaan, okeylah. Katakanlah pegawai perubatan kerajaan kata, kaji, kaji, kaji, tidak ada sodomi. Terpaksa lari pula dari negara kita Tuan Yang di-Pertua kerana dicari oleh polis, dicari oleh pemerintah.

Ini oleh sebab dia dengan suci hati, benar-benar suci hati, mengatakan sebagai seorang profesional doktor, dia kaji orang yang buat laporan kononnya sodomi tetapi tidak ada sodomi, dia dibuat sebegitu rupa. Jadi sistem ini kelam kabutlah Yang Berhormat Telok Intan. Jadi, saya pohon penjelasan seterusnya.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Tumpat. Saya bersetujulah, perkataan ‘suci hati’ ini tidak pernah saya tengok di mana undang-undang di Malaysia ataupun di Komanwel, tidak pernah. ‘Suci hati’ ini adalah satu perasaan manusia seperti ikhlas, subjektif. Tidak boleh kita gunakan perkataan suci hati...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Di dalam *English, in good faith* Yang Berhormat..

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Di dalam bahasa Inggerisnya *in good faith*.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *In good faith*. Akan tetapi untuk spesifik dan kes semacam ini, apa ini *good faith*? Kita tidak tahu. Macam mana kita hendak tahu seseorang itu telah berlaku dengan 'suci hati', *good faith* atau *mala fide*? Mengapa menggubal rang undang-undang seperti ini yang boleh dicabar?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [Bangun]

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Saya...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat Telok Intan dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya baca klausa 24 ini, Tuan Yang di-Pertua. Interpretasi saya lain dengan pihak di sebelah sana. Mungkin *the wording*, cara menulis ayat ini memberi ruang kepada interpretasi yang berlainan. Itu saya tidak boleh salahkan jugalah pihak di sebelah sana. Mungkin terpaksa diubah atau bagaimana.

Akan tetapi kalau saya baca klausa ini Tuan Yang di-Pertua, iaitu "Bank Data DNA hendaklah diterima sebagai suatu bukti muktamad bagi identifikasi DNA dalam apa-apa prosiding dan dalam mana-mana mahkamah". Interpretasi saya Tuan Yang di-Pertua ialah *evidence*. Dia bukannya proses itu. Maknanya kalau darah itu ada ataupun air *semen* itu ada di atas tilam *and matching with the DNA, is conclusive proof*, dengan izin. Bukan bermakna sabit kesalahan.

Jadi ini, tidak semestinya sabit kesalahan. Klausa ini mengatakan bahawa jika analisa DNA itu *matching* dengan Bank Data DNA, maka itu *conclusive*. Jangan dipertikaikan DNA. Sama ada sabit atau tidak Tuan Yang di-Pertua, itu yang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sudah semacam mahkamah sudah ini. *Lawyer* pun buat begini Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Telok Intan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Yang Berhormat Kota Belud, terima kasih. Kalau sudah *conclusive* itu bukti, tunggu apa lagi? Sabitlah... [Ketawa] Didapati salah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *No, no, no. You can argue. You can argue all the cases you want*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *You* boleh kata ini bermacam-macamlah. Tohmahan biasalah kita dengar. Akan tetapi, analisa itu *matching* dengan Bank Data DNA ini. Itu jangan dipertikaikan. Kalau *chemical analysis* itu sama...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya bukan bercakap dengan Yang Berhormat Shah Alam ya. Saya bercakap dengan Yang Berhormat Telok Intan. Jadi ini mungkin ada sedikit kekeliruan Tuan Yang di-Pertua. Sabit kesalahan dengan *matching of the DNA are two separate issues*. Thank you, terima kasih.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh sambung sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Telok Intan. Inilah yang masalahnya, tidak faham-faham. [Ketawa] Inilah isu yang kita sebut iaitu kalau sudah jumpa DNA, selepas itu dia kata *matching* dengan DNA yang ada di dalam bank. Kita kata, tidak semestinya. Biarlah kita *check* dengan DNA dia. Betul ke tidak betul, biarlah *matching* sendiri.

Pasal DNA yang ada di dalam bank itu mungkin tidak betul, mungkin ada silap. Bukankah seperti mana yang sudah disebut sudah banyak kali itu? Maknanya, *it cannot be accepted* dengan izin, *as conclusive* muktamad tidak boleh *dichallenge*. Berilah peluang

kepada orang yang tertuduh buat *check*. Tengok betulkah DNA dia, sama dengan yang itu ataupun tidak? *You cannot make it as conclusive*.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bagi darah, bagi darah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak apalah, dia darah atau apa, biar dia ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, minta penjelasan Yang Berhormat Telok Intan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, ya, ya. Tidak mengapa, saya memberikan penjelasan kepada Yang Berhormat Kota Belud melalui Yang Berhormat Telok Intan. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Pasal benda ini dia tidak faham-faham. Kita jelaskan sudah banyak kali. Maknanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Telok Intan boleh cakap yang itulah Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak mengapa, Yang Berhormat Telok Intan minta saya cakapkan tadi. *[Ketawa]* Betul tak? Dia beri saya cakap tadi. Pasal tadi Yang Berhormat Telok Intan sudah cakap, dia tidak faham. Lalu biar saya cakap dengan cara saya, biar dia faham. Supaya tidak timbul lagi perkara ini. Apa yang kita hendak kata ialah apa yang terkandung di dalam bank itu, tidak semestinya *conclusive*. Biar orang yang tertuduh buat *second opinion, compare*. Dapat sampel dia, bukan polis ambil dengan cara paksa ataupun sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Independence*. Tidak bolehlah kata muktamad. Faham tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ha, insya-Allah faham, faham. Terima kasih.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Shah Alam tidak faham soalan saya itu. Terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat Telok Intan?

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertariklah tadi Yang Berhormat Kota Belud katakan ini bukti muktamad bukan hanya satu sahaja. *Maybe* yang lain-lain *evidence* boleh bantu.

Akan tetapi amat jelaslah, kalau bukti Data Bank DNA dikatakan muktamad, apakah lain-lain daripadanya boleh bantu di dalam kes ini? Saya hendak tanya Yang Berhormat tentang pengalaman Yang Berhormat di dalam mahkamah ini. Adakah lain-lain bukti atau data ini yang tidak boleh dicabar selain daripada data DNA ini? Pengalamannya di mahkamah. Adakah lain-lain bukti atau data yang dikemukakan di mahkamah tidak boleh dicabar, dan di kira muktamad?

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Kota Melaka. Dalam amalan mahkamah pada masa sekarang, kita tidak ada satu akta yang boleh mengawal DNA. Akan tetapi keterangan DNA ada dikemukakan di mahkamah negara kita ini dan ada dalam kes-kes,

mahkamah terima keterangan DNA. Namun, keterangan DNA diterima oleh hakim sebagai salah satu keterangan di antara yang lain, tidak boleh jadi muktamad.

■1550

Jadi akta ini, keterangan DNA itu muktamad tidak boleh dicabar *it's conclusive*. Jadi apabila kita ada satu bukti yang *conclusive*, muktamad tidak perlulah hakim memandang kepada keterangan-keterangan lain. Sama seperti apa yang saya telah katakan dengan Kanun Tanah Negara, di mana mengikut Sistem *Torrens*, kawalan tanah kita, hartanah kita. Apabila terdapat satu *register* tanah yang menunjukkan nama seseorang di *register* itu, itu muktamad, *conclusive*, seksyen 89 tidak perlu tengok hal-hal lain. Kecuali mengikut seksyen 340 terhadap *forgery* atau *fraud* baru seksyen 89 itu boleh diketepikan. Di sini menjawab soalan Yang Berhormat Kota Belud saya ingin memberi penjelasan yang terperinci. Sekarang kita *study* klausa 24 dengan izin Tuan Yang di-Pertua walaupun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan.

Ini dengan khususnya mengecualikan Kanun Acara Jenayah, seksyen 399 di mana satu laporan oleh ahli kimia boleh dicabar. Jadi kita di sini boleh tengok bagaimana rang undang-undang ini mengecualikan, mengetepikan Kanun Acara Jenayah. Di mana satu laporan oleh ahli kimia boleh dicabar oleh pihak pembelaan, cuma ahli kimia atau pendakwa diwajibkan memberi surat laporan kimia itu kepada pihak pembelaan 10 hari sebelum tarikh bicara. Jadi ini akan memberi peluang kepada pembelaan untuk memberi laporan itu kepada pakar mereka dan bawa pakar mereka kepada mahkamah dan cabar, itulah keadilan.

Tetapi di sini itu dikecualikan *very cleverly done, not very clever* *very silly but thinking they are very clever*, dengan izin polis yang berlawanan, bertentangan. Apa-apa maklumat dari Bank Data DNA hendaklah diterima sebagai satu bukti muktamad jadi kita tidak boleh bergantung kepada CPC atau Kanun Acara Jenayah dan terima sebagai muktamad maklumat daripada Bank Data DNA. Dan ini akan memberi satu situasi, di mana pihak pembelaan tertuduh tidak dapat cabar data daripada Bank DNA ini. Inilah masalah kita hari ini. Jadi macam mana saya hendak gunakan CPC dalam kes mahkamah untuk membela seorang tertuduh.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Bangun]

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Saya tunggu-tunggu ini. Ini Pasir Salak selalu kurang jelas tetapi hari ini lambat pula. Silakan Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Telok Intan jiran saya. Telok Intan dan Pasir Salak sebelah menyebelah sahaja. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Telok Intan iaitu apabila dikatakan bahawa *evidence* DNA ini tidak boleh *conclusive*. Jadi bagaimana penyiasatan hendak berakhir kalau tidak ada sesuatu perkara yang boleh *conclusive*. Apa juga penyiasatan mesti sampai kepada satu tahap *is must be conclusive*, dengan izin *at the end there is no ended*. Macam mana pihak penghakiman hendak buat penghakiman, yalah kalau tidak ada *conclusive*.

Jadi inilah jangan kita berbicara dalam hal ini mengikut kepentingan kita sendiri. Saya tahu pihak sebelah sana bermati-matian dalam hal ini menolak ini sebab ada perkaranya yang kita tahu. Saya tidak mahu sebutlah, tidak payah sebut. Ini betul tidak boleh orang kata sudah menjadi percakapan buah mulut orang ramai *talk over town*, dengan izin orang kampung boleh bercakap sekarang ini. Akan tetapi saya hendak bagi tahu, saya tidak tahu orang lain tetapi saya percaya tidak ada niat untuk menganiaya sesiapa dalam perkara ini, tidak ada niat. Yang bersalah tetap bersalah, yang tidak bersalah tidak akan bersalah. Saya juga tidak menyokong penganiayaan, saya tidak menyokong.

Walaupun ke atas pihak musuh saya tidak menyokong tetapi kita mesti ada satu kaedah untuk menyiasat, memberikan keterangan, memberikan bukti dan membawa kepada satu tahap penyiasatan itu muktamad dengan *evidence* yang muktamad. Jadi saya mintalah Yang Berhormat Telok Intan seorang, disebut tadi bekas majistretkah? Berdasarkan pengalaman dalam mahkamah gunakanlah pengalaman itu dengan cara yang

baik. Jangan jadi setengah-setengah hakim walaupun dia hakim tetapi dia jadi orang yang tidak baik, jadi tidak baik. Banyak hakim yang juga *corrupt* banyak ada, tetapi tidak semua. Jadi Yang Berhormat kalau pernah jadi hakim jangan buat begitu.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kota Belud duduk Kota Belud.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Begitu juga dalam hal ini kita hendak carikan kebaikan. Yang Berhormat Shah Alam tadi *condemned* habis-habisan. Dia sahaja yang pandai dalam Dewan Rakyat orang lain semua bodoh belaka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, panjang sudah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia kata kita tidak fahamlah, tidak fahamlah dia sahaja sorang yang faham.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kota Belud kata dia tidak faham tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Shah Alam tidak boleh bangun macam ini Shah Alam.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi kita ini *being ridicule* dengan izin, *ridicule all the time*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah panjanglah Yang Berhormat, panjanglah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Panjang sedikit tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mencelah ini, mencelah tidak boleh panjang Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bukan Pasir Salak yang kata saya tanya soalan bodoh hari itu yang kata bodoh itu bukan diakah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Shah Alam, duduklah Shah Alam tidak boleh beginilah. *Within trial* tidak boleh Yang Berhormat. Seorang seorang bercakap ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi dengan sebab itu niat baik ini jangan disalah anggap oleh pihak sebelah sana. Kalau sebelah sana berikan, pihak pembangkang berikan pandangan-pandangan yang baik kita terimalah. Saya pun sokong terima apa salah kita hendak cari *constructive ideas*. Kita hendak membina tidak ada jadi hal. Saya sudah letihlah dalam Dewan ini hendak dengar. Dengar boleh, dengar hal bangkang, bangkang, bangkang, bangkang, tidak habis bangkang *all the times*.

Beberapa Ahli: [*Melambai-lambaikan tangan*]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya, Yang Berhormat mana ini lambai-lambai ini.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sudah letih sokong, sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan Telok Intan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Lambai-lambai ini pasal apa hendak apa ini? Yang Berhormat apa?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Pasal kesian letih, letih menyokong. Ha cukuplah itu duduklah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Hendak letih dengan sikap yang macam ini. Kita dahulu ajak baik jangan bergaduh, jangan berkelahi lepas itu buat lagi macam mana ini. *That is not ended*.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Pasir Salak. Pasir Salak adalah jiran saya di Telok Intan. Kota Belud, Tenggara dan Lipis harus belajar dari Pasir Salak cara mencelah dan tanya. Akan tetapi saya ingin jawab pada Pasir Salak. Pasir Salak mungkin salah anggap ya, muktamad itu sesuatu siasatan jenayah oleh pihak polis dan pendakwa raya yang bawa kes ke mahkamah. Mereka akan bawa ke mahkamah apabila mereka yakin dan mereka dapat tahu ataupun mengambil kira semua aspek satu-satu kes itu termasuk ambil kenyataan dari saksi dan juga suspek atau tertuduh. Akan tetapi ini tidak boleh *that is danger*, dengan izin, fasal 24 ini perkataan "muktamad" ini tidak boleh digunakan untuk menghabiskan satu kes di mahkamah, tidak boleh. *That's what you are trying to get at, I understand*, dengan izin *that's very dangerous* tidak boleh Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [Bangun]

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Silakan Kota Belud

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Telok Intan. Tadi dia minta saya keluar daripada kotak Barisan Nasional saya pula minta dia keluar daripada pemikiran bahawa DNA ini dibawa ke Parlimen ini untuk menganiaya seseorang. Sebab kalau masih lagi berfikir sebegitu akhirnya interpretasi dan juga perbahasan ini tidak akan pergi ke mana. Telok Intan saya cuma minta sekali lagi saya mengatakan, bahawa interpretasi saya dengan interpretasi Telok Intan berbeza.

Bukti muktamad ini adalah maknanya DNA itu *matching*. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua *you can still argue in court whether to accept this truth or not*. Tetapi *matching* itu, *matching* itu *conclusive*, maknanya Bank Data DNA ini perlu. Kalau tidak boleh diterima tidak ada satu *conclusive evidence*. Macam kata Pasir Salaklah *you don't accept anything that the government says. Any agencies*. Kalau kita hendak menjalankan kerajaan *there, has to be some certain amount of trust*.

■1600

Kalau tidak, kerajaan akan *collapse* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, bukti muktamad bagi identifikasi DNA dalam apa-apa prosiding, *I believe*, saya percaya dengan izin, *I believe, refer* kepada *matching* tadi. Bukannya sama ada bukti itu boleh diterima atau tidak. Muktamad mesti diterima atau tidak. *You can still argue the case* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Ahli Yang Berhormat, tak payahlah kita buat keputusan terhadap perbahasan. Yang Berhormat boleh kemukakan hujah Yang Berhormat, pihak sini boleh kemukakan hujah. Itulah peranan kita di Parlimen ini. Tidak perlu kita buat satu keputusan muktamad dalam perbahasan di sini Yang Berhormat. Kita hormat perbahasan, idea, pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat masing-masinglah Yang Berhormat ya. Ya, Yang Berhormat Telok Intan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Saya bagi peluang pada Batu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Menyampuk] Janganlah balik cepat sangat [Merujuk kepada Yang Berhormat Shah Alam].

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya dari Telok Intan. Saya agak bila kita hujah tentang DNA ini baik pun daripada Yang Berhormat Tenggara tadi dan Yang Berhormat Kota Belud tadi, kita mempunyai satu mitos bahawa *matching* ini boleh dilakukan secara objektif. Memang benar DNA ini adalah satu identiti setiap orang. Setiap individu itu unik tetapi isunya adalah dalam isu *testing*.

Dalam undang-undang ini, kita seolah-olah tidak faham atau tidak meneliti. *Testing DNA* ini caranya ada banyak. Sekarang ini di United Kingdom atau negara-negara Barat yang sudah lama menggunakan *DNA forensic test* ini telah dapati banyak masalah dan kalau kita ingin gubalkan satu undang-undang yang baru, kita harus fikir daripada masalah yang ada di negara-negara lain supaya kita tidak ulang masalah yang ada. Saya ingin hanya sentuh isu *testing* ini sebab *testing* sekarang sebagai *general*. Ada dua cara iaitu satu RFLP iaitu *restricted fragment length polymorphism*. Itu menggunakan satu *testing*

yang agak komprehensif dan kita boleh gunakan sebagai *testing* yang konklusif kerana dia menggunakan banyak sampel. Yang biasa dalam *crime scene* termasuk kita lihat dalam CSI dan ini cerita populis ini, menggunakan cara yang lebih mudah iaitu PCR yang kerana ini dalam *crime scene*, kita hanya boleh dapat *degraded DNA sample*. Kita tak akan dapat sampel yang *complete*. Oleh itu, kita tak boleh gunakan satu sampel yang cukup untuk mengenal pasti sama ada DNA ini akan *match* seseorang itu. Oleh itu setiap *expert* ini hanya boleh buat satu *guessing* yang paling optimum.

Dalam undang-undang kita hari ini, kita tidak ada *safe guard* untuk menentukan sama ada *testing* ini boleh jadi konklusif atau tidak tapi hari ini kita akan meluluskan satu undang-undang yang membenarkan dan *DNA testing* ini yang tanpa *specified technique* yang digunakan dan sampel yang didapatkan sebagai *evidence* yang konklusif. Ini adalah undang-undang yang akan membuka ruang untuk *abuse* dalam masa yang akan datang. Sekarang kita bukan nak *debate* tentang penganiayaan seorang individu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, jangan panjang sangat Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: ...Akan tetapi kita harus fikir tentang jangka panjang bagaimana implikasinya terhadap hak asasi manusia dalam isu ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Klang, duduk Yang Berhormat Klang. Ya, Yang Berhormat Telok Intan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Batu. Dalam kes Datuk Seri Anwar Ibrahim pada tahun 1998 ini, sistem pengambilan sampel digunakan adalah RFLP di mana sampel diperlukan banyak tetapi pada masa itu mereka tidak mengambil sampel dengan secukupnya. Itulah masalahnya dia nak ambil sekarang. Jadi, *that system is flawed*. Kita kena mengambil sampel yang banyak, menjawab Yang Berhormat Batu. Jadi untuk jangka masa panjang, ini kita...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Minta laluan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: ...Ini kita kena pandang jangka masa jauh Tuan Yang di-Pertua. Kesan rang undang-undang ini jika diluluskan. Kita tidak ada sebarang kajian dibuat dengan terperinci apakah kesan sesuatu rang undang-undang seperti ini menggunakan DNA profil. Kita tidak ada satu *white paper*, mungkin kerajaan boleh mengemukakan satu *white paper* atas perkara ini di mana semua pandangan boleh diambil. Silakan Yang Berhormat Klang.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [*Menyampuk*] Santiago, Santiago.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Ini Ahli Parlimen Malaysia, bukan Santiago. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Telok Intan, soalan saya berkaitan dengan *quality of evidence* dan *critique* DNA, dipetik Rang Undang-undang DNA 2008 mengatakan bahawa *there are no safe guards, there are no safe guards in relation to storage and testing of DNA samples*. Ini adalah sebab *there are no regulations that have been prescribed in the act*. Minta penjelasanlah sebab ini adalah penting sebab kalau kita menyoal *evidence* dan kalau *evidence* itu tidak begitu kuat, maka *this has an implication for the person on the dock*. Terima kasih, minta penjelasan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *The safe guards* yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Klang, ini adalah lagi satu aspek kelemahan rang undang-undang ini di mana sesuatu sampel, bagaimana sampel itu disimpan oleh bank DNA itu dan bagaimana sampel itu dikendalikan oleh ahli kimia. Jika sampel seseorang mungkin darah seseorang yang bernama Peter, darah dari seorang lagi dicampur dengan darah itu, siapa punya profil DNA akan dikeluarkan? Ini ada masalah sebab ahli kimia ini adalah mengikut definisi rang undang-undang ini, ahli kimia ini hanya dari Jabatan Kimia di bawah kerajaan.

Jadi bolehkah beliau, bukan semua ahli kimia kita nak pandang begitu tapi bolehkah ahli kimia itu boleh dimanipulasikan. Kita kluatir sebab ini terbuka, *the storage, the system of testing, sampling* itu semua tidak terjamin kawalannya. Jadi saya ingin terus mengatakan bahawa walau bagaimanapun dalam apa jua keadaan, kita tidak boleh rampas

daripada hakim di mahkamah-mahkamah kita tugas mereka untuk menghakimi setelah mendengar keterangan semua pihak. Itu yang masalah kita di sini dan saya ingin meminta dan memohon kepada semua pihak...

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Berikutan daripada Yang Berhormat Telok Intan sekali lagi, saya amat terganggu lagi. Klausula 24 ini yang berkenaan dengan keutamaan DNA dan muktamadnya DNA tetapi sebagaimana Yang Berhormat Telok Intan sebutkan tadi, dimulakan ayat dengan walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan. Makna implikasi daripada satu ayat ini bukan satu undang-undang Yang Berhormat Telok Intan. Saya pohon penjelasan, satunya undang-undang berkaitan dengan kemuktamadan DNA tetapi satu lagi undang-undang di bahagian pertama ayat itu sebenarnya ialah pembatalan satu set undang-undang lain, *the revocation, the nullification of a set of laws* dalam ayat yang sama dan ini satu lagi yang amat besar implikasi yang *significant*. Jadi saya pohon penjelasan Yang Berhormat tentang ini sekali lagi.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Ini adalah yang saya maksudkan tadi iaitu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Telok Intan, kalau ada klausula yang tidak memuaskan hati Yang Berhormat, perkara 57(2), Yang Berhormat boleh notiskan dalam bentuk usul untuk dikemukakan di dalam Parlimen ini dengan memberi notis satu hari dan itu adalah ruang yang terbaik untuk mempertikaikan mana-mana klausula dalam rang undang-undang yang difikirkan tidak sesuai bagi pihak Yang Berhormat. Boleh buat itu menerusi 57(2) dalam peraturan mesyuarat kita. Ya, teruskan Yang Berhormat.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tuan Yang di-Pertua, jika saya menggunakan nasihat Tuan Yang di-Pertua, adakah perbahasan ini akan ditangguhkan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak. Itu bukan soalnya.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tidak? Okey, jadi saya akan teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat PJ Utara juga membawakan perkara sama dalam rang undang-undang AUKU yang kita telah bantangkan dalam senarai aturan mesyuarat.

■1610

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tetapi keprihatinan Yang Berhormat Tumpat, saya harus jawab. Saya telah sebut tadi, 24 ini dia mengecualikan akta-akta lain. Khususnya saya percaya adalah Akta Kanun Jenayah *Criminal Procedure Code* di mana Seksyen 399 beri peluang kepada pembelaan atau tertuduh untuk mencabar laporan perubatan atau laporan oleh ahli kimia. Akan tetapi sekarang, dalam rang undang-undang ini tertuduh atau pembelaan tidak dapat peluang itu untuk mencabar sebarang laporan perubatan oleh doktor ataupun ahli kimia, saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Jadi pada keseluruhannya, rang undang-undang ini dengan izin adalah *riddled with defects. It is a piece of bill which is riddled with defects*. Saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk mengkaji balik dan jangan tergesa-gesa mengambil masa, Yang Berhormat Menteri dia pun adalah seorang peguam dahulu.

Saya sekarang fikir saya tidak percayalah rang undang-undang ini Yang Berhormat Menteri betul-betul telah memberi perhatian yang secukup dan sewajarnya, sebab banyak *defects* yang terdapat di sini. Kita bersedia di sebelah sini Pakatan Rakyat kita sedia membantu pihak kerajaan untuk meneliti dan memberi sumbangan ataupun nasihat atas rang undang-undang ini supaya kita terima rang undang-undang mengenai DNA *profiling* dan *evidence* adalah perlu tetapi ini mesti digunakan dengan baik. Jangan sewenang-wenangnya jika perkataan muktamad ini Tuan Yang di-Pertua, terdapat dalam rang undang-undang ini, mengapa akta-kata yang serupa di United Kingdom dan Canada tidak ada ini? Jadi jika sebahagian Yang Berhormat mengatakan kita kena majukan teknologi dalam segi *forensic science* kita. Kita hendak ikut negara-negara yang maju, kenapa tidak ikut akta yang digunakan oleh negara-negara yang tersebut?

Apakah tujuan untuk membawa satu kuasa seperti ini dalam ini? Jadi saya ingin bertanya dan saya memberi perkhidmatan rakan-rakan saya di sebelah sini, kita akan bersedia untuk bertemu dengan pihak Menteri untuk terus memberi pandangan terhadap rang undang-undang ini untuk membuat pembetulan dan untuk membuat pembetulan itu, kita perlukan masa untuk mengambil pandangan dari Bar *Council* dari MMC ke dan...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *Termologist*...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *Termologist*, bukan *geologist* ya. Tuan Yang di-Pertua, untuk mengadakan satu rang undang-undang yang boleh kita yakin untuk digunakan pada masa hadapan. Dengan ini saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

4.13 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang ini dan saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan sekurang-kurangnya suatu akta mengadakan peruntukan bagi penubuhan bank data DNA forensik Malaysia pengambilan *sample* DNA, analisis forensik DNA, penggunaan *profile* DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Kerana sebagaimana yang kita sedia maklum cadangan untuk mengadakan rang undang-undang ini telah pun berlalu hampir 10 tahun dan draf undang-undang ini telah pun dibincangkan bermula daripada tahun 2001. Saya yakin ini adalah bertepatan dengan situasi semasa dan akan datang dan bertepatan dengan misi nasional iaitu untuk memperkukuh institusi pelaksana dalam mencapai wawasan negara pada tahun 2020.

Pada pandangan saya, seperti juga yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, yang merupakan pelengkap kepada penghakiman ke atas sesuatu kes juga pelengkap kepada identifikasi kepada mana-mana pencarian seperti jenazah dan sebagainya untuk memudahkan keseluruhan sistem kehidupan dalam negara kita. Dalam soal mahkamah Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya seorang peguam pernah bercakap dengan saya, dia kata sebagai mangsa, atau sebagai orang yang tertuduh tidak kiralah salah atau tidak salah, tiga pihak tidak boleh berbohong.

Pertama, sahabat saya kata sebagai seorang *lawyer*, kepada tuhaninya kepada Allah SWT. Kedua, kepada dirinya sendiri, sebab dirinya tahu sama ada dia bohong atau tidak dan ketiga saya terperanjat apabila dia mengatakan tidak boleh berbohong juga kepada peguamnya kerana peguamnya akan mengambil segala cerita sebenar terutamanya peguam bela untuk dia berhujah dalam mahkamah supaya apa pun kesalahan yang dibuat. Peguam ini yang bercakap dengan saya apa pun yang dihujahkan dalam mahkamah akhirnya akan memihak kepada pembelaan.

Ini yang saya difahamkan oleh sahabat saya sebagai seorang peguam. Ertinya Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga sebagai seperti yang saya sebut tempoh hari, semalam, tadi sebagai masih lagi rang undang-undang Ibu. Akhirnya akan digunakan bukan sahaja untuk kes-kes pendakwaan, tetapi juga untuk menyelamatkan mangsa-mangsa yang mungkin teraniaya atas sebab-sebab yang tertentu kerana kita hidup dalam sebuah negara yang berperlembagaan yang ada undang-undang kita tidak boleh lari bukan sahaja daripada perlembagaan, bukan sahaja daripada undang-undang, malahan daripada situasi yang berlaku. Misalnya kata sahabat saya sebagai seorang peguam, orang sebelah jiran kita meninggal dunia Tiba-tiba kita berada di situ, kita juga boleh tertuduh sebagai orang yang membunuh padahal kita tidak membunuh. Dalam kes ini juga Tuan Yang di-Pertua, ia sebagai pelengkap kepada keseluruhan kes pembelaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa dengan adanya rang undang-undang ini, apabila dilaksanakan nanti setelah ianya lengkap dengan segala peraturan mungkin akta-akta lain yang menyokong akta ini, akan mengelak sekali gus akan mengelak atau dapat mengelakkan apa-apa bentuk penzaliman khususnya bagi kes-kes jenayah. Seperti yang saya sebutkan Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana akta ini masih lagi akta ibu, saya yakin banyak lagi akta-akta lain yang menyokong akta ini seperti mungkin tidak lama lagi akta Bank Data DNA akan menyusul kemudian, peraturan-peraturan yang berkaitan

dengannya. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua saya yakin kalaulah akta ini perlu diperincikan dengan sejelas-jelasnya mungkin sepuluh kali tebal daripada akta ibu ini.

Kalaulah kaedah memegang alat untuk menguji *sample*, kalaulah kaedah untuk menggaris atau 'mengguris' mengambil darah pun perlu disebut dalam akta ini. Selain daripada dalam peraturan, mungkin akta ini tidak boleh senipis seperti yang kita lihat kerana ia masih lagi di peringkat akta ibu. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana akta ini adalah akta yang baru dibentangkan kelmarin dan esok atau lusa mungkin lulus selepas itu akta ini dibincangkan lagi dibentangkan lagi di dalam Dewan Negara, dan selepas itu ada beberapa peraturan akan dibuat, saya yakin akta ini hanya akan berkuat kuasa lama lagi, mungkin tahun depan dan sebagainya ini tidak ada kaitan.

■1620

Mengikut kefahaman saya dan keyakinan saya tidak ada kaitan dengan kes-kes yang sedang berjalan tidak kiralah kes apa, tidak ada kaitan kepada saya, tidak kaitan dengan kes-kes yang sedang berjalan sama ada yang sedang dibicarakan di mahkamah, termasuk juga kes-kes yang belum dibicarakan di mahkamah kecuali kalau ada kes-kes baru yang akan datang yang memerlukan sokongan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi masih banyak lagi peraturan-peraturan yang perlu bagi tujuan mendapatkan *sampling* DNA sama ada kaedahnya, alatnya dan lain-lain. Masih ada lagi akta ataupun peraturan yang perlu bagi Bank Data DNA. Masih ada lagi peraturan-peraturan bagaimana sesuatu *sampling* itu dibawa dan sebagainya.

Akhirnya apa juga akta yang disokong dengan akta-akta lain, yang disokong dengan peraturan-peraturan yang lengkap tidak boleh lagi dicabar dalam mahkamah. Ramai pihak tadi yang menyambut tentang seksyen 24. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kota Belud tetapi biasalah susah untuk mencapai kata sepakat tentang seksyen 24 ini. Saya juga telah membacanya saya juga ada tafsiran lain tetapi saya bersetuju dengan pandangan Tuan Yang di-Pertua. Di sini kita tidak boleh membuat satu rumusan. Pada saya perlu ada peraturan lain untuk menyokong fasal 24 ini supaya apa pun maklumat daripada bank data DNA menjadi muktamad.

Sebelum menjadi muktamad saya yakin ada peraturan-peraturan tertentu yang menyokong kepada maklumat bank data DNA di dalam mahkamah. Saya yakin, saya amat yakin Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin juga tertanya-tanya tetapi saya letakkan sebagai satu soalan untuk mendapatkan penjelasan kepada seksyen berapa tadi ya, tentang pelantikan ketua bank ini. Mengapa mesti terdiri daripada pegawai polis? Kenapa tidak disebut perkataan yang setaraf dengannya? Ini mendatangkan persoalan bagi diri saya tetapi biarlah saya sebut di sini setakat untuk mendapatkan penjelasan. Sekurang-kurangnya bila ada penjelasan, kami berpuas hati dan bolehlah kami mengambil ia sebagai satu maklumat untuk kami sampaikan kepada pihak-pihak lain.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab akta ini masih lagi akta ibu, banyak perkara-perkara tadi telah pun disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dan saya yakin tetapi pada masa yang sama saya juga memohon supaya pihak menteri mengambil segala pandangan, maklum balas yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk dijadikan sebagai sebahagian daripada peraturan ataupun akta lain yang berkaitan dengannya apabila dibentuk nanti. Sekian, saya menyokong, terima kasih.

4.24 ptg.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Identifikasi DNA 2008. Saya rasa dalam hal ini memang ada anggapan yang tidak tepat soal ujian DNA ini. Walaupun kita tahu memang DNA itu kekal dan unik untuk seseorang tetapi apabila kita *test profile* DNA kita bukan buat ujian keseluruhan *sequent* DNA tetapi cuma ambil sebahagian kecil daripada DNA tersebut apa yang dikatakan *short then repeats*. Kalau kira kaedah sekarang yang digunakan adalah dengan PCR ataupun *Polyvalence Change Reaction*, dengan bantuan elektroforisis. Apabila segmen-segmen

DNA ini dibuat, dianalisis paten di dalam elektroforisis ini akan dibuat analisa oleh ahli kimia dan interpretasi keputusan itu adalah satu interpretasi yang agak subjektif dan bukan objektif seperti mana yang kita anggap *sequent* DNA itu.

Jadi dalam hal ini kita juga tahu bahawa keputusan profil DNA ini memang merupakan bukti sokongan dan bukan bukti muktamad untuk penyiasatan jenayah dan kredibiliti profil DNA ini adalah setakat kredibiliti mereka yang membuat siasatan. Kredibiliti mereka yang membuat *test DNA* dan juga kredibiliti mereka yang menyimpan profil iaitu ketua data bank DNA tersebut. Saya bangkitkan soal ini kerana dalam rang undang-undang ini kita memberi kuasa yang begitu besar kepada pasukan polis di mana yang menyiasat pasukan polis, yang boleh mengambil sampel daripada tertuduh polis, berkuasa untuk apa-apa yang boleh untuk mendapatkan sampel dan menyimpan dan juga menguruskan data profil juga pasukan polis.

Mungkin mereka terdiri daripada individu yang berlainan tetapi *line of command* mungkin daripada seorang sahaja yang di atas. Kalau kita lihat suasana sekarang kalau imam pun ikut arahan daripada atas apatah lagi pasukan polis. Jadi saya rasa dalam hal ini kita boleh meninjau beberapa perkara dalam rang undang-undang tersebut dan memang dapat beberapa kepincangan yang kita seharusnya perhalusi sebelum kita meluluskannya. Misalannya kuasa untuk buat *test* itu bukan setakat Jabatan Kimia Negara dan juga makmal forensik tetapi juga mana-mana makmal yang boleh diwartakan oleh menteri. Ini membuka peluang untuk membuka pilih kasih menteri untuk menetapkan sesiapa yang boleh buat *test* ini dan kemukakan keputusan test itu sebagai bukti. Perkara yang lain yang pernah dikatakan di mana...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin bangun Yang Berhormat.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gopeng. Yang Berhormat Gopeng ada menyebut bahawa pegawai polis sahaja dibenarkan untuk mengambil sampel untuk ujian DNA tetapi kalau kita tengok balik draf undang-undang ini, perkara 12(6) iaitu yang berhubung dengan sampel intim. Sampel intim ini satu sampel intim hendaklah hanya diambil oleh seorang pegawai perubatan kerajaan sahaja.

Keduanya Yang Berhormat Gopeng tadi ada sebut tentang makmal forensik tadi. Sebenarnya perkara (6) ini cukup terang ada sebut, sebelum itu perkara (6) ini mesti kita baca bersekali dengan perkara (5). Perkara (5) ini disebut, fungsi bank data DNA untuk menyimpan profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya daripada mana-mana analisis forensik DNA yang dijalankan oleh Jabatan Kimia Malaysia atau Makmal Forensik Polis Malaysia. Selepas itu perkara (6) pula dia sebut kuasa menteri untuk menamakan mana-mana agensi atau badan menjalankan analisis forensik di bawah seksyen 5 hendaklah hanya dijalankan sekiranya Jabatan Kimia Malaysia atau Makmal Forensik Polis Malaysia tidak dapat menjalankan apa-apa analisis forensik DNA.

Jadi cukup terang sekarang, ia tidak boleh pusing-pusing tidak payah. Jadi maknanya pada ketika ini Makmal Kimia Malaysia telah pun diwujudkan dan menjalankan semua sekali ujian-ujian. Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Saya hendak terangkan soal dua perkara yang dibangkitkan itu. Kita lihat fasal 13(7) di mana pegawai polis boleh mengambil sampel bukan intim dengan apa cara pun. Mungkin itu *whatever it takes*. Jadi ini memberi satu peluang yang begitu besar untuk polis buat apa sahaja untuk mendapatkan sampel.

■1630

Yang kedua soal makmal. Walaupun memang dikatakan bahawa makmal yang bukan daripada Jabatan Kimia Malaysia dan juga *forensic lab* itu mesti diwartakan. Namun, sekiranya kita lihat apa yang akan berlaku apabila sesuatu kes sedang berlaku dan memang ada sesuatu *test* yang perlu dibuat yang tidak dapat dibuat oleh Jabatan Kimia, jadi tak mungkin menteri akan dapat wartakan makmal tersebut serta-merta untuk menjalankan *test* tersebut. Apa yang akan berlaku adalah menteri akan mewartakan

beberapa makmal yang spesifik untuk memenuhi keperluan. Jadi ini saya rasa yang akan berlaku dan bukan sebaliknya.

Jadi saya juga rasa banyak perkara yang telah dibangkitkan soal fasal 24 dan 25 dan saya tidak ingin panjangkan lagi. Saya rasa ini satu kepincangan yang begitu besar dan seharusnya diperbaiki. Oleh sebab kita tahu bahawa analisa profil DNA itu satu analisa yang subjektif; sepatutnya boleh dicabar di mahkamah dan ini seharusnya berlaku. Namun begitu, fasal 24 telah menutup peluang dan membelakangkan peranan mahkamah dalam menentukan kesahihan keputusan profil DNA tersebut. Saya rasa dalam hal ini juga rang undang-undang ini tidak mengambil kira khususnya dalam soal *paternity* kes yang telah dibangkitkan semalam dan ini juga satu perkara yang tidak dimasukkan dalam hal ini.

Perkara yang lain saya juga rasa kerana kita tidak memberi peruntukan untuk makmal yang lain untuk membuat analisa DNA. Adakah ini bermakna tertuduh itu tidak boleh membawa bukti-bukti analisa DNA daripada makmal yang lain? Makmal-makmal dari luar negara sebagai contoh untuk kemukakan di mahkamah dan ini merupakan perkara-perkara yang kita harus perbincangkan.

Bukan setakat itu, kita juga seharusnya memberikan peluang untuk makmal-makmal yang lain untuk membuat *research and development* atau penyelidikan dan pembangunan dalam hal DNA tersebut. Adakah kita akan menghalang makmal yang lain untuk buat *research*, penyelidikan dalam hal ini?

Selain itu juga kalau kita lihat implikasi kewangan pun tanpa di bincang dalam hal ini. Adakah kita akan meluluskan mungkin apabila rang undang-undang ini diluluskan dengan makmal, dengan data bank ditubuhkan, dengan *test* dan sebagainya mungkin mengambil perbelanjaan ratusan juta ringgit atau sehingga bilion ringgit dan kerajaan akan menanggung dan adakah Dewan ini akan meluluskannya sekali gus.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya rasa kita telah tunggu selama tujuh tahun untuk berbincang hal ini. Apa salahnya kita pulangkan ini kepada satu jawatankuasa terpilih untuk memperhalusi rang undang-undang ini. Saya rasa antara Ahli-ahli Dewan sama ada daripada pembangkang mahupun dari Barisan Nasional memang tidak halang ada satu rang undang-undang DNA. Cuma kita memerlukan satu rang undang-undang yang seharusnya disempurnakan dan diperhalusi dan kita telah tunggu tujuh tahun saya pasti kita boleh tunggu tujuh bulan lagi. Terima kasih.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan cakap tujuh minit sahaja.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa yang tujuh minit?

Tuan John Fernandez [Seremban]: *Short*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan satu Peraturan Mesyuarat 54.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, sila.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, selepas mendengar hujah-hujah daripada beberapa rakan saya dan juga daripada pihak Barisan Nasional, adalah pandangan saya bahawa adalah wajar rang undang-undang ini dirujuk kepada jawatankuasa pilihan khas. Oleh sebab ada banyak masalah yang telah di hujah secara terperinci dan amatlah jelas bahawa adalah lebih sesuai rang undang-undang ini dihantar kepada jawatankuasa pilihan khas dikaji dengan teliti dibawa melalui proses yang sesuai untuk membaiki apa-apa kelemahan yang telah ditunjukkan dan dirujuk balik kepada Dewan yang mulia ini pada masa yang sesuai.

Jadi saya ingin bangkitkan peraturan melalui kuasa yang diberi di bawah Peraturan Mesyuarat 54 di mana Dewan ini ada kuasa untuk merujuk kepada jawatankuasa pilihan khas. Di mana usul boleh dibentangkan tanpa apa-apa notis dan masalah itu

diputuskan dengan serta-merta tanpa apa-apa perbahasan ataupun pindaan. Jadi dengan hormatnya saya ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Rang Undang-undang Identifikasi Asid DNA 2008 dirujuk kepada jawatankuasa pilihan khas.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong cadangan ini.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Syed Hamid Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya tengok kalau Tuan Yang di-Pertua menggunakan peruntukan Peraturan Mesyuarat 54. Dalam peruntukan 54 satu rang undang-undang boleh diserahkan kepada satu jawatankuasa pilihan sebelum bacaan kali yang kedua. Ini sudah bacaan kali yang kedua. Oleh itu kita terpaksa teruskan rang undang-undang ini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Dengan izin, boleh saya menjawab Yang Berhormat Menteri dahulu sebelum saya bagi laluan kepada Yang Berhormat Kepong. Dengan penuh hormat Tuan Yang di-Pertua, bagi pendapat saya tafsiran yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri mungkin tidak begitu tepat dengan peruntukan 54.

Oleh sebab kita ada 54(1) dan 54(2). 54(1) dirujuk tanpa usul daripada Dewan ini kepada jawatankuasa pilihan khas. Kalau dirujuk dalam peringkat sekarang di mana perbahasan kedua *the second reading* perlu usul daripada Dewan ini dan itulah usul yang saya bantah sekarang. Saya kemukakan di bawah 54(2). *So, we are using* dengan izin inilah di peringkat perbahasan yang kedua dan sebab itu *it say* dengan jelas. Saya baca yang bahasa Inggeris ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: (2) "*When a Bill has been read a second time it shall stand committed to a Committee of the whole House unless the House on motion commits it to a Select Committee*". Jadi untuk merujuk di peringkat sekarang sebab kita sudah mula perbahasan yang kedua Yang Berhormat Menteri kata tadi adalah sebelum perbahasan yang kedua, *the second reading*.

Tuan Yang di-Pertua: *Okay, thank you for the information.*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, pagi ini saya ada bangkitkan hal ini 54(2) di bawah 54(2) dengan terus-terang dia kata usul ini tidak hendak dikeluarkan pemberitahu tapi mestilah dibuat sebaik-baik sahaja dibacakan rang undang-undang itu kali yang kedua. Ini bermakna cara yang kedua untuk mengemukakan satu usul bagi dirujuk kepada jawatankuasa pilihan khas. Saya pun ada bangkitkan pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih Yang Berhormat Kepong. Terus-terang saya nyatakan bahawa *I have not come across this. I mean the power is here 54(1)* ada tapi kalau boleh saya minta supaya *decision* saya nanti saya *defer* dahulu saya buat. Kemudian saya rujuk kepada *precedent* yang tertentu kepada tindakan-tindakan yang pernah dibuat dahulu. *Because I don't want to make a ruling* di mana saya pun akan buat silap. *Okay? Although I appreciate your opinion that you bangkitkan soal 54(1).* Saya tahu ada perkara begitu.

■1640

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua dengan...

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Kalau kita baca bahasa Inggeris punya dengan izin,

"When a Bill has been read a second time it shall stand committed to a Committee of the whole House..." dalam Majlis, *"...unless the House on the motion commits it to a Select Committee". And then dia pergi lagi "Such motion shall not require notice...", you are correct.*

"...must be made immediately after the bill is read a second time..." That meant when I read the bill second time that was the time for you to request for it to be done, it is the word that is you say immediately."

But ini question of tafsiran, pada saya kalau kita sudah pergi ke tahap perbahasan, benda ini sudah lambat untuk kita bawa kepada select committee. That's my view. You cannot use, tidak boleh menggunakan peruntukan ini.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bergilir-gilir. Yes, yes. Sila.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan semangat yang telah ditunjukkan oleh semua Ahli Yang Berhormat yang membahaskan rang undang-undang ini nyata Tuan Yang di-Pertua bahawa keperluan untuk merujuk kepada 54(2) ini adalah sangat penting kerana seperti mana difahamkan dan ditafsirkan mengikut Yang Berhormat Menteri, masakan boleh diketahui akan banyaknya defect ataupun peruntukan-peruntukan yang perlu dibahaskan.

Saya tidak boleh bayangkan apabila kita berbincang di peringkat jawatankuasa setiap satu yang perlu pindaan, maka dengan itu saya minta Tuan Yang di-Pertua membuat your keputusan supaya perkara ini ditubuhkan satu *Parliamentary Select Committee* untuk menangani perkara ini, yang cukup penting yang kami rasa perlu diambil perhatian. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, hal ini pernah dibangkitkan dalam di Dewan dalam beberapa tahun ini sebab Yang Berhormat Kota Tinggi dia membaca setakat ini sahaja, *"the bill is read a second time"* oleh Yang Berhormat Kota Tinggi, tetapi yang dimaksudkan di sini yang difahami oleh semua orang ini selepas dibahaskan dan dibaca kali yang kedua.

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Tuan Yang di-Pertua, dia masukkan perkataan yang tidak ada. Soalnya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai dan saya sudah bentangkan undang-undang ini, kita sudah bahas dan banyak komen telah diberikan dan ada perkara yang dibawa Tuan Yang di-Pertua oleh Yang Berhormat Subang.

Yang Berhormat Subang membawa perkara itu, pada saya Tuan Yang di-Pertua kena membuat pentafsiran terhadap apa yang dibangkitkan, ini berkenaan peraturan. Jadi saya minta kalau boleh kita teruskan perbahasan untuk membolehkan Tuan Yang di-Pertua merujuk pada apa juga Tuan Yang di-Pertua fikirkan perlu.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Maka itu saya bilang tadi bahawa *opinion* daripada Yang Berhormat Subang saya terima, bermakna saya mempunyai kuasa di bawah 54(1) tetapi terus-terang juga saya katakan tadi, bahawa *I am not sure* kerana saya belum terbaca mana-mana *precedent* pun bahawa pada peringkat ini saya boleh buat menggunakan kuasa ini.

So therefore, tidak salah bagi kita untuk saya benarkan lagi empat lima orang bahas, we still have tomorrow, you see. Meanwhile selepas sahaja mesyuarat kita ditangguhkan sampai esok, I can make a ruling tomorrow.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, dengan hormat saya telah dengar pandangan yang diutarakan oleh Tuan Yang di-Pertua, tetapi 54(2) adalah jelas *"...the question thereon shall be put forthwith..."*. Jadi kita tidak ada *luxury* ataupun peluang untuk tangguhkan.

Tuan Yang di-Pertua: *No, no. Yes, you see if I agree with your interpretation, then I will go to 54(2). You see sekarang saya sendiri minta supaya saya defer saya punya ruling because I can do that, I minta to defer my ruling. See, you cannot commit me on something that even you, that's your opinion, menteri punya opinion, Yang Berhormat Kepong punya opinion.*

My opinion here is, if - go the way but I want to be perfectly sure that the decision is right.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *Yes* Tuan Yang di-Pertua. *The opinion of the...* dengan izin pendapat daripada Yang Berhormat Menteri adalah berdasarkan kepada 54(1), *and I think* itu jelas berbeza, *referring to a select committee before second reading*. Itulah kuasa daripada kerajaan. Dia boleh *refer to select committee* sebelum *second reading*, itu jelas. Sekarang *we are in the second reading, which is why*, dengan izin kita memerlukan usul dan kelulusan daripada Dewan yang mulia ini dan ini yang saya usulkan sekarang dengan jelas.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, mohon izin Yang Berhormat Kuala Krau Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Dia kena baca dua-dua Tuan Yang di-Pertua, 54(1) dengan 54(2), kena baca sama-sama, kena ada usul.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Kuala Krau mohon izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Sila.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya merujuk kepada 54(2), "...jika Majlis mengeluarkan usul menyerahkannya kepada Jawatankuasa Pilihan. Usul ini tidak berkehendak dikeluarkan pemberitahu tetapi mestilah dibuat sebaik-baik sahaja..." perkataan "mestilah dibuat sebaik-baik sahaja dibacakan Rang Undang-undang itu kali yang kedua,...".

Yang Berhormat Menteri telah membaca dan beberapa Ahli Yang Berhormat telah berbahas. Sepatutnya usul ini mestilah dibuat serta-merta sebaik sahaja Yang Berhormat Menteri membentangkan rang undang-undang bacaan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: *See*, masing-masing mempunyai pendapat dalam hal ini. Kuasa memang ada di tangan Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya tidak akan membuat *ruling* pada ketika ini dan tidak salah kalau umpamanya ada lagi dua tiga orang Ahli Yang Berhormat yang bercakap *because*, walaupun saya benarkan ini, pada akhirnya nanti kalau umpamanya sampai di peringkat bahawa saya kata apabila menteri sudah menjawab, saya kata Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya sekarang ialah *bill* ini untuk dibaca kali yang kedua, siapa setuju katakan ya, kalau tidak katakan tidak.

You see, it comes to the stage also di mana kalau perlu kalau umpamanya ditentang betul ada belah bahagian. *You see*, jadi itu makanya tidak salah kalau kita dengar lagi dua tiga orang untuk berucap. Jadi apabila sudah saya pastikan betul-betul bahawa saya boleh gunakan 54 itu dan dipersetujui umpamanya oleh menteri dan sedemikianya dan jangan lupa juga dengan menteri. Dia juga mempunyai pendapat tertentu dan apabila *bill* ini dibawa juga di Dewan Rakyat, sudah tentu penggubal *bill* ini yang juga semua saya rasa berpengalaman dalam menggubal *bill*.

Mereka juga telah menimbang dan telah memikirkan apa risiko-risiko yang tertentu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Begitu, jadi saya tidak mahu umpamanya membuat satu *ruling* yang nantinya silap. Jadi tidak salah apabila kita teruskan perbahasan kerana sekarang ini pun sudah jam berapa. Okey, sila Yang Berhormat Segambut.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kami lihat *clause 2*, bil ini. Dia kata forensik DNA *analysis means any analysis* dan saya berpendapat *any analysis* ini sungguh tidak munasabah. Rang undang-undang ini seharusnya *medefinekan*, *analysis* ini hanya untuk DNA sahaja bukan untuk yang macam-macam.

Lagi *clause 2* juga dia kata, *DNA profile means genetic information*. Apa maksudnya *genetic information*, itu sumber 'why' dan kami juga lihat dalam *clause 2* juga *non-intimate sample*. Saya berpendapat *non-intimate sample* itu *sliver* harus dikecualikan sebab *sliver* itu you boleh dapat dari mana-mana tempat dan senang untuk diusik, *ditemper*.

Ada lagi dan juga *clause 16* menurut *clause 16* dia kata, DNA sampel ini dengan izin Tuan Yang di-Pertua *you have nothing to do with the crime committed*, pihak yang berkuasa masih boleh mendapat DNA itu. DNA yang dia dapat pun ada *retrospective effect in nature*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

■1650

Ini adalah sungguh *draconian*. Menurut *clause 24* dan *clause 25*, dia kata *information* daripada DNA itu adalah *conclusive*, muktamad. Maksudnya, kalau dalam satu tuduhan jenayah, tidak ada bukti-bukti yang lain hanya berdasarkan DNA itu, tertuduh itu boleh disabit dan ini memang *in the eyes of the law*, ini memang sungguh tidak munasabah. *Following by clause 25*, sebarang keputusan dibuat atas bukti daripada DNA ini tidak boleh di *appeal*, diadu, tidak ada *judicial review*, tidak ada apa-apa *appeal system* diberi bawah rang undang-undang ini.

Kalau begitu, saya berpendapat kami tidak perlu kalau *appeal to the Federal Court*, kami hanya menunggu satu mahkamah DNA untuk semua kes yang tidak ada sebarang bukti, hanya nilai *of the DNA*, kami beri tertuduh itu bersalah. Jadi, saya berpendapat, sebelum Dewan Rakyat ini meluluskan rang undang-undang ini, kami mesti mem *protect* kerahsiaan *privacy of DNA donor* dan untuk membuat demikian, saya mencadangkan satu akta yang bersifat sebagai *data protection in principle* diluluskan.

Sebenarnya, saya diberitahu ada satu *Data Protection Act* telah di draf pada tahun 2001 oleh kerajaan tetapi atas sebab-sebab yang tidak diketahui draf Akta *Data Protection Act* diketepikan, ditarik balik. Jadi, sebagai kesimpulan saya mencadangkan *Data Protection Act* di draf dan di bahas sebelum DNA *Bill* ini. Terima kasih.

4.53 ptg.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana beri saya satu peluang ambil bahagian dalam rang undang-undang ini iaitu DNA 2008.

Yang pertama, saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada seksyen 18 iaitu, jikalau kita bacakan seksyen 18, ini adalah di masa peringkat selepas satu kes bicara dihabiskan sebab di dalam seksyen 18 dikatakan apabila kes ditarik balik, jikalau kes ini ditarik balik iaitu di seksyen 18(b) ataupun di seksyen 18(c) dikatakan kes dibuang atau di *discharge not amount to the new acquittal* ataupun di seksyen 18(d) dibebaskan dan dilepaskan contohnya tanpa bela diri tetapi Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting ialah, dalam seksyen 18 peranan yang *last, that is the point I'm trying to attract*. Yang dikatakan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan dalam bahasa Inggeris. "*The Head of DNA Databank shall, within six months, dalam enam bulan, or so being notified by the Officer in Charge of a Police District of the fact referred to in paragraph (a), (b), (c), (d) or (e) iaitu kes dibuang atau ditarik balik atau dapat bebaskan, remove the DNA profile and any information in relation thereto of such person from the DNA databank.*"

'*Such person*' dirujuk kepada yang dikatakan dalam mahkamah ialah OKT, Orang Kena Tuduh tetapi dalam seksyen 18, mengikut pandangan saya ada satu 'lakuna'. 'Lakuna' ialah digunakan dalam bahasa Inggeris iaitu *there is something missing*. 'Lakuna' itu ialah jikalau kita bacakan penerangan yang *last* dalam seksyen 18, *where are the rights of the accused*. Ada 'lakuna' di seksyen 18 sebab dikatakan daripada *head of DNA* kepada balai polis dan pegawai balai polis, pegawai siasatan atau IO dalam kes yang terlibat, *remove the DNA profile and any information in relation thereto of such person from the DNA databank*.

Tuan Yang di-Pertua, isu di hadapan Dewan yang mulia ini ialah bagaimana OKT boleh tahu di peringkat itu, DNA dia sudah dimusnahkan, *how is the OKT to know that his DNA profile has been removed?* Hak OKT tidak dijaga di peringkat ini. *The rights of the accused are not protected* di bawah seksyen 18.

Ada satu 'lakuna' sebab mengikut pandangan saya, selepas kita *remove DNA sample* daripada *databank*, mesti kita mesti dalam 2 minggu atau 1 bulan secara bertulis melalui satu AR *registered letter* diberikan maklumat itu kepada OKT, Orang Kena Tuduh.

Jikalau tidak dibuat sebegini, OKT tidak boleh tahu adakah sampel dia ada atau tidak atau di *remove* kan. Selain daripada itu, saya suka beri satu contoh Tuan Yang di-Pertua. Contoh saya ialah biasanya banyak OKT, Orang Kena Tuduh cap jari diambil semasa siasatan tetapi daripada 1,000 kes tidak ada satu kes pun di mana cap jari diberi balik kepada OKT atau Orang Kena Tuduh. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sokong *clause* 18 sebab hak Orang Kena Tuduh tidak dikawal di bawah seksyen 18. Yes, Yang Berhormat Rasah.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih, sebab dia rakan senegeri, jiran-jiran.

Tuan Yang di-Pertua: yang belum panggil Yang Berhormat Rasah. *You* sudah habis atau dia minta.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Dia beri.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Tidak, Saya beri peluang kepada Rasah.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Mencelah, mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, dia mencelah. Okey sila.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Mencelah, minta jalan. Minta maaf Yang Berhormat Gombak.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat tadi sudah selesai pasal janji tadi tujuh minit.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Belum, belum.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Belum, belum. Ucapan saya selalu ringkas. 10 minit sahaja. *Straight to the point.*

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Seremban. Saya hendak tanya sedikit penjelasan berkenaan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Seremban berkenaan dengan seksyen 18 tadi. Adakah Yang Berhormat Seremban bersetuju bahawa kita perlu ada satu peruntukan supaya Orang Kena Tuduh (OKT) ini mungkin telah dihadapkan ke mahkamah mungkin tidak bersalah.

Selepas itu beliau perlu diberi hak untuk supaya bertanya kepada ketua bank data DNA ini supaya tengok ambil laporan daripada mereka sama ada rekod dia masih ada atau tidak di dalam bank data DNA itu. Ini kerana, saya difahamkan oleh peguam-peguam daripada Majlis Peguam bahawa di negara lain ada praktisnya bahawa selepas mereka dibebaskan daripada mahkamah, profil DNA mereka itu, mereka boleh pergi tanya, cek, ambil laporan, semua. Hak mereka untuk panggil bank data ini cetakan semua *form* mereka sama ada masih ada apa yang telah disimpan oleh bank data itu dan bilakah ia akan dihapuskan daripada bank data itu. Jadi, saya harap mungkin Yang Berhormat Seremban boleh berikan sedikit penjelasan. Terima kasih.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Yang Berhormat dari Rasah, memang saya bersetuju sebab saya sudah berikan di Dewan yang mulia ini satu contoh iaitu di atas cap jari. Biasanya dalam kes-kes daripada 1,000 kes, saya tidak dapat satu kes pun di mana cap jari dibalikkan kepada OKT. So, saya setuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Rasah.

■1700

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Seremban. Berdasarkan pengalaman Yang Berhormat Seremban bercakap tentang 18(a) sampai (e). Dalam *paragraph* terakhir mengatakan dalam tempoh enam bulan mestilah menghapuskan profil DNA. Pengalaman Yang Berhormatlah dalam kes-kes jenayah yang lain seperti Akta Dadah Berbahaya jika dibebaskan dan dilepaskan, adakah hak dicatatkan di dalam akta tersebut bahawa mestilah dadah tersebut dihapuskan dengan pengetahuan orang yang dituduh atau hak-hak tertuduh untuk melihat dadah tersebut dihapuskan seperti juga DNA sebagai barang bukti. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan John Fernandez [Seremban]: Terima kasih Yang Berhormat. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu ialah lain sebab biasanya di dalam mahkamah apabila kes sudah dihabiskan, majistret atau hakim akan memberikan satu perintah untuk menghapuskan dadah itu. Akan tetapi di sini lain. Contoh yang saya berikan ialah cap jari atau sampel-sampel DNA. Kita mesti ada satu *provision* di bawah seksyen 18 seperti di sini ada (a), (b), (c), (d) dan (e). Bolehkah saya tambah (f) yang dikatakan dalam satu bulan daripada masa yang dikatakan di sini enam bulan, kita mesti memberi satu notis secara bertulis melalui 'AR' *registered* kepada orang kena tuduh di mahkamah mengatakan DNA sampel sudah dihapuskan *or it has been destroyed*. Itu ialah saya punya *point* di atas seksyen 18.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: [Bangun]

Tuan John Fernandez [Seremban]: Yang Berhormat Segambut, ya.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *Thank You*, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, *clauses* 17 dan 18 hanya mengatakan *remover only for suspect* yang tidak dituduh. Bagaimana *remover* untuk *the accuse who has been acquitted* dan juga *remover* untuk tertuduh yang telah menjalani kesalahannya. Saya bagi satu contoh kepada Yang Berhormat Seremban.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: [Menyampuk]

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Satu budak yang berumur 18 tahun yang masih *naive* telah melakukan satu kecurian dan dia telah disabitkan kesalahan. Tiga bulan yang lepas iaitu apabila dia mencapai umur 23 tahun, dia mendapat satu *scholarship* dan dia mahu pergi ke US untuk belajar. Akan tetapi sampai di US, Kastam US sudah mendapat profil DNA daripada kerajaan Malaysia mengatakan dia adalah seorang *criminal* dan dia telah dihantar balik ke Malaysia. Itu memang tidak adil. Apa pandangan Yang Berhormat Seremban?

Tuan John Fernandez [Seremban]: Terima kasih Yang Berhormat Segambut. Saya bersetuju dengan cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat sebab jikalau kita melihat *clause* 18, tidak ada *provision*. Saya faham apa yang dikatakan. Kita ada *provision* di atas (b) ialah di mana kes ditarik balik, (c) ialah dibebaskan atau dilepaskan, (d) ialah *acquitted, discharged* iaitu dibebaskan dan dilepaskan. Contohnya tanpa bela diri. Akan tetapi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Segambut iaitu *after the sentence has been served* iaitu dia masuk penjara lima tahun dan keluar. Akan tetapi di sini tidak ada *provision*. Itulah saya katakan *clause* 18 ini mesti di *review* oleh *ministry* yang berkenaan kerana saya katakan di sini ada banyak lakuna.

Where is the provision for people who has served the sentence. Where is the protection dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Where is the protection for the accuse who has served the sentence for 5 years. Is there any protection here?*

Puan Hajah Nancy bin Shukri [Batang Sadong]: [Bangun]

Tuan John Fernandez [Seremban]: Dikatakan *for those where who has served this sentence*, sampel dibalikkan dalam enam bulan? Tidak ada.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Boleh bagi laluan?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada soalan kepada Yang Berhormat tentang seksyen 18 juga. Saya setuju dengan pandangan tadi iaitu seksyen 18 ada banyak kelemahan khususnya yang disebut adalah kita tidak ada satu jaminan OKT ini akan diberitahu. Akan tetapi selain daripada itu, saya melihat kelemahan lain di mana peruntukan ini berbunyi bahawa DNA profil itu akan *removed* atau dikeluarkan tetapi adakah perlindungan di sini di mana DNA profil itu tidak akan disimpan di tempat lain atau dimasukkan ke dalam *data base* yang lain di mana ada implikasi Tuan Yang di-Pertua dari segi *privacy*, dari segi hak *privacy* seseorang individu itu. Ia tidak disebut di sini dan itulah satu lagi kelemahan.

Tambahan pula kita melihat hak untuk DNA profil ini dikeluarkan daripada DNA bank hanya adalah untuk orang yang terlibat dalam kes-kes mahkamah. Macam mana

dengan orang seperti tahanan atau *detainee* dengan izin ataupun *drug dependents* yang juga dimasukkan ke dalam DNA bank tetapi tidak ada peruntukan atau hak mereka untuk DNA profil mereka dikeluarkan. Jadi di sini pun kita melihat kelemahan dalam *clause* 18 ini. Jadi saya minta pandangan dan penjelasan.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Terima kasih Yang Berhormat Subang. Saya bersetuju di sini ada banyak lakuna di bawah seksyen 18. Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian...

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Boleh bagi laluan sebab ia berkaitan. Boleh?

Tuan John Fernandez [Seremban]: Boleh, boleh.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Memang kalau kita baca akta ini, rang undang-undang ini, memang banyak nampak macam lakuna sebab ini satu *parent act*, dengan izin. Akan tetapi kalau kita rujuk macam tadi kita nampak dalam seksyen 18 tidak ada prosedurnya. Saya mahu menyarankan mungkin ini boleh disarankan kepada pihak kementerian untuk mengenakan atau *to apply* dengan izin seksyen 26 di mana dibolehkan untuk membuat peraturan berhubung dengan pemindahan *the remove* kah apa dengan izin. Semua itu boleh kita buat secara terperinci kerana ini satu peruntukan undang-undang akta. *I mean the Parent Act* dengan izin. Jadi ia tidak *spell out the detail*. Sebab itu ia nampak macam banyak kekeliruan tetapi kalau dikira banyak perundangan sama ada peraturan ataupun undang-undang kecil yang boleh dilahirkan dari akta induk ini. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: [Bangun]

Tuan John Fernandez [Seremban]: Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Minta laluan. Sedikit saja.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Boleh, boleh.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu pandangan Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa sekiranya rang undang-undang utama ataupun akta induk ini sudah ada banyak kelemahan atau kekeliruan. Bagaimana, apa jaminan yang kita ada bahawa peraturan-peraturan yang disediakan ataupun yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri akan jadi *perfect* atau akan jadi terus bagus.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Serdang tetapi pandangan Yang Berhormat Batang Sadong saya ada sedikit pandangan lain kerana selepas ramai orang disabitkan kesalahan, katakan digazetkan oleh kerajaan, akta ini digazetkan oleh kerajaan dan selepas banyak orang OKT-OKT sudah digantung oleh sebab seksyen yang dikatakan *conclusive* di bawah seksyen 24, *what is the point of making amendment after people have been hang. It is too late*. Oleh sebab itu saya tidak menyokong apa yang dikatakan tadi dan mesti saya ikut pandangan-pandangan yang lain.

■1710

Saya ingat lebih sesuai jikalau kita *review* balik akta ini. Semak balik akta ini oleh kementerian yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, saya akan menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada seksyen 25. Seksyen 25 ialah satu *indemnity* diberikan kepada kerajaan Malaysia daripada diambil apa-apa tindakan oleh siapa-siapa yang terlibat, orang kena tuduh, satu *indemnity* diberikan kepada menteri dan *Head of DNA* dan pihak –pihak yang lain seperti dikatakan di bawah seksyen 25 (a) sehingga (f).

Saya tidak bersetuju *indemnity* ini. *This is a blacked provision for the protection of the government section*. Saya tidak bersetuju di bawah seksyen 25 ini. Sebab, *it is against the rule of natural justice*. Saya tidak faham kenapa seksyen 25 dimasukkan sebab, jikalau kita tengok kes-kes sivil di mahkamah, katakan kes kecuaiian *medical negligent* di hospital-hospital. Pihak yang terlibat mesti boleh ambil tindakan kepada kerajaan. Di Hospital

Seremban, ada banyak kes kecuaiian. *Negligent suit* di mana perkhidmatan *out patient* tidak ada baik dan banyak *patient* ada ambil *negligent suit* di atas kerajaan Malaysia.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: [Bangun]

Tuan John Fernandez [Seremban]: Kenapa kita mahu bagi *protection*, satu *indemnity* kepada kerajaan? *This is not normally done*. Saya tidak setuju dengan seksyen 25. Ya, Yang Berhormat Telok Intan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Seremban. Jadi, adakah Yang Berhormat setuju bahawa rang undang-undang ini akan sekali gus hendak hapuskan budi bicara hakim-hakim di mahkamah kita?

Tuan John Fernandez [Seremban]: Saya bersetuju 200% dengan pandangan dari Ahli Yang Berhormat Telok Intan. Bukan sahaja seksyen ini sahaja merampas kuasa mahkamah tetapi di atas seksyen 24, saya tidak suka ulang balik apa yang dikatakan oleh rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Namun, jikalau kita bacakan seksyen 24 iaitu dikatakan seksyen 24 dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Rampas bidang kuasa mahkamah. Jikalau kita mengikut seksyen 24, apa mahu bicara lagi di dalam mahkamah? Panggil IAO, panggil pegawai siasatan, masukkan laporan DNA, sabitkan kesalahan. Itu sahaja.

Oleh sebab itu, dirampas bidang kuasa mahkamah, saya langsung tidak boleh sokong kos 24. Setakat masa ini, mengikut sijil undang-undang, *this is up to date*. Sebelum rang undang-undang ini digazet. Apa situasi dari segi undang-undang? Dari segi undang-undang, di hari ini satu laporan DNA diberikan kepada hakim atau majistret adalah *collaborative evident* sahaja. *Collaborative evident* iaitu keterangan sokongan. *It is a collaborative* ialah keterangan sokongan tetapi jikalau kita menggunakan seksyen 24, banyak orang boleh disabitkan oleh mahkamah dan banyak kes boleh dijalankan. Tidak payah kita panggil saksi yang lain. Sebab di sini, dia katakan *compressive*. Panggil satu IAO, masukkan DNA, masukkan dia ke penjara.

Oleh sebab itu, saya tidak boleh sokong undang-undang macam ini. Perkara-perkara yang lain di atas seksyen...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Boleh saya minta penjelasan?

Tuan John Fernandez [Seremban]: Boleh, boleh, boleh Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada fasal 25. Adakah Yang Berhormat Seremban bersetuju bahawa perlindungan keseluruhan diberi kepada menteri, Ketua Bank Data dan lain-lain ini tetapi perlindungan kepada OKT iaitu orang yang kena tidak ada langsung kena mengena akta ini. Saya ingin bertanya pandangan daripada Yang Berhormat Seremban. Iaitu kita difahamkan jika sampel-sampel yang akan dijadikan bukti dan dibawa sebagai *as a big* atau sebagai *evidence* di mahkamah ini. Orang yang kena tuduh atau orang yang akan kena saman ini...

Tuan John Fernandez [Seremban]: OKT?

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: OKT. Okey, yang kena saman ini, dia berhak pada masa yang sama ambil sampel sendiri untuk dibuat kajian swasta atau lain-lain, supaya dapat juga dicabar atau dibentangkan atau *submit* di mahkamah supaya mahkamah dapat buat keputusan untuk membuat perbandingan atau memutuskan yang mana kajian yang boleh diterima oleh mahkamah supaya penghakiman dapat dibuat? Adakah Yang Berhormat Seremban bersetuju dengan saya bahawa orang yang kena tuduh ini dalam rang undang-undang ini langsung tidak di *protect* atau diberi perlindungan?

Tuan John Fernandez [Seremban]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kota Melaka. Saya bersetuju dengan cadangan yang diberikan. Sebab, jikalau kita baca rang undang-undang ini, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, jika macam kes sivil, kes

kemalangan, ada pihak plaintif ada satu laporan *specialist report*, peguam untuk defendan boleh dihantarkan pihak plaintif kepada *specialist* yang dia sendiri punya *specialist*. Pakar, *specialist* untuk menyemak plaintif dan tengok adakah *injury-injury* yang dapat pada pihak plaintif dalam laporan *medical* itu sama ada betul atau tidak betul.

Namun, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka di sini, jika sampel diberikan dalam mahkamah, di dalam laporan, apa yang dikatakan ialah adakah OKT yang, Tuan Yang di-Pertua, OKT dalam mahkamah bukan orang kena tembak. Ini orang kena tuduh. *[Ketawa]*

Adakah OKT boleh dapat dia punya pakar DNA sendiri untuk semakkan balik sampel itu? Itulah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka. Dalam rang undang-undang ini...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sikit.

Tuan John Fernandez [Seremban]: ...OKT tidak ada hak dijaga dan OKT tidak ada peluang untuk menyemak sampel balik itu melalui pakar DNA dia sendiri. Yes, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Dengan izin, Yang Berhormat Seremban, saya mohon penjelasan kerana mendengar penjelasan Yang Berhormat tadi seolah-olah rang undang-undang ini telah membunuh semangat *common law* yang mana mempertahankan prinsip *adversarial system*. Maksud saya ialah yang mana pihak-pihak yang terlibat dengan izin *the litigant* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, mempunyai hak untuk memberi pendapat.

Di sini kita merujuk kepada keterangan saintifik. Sekiranya peruntukan seksyen 24 ini diluluskan dan diwartakan, saya rasa dengan izin mohon penjelasan. *The vary meaning of common law which is the advent system*, telah mati di negara ini. Terima kasih. Mohon penjelasan.

Datuk Wira Ahmad bin Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat...

Tuan John Fernandez [Seremban]: Terima kasih...

Datuk Wira Ahmad bin Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Seremban. Ada berkaitan dengan itu.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Jasin.

Datuk Wira Ahmad bin Hamzah [Jasin]: Ya, Jasin. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Seremban tadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak minta izin lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, teruskan.

Datuk Wira Ahmad bin Hamzah [Jasin]: Kalau kita tengok balik daripada perkara 12, untuk pengambilan sampel intim, tadi Yang Berhormat sebut, tadi pesalah tadi tidak ada peluang untuk membela diri dia.

Namun, kalau kita tengok pada perkara 5 tadi, seseorang yang daripadanya satu sampel intim diambil, adalah berhak kepada maklumat yang diperoleh daripada analisis sampel yang diambil daripadanya. Maknanya, perkara ini telah pun disebut dalam rang undang-undang ini. Jadi, maknanya kalau hendak kita buat perbandingan di antara sampel analisis DNA yang dibuat oleh Bank Data, kita ada kita punya analisis sendiri ataupun *law profile* sendiri yang boleh kita buat perbandingan. Jadi tidaklah kita menyekat kepada yang kena tuduh. Bagaimana pandangan Yang Berhormat.

■1720

Tuan John Fernandez [Seremban]: *Overwrite deprivation of section 12* oleh sebab itu saya tidak bersetuju. Akan tetapi saya bersetuju pandangan Ahli Yang Berhormat daripada Balik Pulau sebab *this act is the dead knell for many OKTs* dalam mahkamah. Akta ini boleh hantarkan banyak orang, *will hang many people*.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Tuan John Fernandez [Seremban]: *Not only outside the Dewan, but inside the Dewan* juga dan daripada itu Tuan Yang di-Pertua saya ada satu dua, bolehkah saya habis?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Satu soalan sahaja ini.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Satu dua *points* sahaja. Perkara yang lain ialah saya tidak setuju dengan seksyen 24 sebab *this is against the rules of natural justice* dengan izin, dan juga langgar Artikel 5 *Federal Constitution*. Yes, Yang Berhormat Pendang.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Seremban. Ada hubung kait dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Melaka dan juga Yang Berhormat Jasin tadi ini berhubung dengan *collection of samples*. Saya *run-through* DNA Act 2007 Trinidad and Tobago dalam seksyen 30 mereka ada mengatakan *post collection procedure*. Maknanya apa-apa yang perlu dilakukan terhadap sampel yang diambil. Cara mana dia ambil, apa yang perlu dibuat, siapa yang menjadi saksi sehinggalah ia di *test* di makmal sebelum ianya dibuat profil DNA. Maknanya perkara itu diketahui tapi kalau dalam akta atau undang-undang yang kita ada ini hanya pegawai perubatan ambil lepas itu masuk dalam profil DNA. Makna sampel itu pergi ke mana kita tidak tahu. Mungkin jatuh atas tilam atau jatuh atas cadar, benda itu boleh berlaku. Kita tidak ada *post collection procedure* di mana yang ada dalam Akta DNA Trinidad and Tobago Pandangan Yang Berhormat.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Saya setuju 200%. Pandangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Selalu di atas tilam. Itu setuju.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Maybe you* setuju 300% sini.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Selain daripada itu saya tidak sokong bil ini sebab yang saya katakan *against the rules of naturel justice* dan saya dengar pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh minta jalan tidak?

Tuan John Fernandez [Seremban]: ...Dalam Dewan yang mulia ini saya bagi cadangan untuk...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Menyampuk]*

Tuan John Fernandez [Seremban]: ...Tangguh *bill* ini dan saya minta merayu kepada kementerian...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh minta penjelasan?

Tuan John Fernandez [Seremban]: ...Untuk semak balik akta ini. Ya, siapa? Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Seremban, ahli peguam yang tersohor ya. Ini klausa 25 ini saya hendak tanya apakah dalam pengalaman Yang Berhormat Seremban klausa 25 ini ada terdapat dalam rang undang-undang yang lain. Mana menteri dan juga pegawai-pegawai yang menjalankan tugas diberi perlindungan terhadap apa-apa *proceeding* undang-undang ini dalam rang undang-undang yang lain dalam Perlembagaan kita? Terima kasih.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Seksyen 25 saya sudah beritahu kepada Dewan yang mulia ini. Mengikut seksyen 25 saya tidak bersetuju sebab *this is a 100% 'demnity* bagi kepada pihak kerajaan. Macam mana hak OKT?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *No, no. Is that any...*

Tuan John Fernandez [Seremban]: *I don't agree.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bukan *agree*.

Tuan John Fernandez [Seremban]: *Just clarify...*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ada tidak dalam pandangan Yang Berhormat Seremban, ada tidak dalam undang-undang lain bahawa klausa yang sama terdapat dalam rang undang-undang yang lain yang telah kita luluskan sebelum ini.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Tidak ada, tidak ada. Saya sudah bagi satu contoh...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak ada? Minta penjelasan sahaja.

Tuan John Fernandez [Seremban]: *Hold on, let me reply.* Saya tidak setuju sebab saya sudah bagi satu contoh yang baik kepada Dewan yang mulia ini di atas *negligent suit*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [*Bangun*]

Tuan John Fernandez [Seremban]: Bila orang pergi hospital dan di atas pakar buat satu *operation* yang tidak betul dia boleh bawa tindakan kepada kerajaan. Di Hospital Seremban ada banyak *negligent suit* di mana pakar-pakar hospital buat kecuai di atas *operations*. *Therefore, why must we have this section 25? I don't agree...*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sebab Tuan Yang di-Pertua tanya kepada Yang Berhormat Seremban sebagai....

Tuan John Fernandez [Seremban]: *I don't agree with the whole act. This whole act I don't agree.* Apa kita mahu bincang?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua saya mahu minta penjelasan. *Very simple* penjelasan. *The question is not whether you agree or not sir.* Saya bukan peguam, dia peguam yang tersohor jadi soalan saya senang sahaja Yang Berhormat Seremban. Apakah di dalam rang undang-undang yang lain-lain yang telah pun diluluskan, yang diguna pakai sebelum ini sama ada klausa 25 ini terdapat dalam rang undang-undang yang sedang dan telah dipraktikkan di dalam negara kita? Itu soalan saya sebab saya bukan peguam. Saya hendak tanya kepada peguam tersohor.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: [*Bangun*]

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kalau ada *then this clause should be a normal clause.*

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Kalau ada maksudnya tidak adillah?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya tidak tahu. *Just answer.*

Tuan John Fernandez [Seremban]: Jawapan kepada Yang Berhormat, jangan lari daripada tajuk di hadapan mahkamah ini. *This is the tajuk. Here we are debating this bill.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya, *I know.*

Tuan John Fernandez [Seremban]: Dalam seksyen ini 25 tidak ada...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *You are practicing,* Yang Berhormat Seremban...

Tuan John Fernandez [Seremban]: ...laitu ada satu *indemnity* bagi kepada kerajaan. Jangan lari daripada tajuk...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey, okey. [*Dewan riuh*]

Tuan John Fernandez [Seremban]: ...*Bill* di hadapan Dewan ini ialah *bill* ini.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Minta penjelasan. [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat Kota Belud saya dengar, Yang Berhormat Seremban punya jawapan pun saya dengar. Biarlah ia berakhir di situ. Yang Berhormat Subang, *point of order* ke apa ini?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: *You* hendak tanya bagi *fee* dululah.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Minta penjelasan.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Tidak ada bagi *fee*, bagi wang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rasah janganlah begitu. Sila Yang Berhormat Subang.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Saya bagi kepada Ahli Yang Berhormat dari Subang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Seremban tentang fasal yang sama yang mungkin boleh bantu Yang Berhormat daripada Kota Belud. Iaitu adakah perlindungan yang diberi sekarang adalah meliputi dan saya baca daripada versi bahasa Inggeris imuniti yang diberi terlalu luas sebab perlindungan kepada Kementerian dan pegawai kerajaan adalah untuk semua *act neglect, default or omission done by him in good faith*. Itu hampir 100% perlindungan yang tidak munasabah dan ini pun telah dibangkit dalam perbahasan kita dalam rang undang-undang tembakau dan kenaf dan akhirnya perkataan *neglect* dan *default* ditarik balik dalam rang undang-undang itu.

Pandangan saya yang hendak dikemukakan kepada Yang Berhormat Seremban dan minta pandangan beliau sama ada apabila kita masuk *neglect* dan *default* itu ialah kita beri perlindungan kepada keabahan dan kecuaiannya dan ini tidak boleh diterima. Inilah tidak munasabah. *We cannot*, dengan izin kita tidak boleh beri perlindungan untuk *negligence of anybody* dan inilah kelemahan yang besar dalam *clause 25* seperti yang sedia ada. Minta pandangan daripada Yang Berhormat Seremban.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sedikit lagi Yang Berhormat Seremban.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Minta sedikit penjelasan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Seremban sikit sahaja lagi. Soalan saya *straight forward*.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Sekarang sudah 5.29.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *No, no you don't run away*. Soalan saya senang sahaja....

Tuan John Fernandez [Seremban]: Bolehkah saya jawab dalam satu minit? Saya jawab...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Yang Berhormat Serdang.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Seremban, *yes or no* sahaja.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Sedikit...

Tuan John Fernandez [Seremban]: *This section 25 is too wide* sebab dikatakan di dalam...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Menyampuk]*

Tuan John Fernandez [Seremban]: ...*Neglect, default or omission done by him in good faith in carrying out his powers, function*. Saya tidak bersetuju. Dalam seksyen ini *too wide*. Di dalam akta lain ada tetapi bukan macam ini. *This is too wide, the scope is too wide* itu saya punya jawapan dan suka menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua satu minit sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah habis berucap?

Tuan John Fernandez [Seremban]: Saya sudah habis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sudah habis.

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah habis berucap jadi makanya tidak perlu lagi untuk ada penjelasan. Sekarang ini siapa yang mahu turut berbahas lagi? *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Wangsa Maju?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa saya *compromise* dengan *lady in the middle*.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah berdiri beberapa kali sudah.

5.30 ptg.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya mengucapkan terima kasih kerana Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk membahaskan mengenai rang undang-undang Identifikasi Asid Deoksiribonukleik dan sebenarnya saya fikir...

Tuan Yang di-Pertua: Sambung esok. Mahu kena sambung esok ke ini?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tuan Yang di-Pertua, lain kali boleh angkat tangan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat persidangan kita tangguhkan hingga hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang